Bil. 27

Rabu
10 Julai 2019

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

# K A N D U N G A N

**USUL MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M.62** (Halaman 1)

**PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA:**
- Ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran Kepada Perdana Menteri (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 22)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019 (Halaman 22)

Diterbitkan oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2019

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. " Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. " Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. " Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. " Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. " Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. " Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. " Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. " Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. " Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. " Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. " Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. " Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. " Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH

24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH

25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN

26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN

27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN

28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

**<u>TIMBALAN MENTERI</u>**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM

2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM

3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM

4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM

5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR

6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR

7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR

8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR

9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR

10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR

11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP

12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP

14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP

15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP

16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP

17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH

20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH

21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR

22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN

23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN

24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*

25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*

26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*

27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

**AHLI-AHLI (PH)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR

2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM

3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - PPBM

4. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR

5. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM

6. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR

7. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR

8. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP

9. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR

10. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR

11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] - PPBM

12. : Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR

13. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP

14. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP

15. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR

16. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR

17. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP

18. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP

19. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR

20. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP

21. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM

22. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH

23. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH

24. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR

25. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM

26. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR

27. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR

28. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR

29. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

30. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP

31. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP

32. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR

33. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP

34. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR

35. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR

36. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP

37. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP

38. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR

39. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR

40. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM

41. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR

42. “ Dato’ Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM

43. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP

44. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM

45. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM

46. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM

47. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR

48. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP

49. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR

50. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR

51. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM

52. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP

53. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR

54. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR

55. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP

56. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP

57. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR

58. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP

59. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - PPBM

60. “ Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM

61. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR

62. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

63. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR

64. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM

65. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP

66. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR

67. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP

68. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR

69. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP

70. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR

71. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP

72. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP

73. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP

74. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR

75. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR

76. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR

77. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP

78. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP

79. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP

80. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP

81. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP

82. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] - PPBM

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO

2. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO

3. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO

4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO

5. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

6. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO

7. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO

8. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N,, S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO

9. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [ [Ketereh] – UMNO

10. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

11. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

12. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO

13. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO

14. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

15. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO

16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO

17. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

18. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO

19. “ Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO

20. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO

21. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO

22. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC

23. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO

24. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO

25. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO

26. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO

27. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO

28. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO

29. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO

30. “ Dato’ Dr. Noraini Ahmad, **D.S.A.P., D.**M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO

31. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO

32. “ Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

33. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO

34. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO

35. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO

36. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO

37. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO

38. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO

39. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

40. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]

2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]

3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]

4. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]

5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]

6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]

8. “ Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]

9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]

10. “ Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]

11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]

12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]

13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]

14. “ Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]

15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]

16. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]

17. “ Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]

18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (PBB)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]

2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]

3. “ Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]

4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]

5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]

6. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]

7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]
3. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]

**AHLI-AHLI (PRS)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

**AHLI-AHLI (WARISAN)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

**AHLI-AHLI (PDP)**

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

**AHLI-AHLI (PBS)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

**AHLI-AHLI (PBRS)**

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

**AHLI-AHLI (UPKO)**

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

**AHLI-AHLI (SUPP)**

1. Yang Berhormat Dato’ Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

**AHLI-AHLI (STAR)**

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

**AHLI-AHLI (PSB)**

1. Yang Berhormat Dato’ Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]

**PARLIMEN MALAYSIA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS**
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Muhammad Qhidir bin Mat Isa
Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurammarah binti Md Isa
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juarah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 10 Julai 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

---

**USUL MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019**

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di nombor 4 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini".

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PINDAAN) 2019**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon untuk menarik balik DR 9/2019, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di nombor 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini".

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong.

## PEMASYHURAN DARIPADA TUAN YANG DI-PERTUA

### UCAPAN SELAMAT HARI ULANG TAHUN KELAHIRAN KEPADA PERDANA MENTERI

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini, Rabu, 10 Julai 2019, bagi pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, dengan penuh sukacita ingin menyampaikan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Kelahiran yang ke-94 kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. *[Tepuk]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Happy Birthday*!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sama-sama mendoakan agar Yang Amat Berhormat Tun terus dipanjangkan usia, disihatkan tubuh badan, terus dilimpahi akal fikiran yang bijaksana serta diberi petunjuk dan hidayah untuk memimpin negara ke tahap yang makmur, aman dan sejahtera. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Amin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesungguhnya, semangat gigih Yang Amat Berhormat Tun pada usia ini akan menjadi pembakar semangat kita semua dalam usaha masing-masing untuk memartabatkan negara ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat Tun.

## JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Dari kami semua, selamat hari jadi. Selagi Perdana Menteri di bawah PM, mari kita semua bersatu. *Jasa bakti Tun tidak terperi, soalan Jeli nombor satu*".

**1. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan prestasi Malaysia Airlines Berhad serta sejauh manakah keberkesanannya sehingga ke hari ini.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih terhadap ucap selamat hari jadi saya oleh Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan yang pertama. Terima kasih. Terima kasih juga kepada semua yang hadir. *[Tepuk]*

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, bagi menjawabnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan berkaitan Malaysia Airlines Berhad ini secara bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat Sungai Petani kerana menyentuh hal yang sama. Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan dengan membawa hasrat rakyat yang mahukan negara tercinta ini diselamatkan dan dibina semula.

Dalam hal ini, kerajaan melihat Malaysia Airlines Berhad sebagai aset strategik yang akan terus dipertahankan dan dipulihkan. Namun begitu, usaha pemulihan ini tidak akan berjaya sekiranya kita hanya menyatakan iltizam dengan pelbagai pelan, tetapi tidak diikuti dengan usaha bersungguh-sungguh. Pengorbanan semua pihak yang terlibat, terutamanya pihak pengurusan dan kakitangan Malaysia Airlines Berhad amat penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan, mengoptimumkan pulangan ke atas perbelanjaan serta mengutamakan produktiviti. Sokongan rakyat juga diperlukan untuk menjayakan usaha meletakkan kembali syarikat penerbangan negara di tahap yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29 Ogos 2014, Kerajaan BN dahulu melalui Khazanah Nasional Berhad selaku pemegang saham utama Malaysian Airline System Berhad (MAS) telah melancarkan Pelan Pemulihan MAS (*MAS Recovery Plan*) yang merupakan pelan penstrukturan semula komprehensif bertempoh lima tahun yang bertujuan untuk memulihkan semula syarikat penerbangan negara tersebut.

**■1010**

MRP (*MAS Recovery Plan*) menyasarkan MAS yang juga kemudiannya dikenali sebagai Malaysia Airlines Berhad (MAB) untuk kembali kukuh dan mencatatkan keuntungan pada tahun 2018. Setelah lima tahun pelaksanaan MRP secara umumnya Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah melakar beberapa kejayaan khususnya dari segi penambahbaikan dan peningkatan dalam operasi dan perkhidmatan pelanggan. Penambahbaikan ketara dapat disaksikan dalam ketepatan masa penerbangan, pengendalian bagasi serta kepuasan pelanggan. Namun hal yang sama tidak dicerminkan dalam prestasi kewangan MAB yang masih mencatatkan kerugian akibat pelbagai faktor luaran termasuk peningkatan persaingan.

Di sebalik kegagalan MRP ini, kerajaan tetap akan berusaha memulihkan MAB. Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB) kini sedang bekerjasama dengan Khazanah untuk menggubal semula strateginya dan menilai semua pilihan strategi untuk memulihkan prestasi syarikat ini. Kerajaan juga terbuka dan mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak bagi menyelamatkan Malaysia Airlines System termasuk pembelian oleh sektor swasta.

Sementara itu MAGB sedang melaksanakan usaha bersepadu untuk mengurangkan kerugian melalui peningkatan pendapatan dan inisiatif rasionalisasi kos. MAB juga kini giat meneroka pelbagai peluang strategik serta rangkaian kerjasama yang mampu membawa kebaikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kerjasama Malaysia Airlines Berhad dan Japan Airlines (JAL), satu memorandum persefahaman ataupun MoU telah ditandatangani pada 27 Mei 2019. MoU tersebut merangkumi kerjasama antara Malaysia dan Jepun dalam perkhidmatan penumpang bagi Malaysia Airlines Berhad dan Japan Airlines serta laluan domestik seterusnya yang akan menghubungkan perkhidmatan antarabangsa.

Di samping itu, kedua-dua syarikat penerbangan ini juga akan bekerjasama dalam skop yang lebih luas seperti berkongsi amalan terbaik, meneroka kerjasama dalam bidang lain seperti perkhidmatan kargo dan sama-sama membangunkan sektor pelancongan di pasaran Malaysia dan Jepun. Kerjasama ini dijangka akan bermula pada tahun 2020, namun ia tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia dan Jepun.

Melalui kerjasama ini, Malaysia bakal mendapat pelbagai manfaat ekonomi termasuk memperkukuhkan hubungan perdagangan dengan Jepun, potensi untuk meningkatkan sektor perdagangan dan pelancongan serta dapat mempromosikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai hab perjalanan udara. Selain itu, para penumpang juga akan mendapat lebih banyak pilihan perhubungan *or connectivity* yang lebih baik dan secara keseluruhannya perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jawapan yang cukup komprehensif. Seperti Yang Amat Berhormat sebut tadi, MAS adalah satu pelaburan strategik yang perlu dipertahankan dan jenama MAS ini amat hebat. MAS telah merangkul banyak *award*, *ASEAN Leading Airline* dan lain-lain lagi dan ramai *ex*-MAS staf yang bekerja luar negara yang menunjukkan mereka itu hebat.

Jadi, Yang Amat Berhormat ada sebut, ada banyak faktor yang menentukan kejayaan ataupun kegagalan MAS. Ada luaran dan dalaman. Adakah saingan daripada syarikat-syarikat di Timur Tengah seperti Emirates memberi kesan kepada prestasi MAS dan dalam negara sudah pasti AirAsia merupakan satu syarikat yang cukup hebat dari segi daya saingnya. Ada juga faktor dalaman seperti pengurusan. Pengurusan CEO, pekerja dan juga seperti Yang Amat Berhormat sebut tadi rakyat perlu sokong, kita perlu ada satu langkah bersepadu daripada pelancongan, pelaburan untuk menyokong MAS.

Persoalannya, setakat mana boleh kita adakan satu penyelesaian yang *sustainable* ataupun lestari dalam konteks saingan yang cukup hebat daripada dalam dan luar negara. Setakat manakah boleh kita gembleng seluruh rakyat Malaysia, semua agensi kerajaan, pelancongan, pelaburan dan rakyat Malaysia untuk pastikan kita menyokong aset ataupun pelaburan strategik ini supaya jenama Malaysia dapat tersohor di seluruh dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah usaha-usaha yang dibuat untuk memulihkan MAS semasa ia ditubuh. Pengurusan-pengurusannya telah ditukar berkali-kali. Masing-masing berjanji mereka dapat pulihkan semula penerbangan MAS

ini tetapi malangnya semuanya tidak dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh MAS. Oleh sebab itu hari ini kita berhadapan dengan kemungkinan penerbangan ini dihentikan sama sekali supaya kita dapat selamatkan wang yang banyak untuk pemulihannya.

Begitu juga kita sanggup mendengar pendapat-pendapat lain berkenaan dengan cara-cara untuk memulihkan semula MAS. Kita juga sanggup mendengar cadangan mengambil alih MAS sama ada secara langsung iaitu membeli MAS dan menukar namanya supaya ia tidak ada lagi kaitan dengan Malaysia ataupun kita kekal dengan nama MAS dan kita ada kerjasama dengan mana-mana *airline* yang mungkin boleh menyumbang kepada pemulihan penerbangan MAS. Semua ini akan dikaji oleh pihak pengurusan MAS dan juga kerajaan supaya apabila kita bertindak, kemungkinan ia dipulih akan menjadi lebih baik. Sekarang ini kita berhadapan dengan pasaran yang cukup mencabar. Kalau dahulu di waktu MAS ditubuh, tidak ada *low cost airline* dan tidak ada *high cost airline* yang lebih berjaya.

Seperti daripada Timur Tengah, kita dapati ada *airline* yang mampu menjual tiket dengan harga murah tetapi sekarang ini kita juga terpaksa bersaing dengan *low cost airline.* Ini yang menyebabkan sukar bagi mana-mana *airline* mendapat keuntungan. Kita telah lihat *airline* di negara-negara lain juga telah dirosakkan pengurusannya kerana bersaing dengan terlalu banyak *airline* yang menerbangkan dari satu tempat ke satu tempat. Bahkan Japan Airlines juga menghadapi masalah yang sama tetapi Japan Airlines dapat dipulihkan.

Ini juga harapan kita iaitu kita akan pulihkan semula MAS tetapi ia terpulang kepada cadangan-cadangan untuk bagaimana memulihkan MAS yang akan dibuat oleh syarikat-syarikat asing.

**■1020**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat menyebut kemungkinan antara cara penambahbaikan itulah adalah menjual ekuiti MAS kepada syarikat-syarikat lain, ataupun bekerjasama dengan syarikat lain.

Setakat hari ini, adakah kerajaan telah pun mengenal pasti syarikat-syarikat tersebut sama ada dijual ataupun bekerjasama? Adakah kerajaan menetapkan syarat bahawa entiti tempatan sahaja yang boleh mengambil alih MAS, dan bukan entiti luar dan sebagainya? Terima kasih

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak cadangan daripada syarikat-syarikat bahkan kumpulan-kumpulan pengusaha tertentu. Akan tetapi pada masa ini, kita belum dapat membuat keputusan sama ada menjual ataupun bekerjasama dengan syarikat yang lain, ataupun kita mengambil bahagian juga dalam pemulihan *airlines-MAS* kita ini.

Akan tetapi, sesuatu yang kita ingin kekalkan ialah nama syarikat- mesti ada kaitan dengan negara kita iaitu Malaysia. Kita tidak boleh jual syarikat ini sehingga namanya terhapus sama sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan ketiga di sebelah kanan kalau ada, di sebelah kiri?

**Beberapa Ahli:** *[Berdiri]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat Langkawi. Kita harap MAS/MAB tidak akan dijual kepada entiti asing. Harapan kita juga adalah jika syarikat yang kita berikan itu gagal, jangan ada usaha *bail out* terhadap syarikat yang gagal itu. Seterusnya, ialah jangan ada pekerja yang dibuang.

Selain daripada *Japan Airlines* yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada tidak syarikat penerbangan di sebelah Eropah yang kita boleh bekerjasama dengan mereka? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Kita berharap dalam apa juga tindakan yang diambil, kita tidak perlu gugurkan pekerja-pekerja MAS tetapi kalau mereka pilih untuk bekerja dengan syarikat yang lain, itu adalah keputusan mereka. Kita sendiri tidak akan tamatkan.

Syarat kita pada pembeli ataupun mana-mana rakan kongsi, kita tidak akan kurangkan pekerja yang sudah berada dalam MAS sekarang. Ini menyebabkan kita sukar untuk dengan mudahnya bertindak untuk pemulihan MAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin satu soalan tambahan yang terakhir. Silakan Yang Berhormat Petrajaya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Memang penyelesaian pada MAS ini agak kompleks- untuk mengimbangi antara operasi, keuntungan, kerugian pada masa yang sama kita hendak menjaga imej negara kita.

Apa-apa pun keputusan sudah pasti yang terbaik untuk negara kita. Cuma kalau ada apa-apa keputusan nanti, adakah ia akan memberi kesan- khususnya di Sabah dan Sarawak yang bergantung pada perkhidmatan udara untuk perhubungan? Kalau dulu kerajaan memberi subsidi melalui MAS, sebab itu penerbangannya agak *affordable* untuk Sabah dan Sarawak.

Adakah perkara ini akan terus dikekalkan, ataupun apakah mekanisme untuk memastikan bahawa perhubungan di Sabah dan Sarawak dan antara Semenanjung sekali pun tidak akan terjejas di mana harga terlalu mahal dan mungkin tidak ada kemampuan pada rakyat untuk berhubung melalui hubungan udara? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Perkara ini Tuan Yang di-Pertua –semua perkara ini akan diambil kira dalam kita usaha membuat keputusan berkenaan dengan masa depan MAS. Kita tidak berhajat untuk memberhentikan *rural air service MASWings* dan juga penerbangan yang bersaing dalam kos rendah ataupun *low cost airlines* ini.

Semuanya akan diambil kira, dan satu perkara yang kita akan beri tekanan ialah ia mesti ada kaitan dengan negara kita.

**2.** **Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, kesan ke atas ekonomi Malaysia ekoran risiko ketidaktentuan persekitaran global khususnya antara Amerika Syarikat dan China mutakhir ini.

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pendang, KDNK Malaysia berkembang pada kadar 4.7 peratus pada tahun 2018, dan menyederhana kepada 4.5 peratus pada suku pertama 2019. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu 4.3 peratus hingga 4.8 peratus.

Senario ini antara lain disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang rendah disebabkan ketidakpastian dasar monetari negara maju, jangkaan pertumbuhan ekonomi China dan negara Asia lain yang lebih perlahan, serta harga komoditi yang tidak menentu.

Jangkaan kelembapan ekonomi negara turut mengambil kira tempias perang dagang ataupun *trade war* antara Amerika Syarikat dengan China yang masih berterusan. *Trade war* di antara Amerika Syarikat dan China memberi kesan negatif kepada dagangan dunia. Ini turut memberi kesan kepada Malaysia memandangkan kedua-dua negara tersebut merupakan rakan dagang utama negara ini.

Walaupun Malaysia akan terkesan berikutan situasi tersebut, permintaan domestik terus menjadi pemacu pertama kepada pertumbuhan negara. Usaha terus dikekalkan untuk menjana pertumbuhan ekonomi domestik terutamanya di dalam mempromosikan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan.

Kesan daripada tindakan Amerika Syarikat mengenakan tarif ke atas China, pelabur-pelabur daripada China beralih operasi perniagaan ke Asia Tenggara. Peralihan pelaburan ini akan menguntungkan ekonomi Malaysia. *Trade war* membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport komoditi ke China terutamanya minyak sawit yang merupakan barangan pengganti kepada minyak soya dan jagung. Pada bulan Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir USD900 juta bagi membekalkan satu 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga April

2019, eksport minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat hampir 255,000 tan dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 di Bangkok dua minggu yang lalu, Malaysia komited untuk meningkatkan inisiatif perdagangan dan mengambil peluang daripada ekonomi negara ASEAN yang hampir mempunyai 650 juta penduduk. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa telah tiba masanya untuk negara ASEAN mengambil inisiatif khusus dalam meningkatkan dagangan antara negara di rantau ini.

Dalam hal ini, usaha khusus perlu dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan dagangan di antara negara-negara ASEAN, menggalakkan kesalinghubungan di dalam segala aspek daripada segi infrastruktur digital, peraturan dan kawalan serta hubungan rakyat di dalam mewujudkan *seamless* ASEAN.

Ini akan membuka ruang kepada setiap negara untuk menggunakan *comparative advantage* masing-masing bagi meningkatkan perdagangan rentas sempadan atau *cross border trade.* Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan data daripada Jabatan Statistik Malaysia, China merupakan rakan dagangan utama Malaysia iaitu 16.6 peratus berbanding dengan Amerika Syarikat 8.6 peratus, dan Jepun 7.2 peratus.

Data terkini pada bulan Mei 2019, eksport ke China merosot 252 juta ataupun *-2.2 percent.* Secara spesifiknya, berasaskan bulan ke bulan, eksport barangan elektrik dan elektronik menurun secara signifikan iaitu sehingga 3.8 bilion ataupun -11.4 peratus.

**■1030**

Eksport barangan elektrik dan elektronik ke China sahaja merosot negatif 10.6 peratus. Industri ini merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara khususnya ekosistem semikonduktor yang merentasi industri dan pemangkin kepada trend global revolusi industri 4.0.

Berdasarkan prestasi semasa ini, adakah industri ini akan terus terjejas dan akhirnya akan melembapkan sektor ekonomi negara pada tahun ini? Jika ya, apakah *exit plan* kerajaan? Saya minta penjelasan daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi sikit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Seperti yang saya tegaskan tadi, saya bersetuju bahawa kedua-dua negara ini merupakan rakan dagang utama bagi Malaysia. Oleh sebab tercetusnya perang dagang di antara kedua-dua negara ini, tidak semestinya industri-industri yang dinyatakan tadi perlu dihentikan ataupun ditamatkan pengembangan industri tersebut kerana kita harus menekankan soal pertumbuhan ekonomi domestik.

Selain itu, saya juga telah menyatakan sebelum ini bahawa kerjasama serantau itu perlu dipertingkatkan. Kita ada *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines-Thailand East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA), di mana melalui *BIMP-EAGA Vision 2025*, kita menetapkan supaya wilayah ini menjadi satu wilayah yang berdaya saing dan mampan untuk menjana satu pertumbuhan yang lebih besar. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita mempunyai 650 juta rakyat di dalam kalangan negara-negara ASEAN. Di bawah *BIMP-EAGA Vision 2025* juga, terdapat 69 projek infrastruktur utama yang bernilai sebanyak USD22.7 bilion dan 16 projek ini telah pun siap manakala yang selebihnya di dalam pelaksanaan.

Selain daripada kerjasama serantau BIMP-EAGA ini, kita juga ada *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT) di mana di dalam IMT-GT terdapat 41 projek kesalinghubungan fizikal ataupun PCP yang bernilai USD47 bilion.

Saya percaya dengan projek-projek yang telah pun disusun di dalam BIMP-EAGA dan juga IMT-GT, kita dapat memperkukuhkan kerjasama serantau di kalangan negara-negara ASEAN seperti yang saya nyatakan tadi iaitu *cross border trade* ini juga mempunyai potensi yang besar memandangkan market ataupun pasaran di kalangan negara-negara ASEAN telah mencecah 650 juta orang. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang tempias daripada perang dagang di antara Amerika dan China khususnya isu peralihan pelaburan dari China ke Asia Tenggara. Apakah yang boleh kerajaan lakukan untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan khusus mengambil kesempatan di atas keadaan perang dagang ini untuk kita menarik pelaburan dari China ke Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya kira Malaysia boleh menjadi *gateway* untuk menembusi pasaran ASEAN yang berjumlah 650 juta orang. Kita bersyukur kerana Malaysia mempunyai kedudukan politik yang stabil, negara yang aman dan makmur. Kita juga mempunyai *human capital* yang *talented*, mempunyai skil dan kemahiran dalam bidang-bidang yang tertentu. Ini pastinya dapat menarik pelabur-pelabur untuk datang ke negara Malaysia. Kita juga mempunyai infrastruktur yang baik sama ada *port*, *airports* ataupun lebuh raya yang boleh menjadi *connectivity* untuk menghubungkan negara-negara ASEAN di masa yang akan datang.

Selain itu, kita juga telah menjalankan satu kajian baru-baru ini yang melibatkan 250 syarikat-syarikat konglomerat yang besar yang melihat apakah kesan kepada *trade war* di antara Amerika Syarikat dan juga China. Kita mendapati daripada 250 *responses* yang terlibat dalam kajian ini, terdapat 24.7 peratus di kalangan mereka yang telah menyatakan hasrat untuk *relocate* ataupun memindahkan operasi ke *South East* Asia termasuk Malaysia. Ini membuktikan bahawa Malaysia mempunyai potensi dalam menghadapi krisis— ini sebenarnya kita boleh menukar krisis menjadi satu *opportunity* bagi Malaysia untuk menarik lebih banyak pelaburan datang ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagan Serai ingin mengucapkan Selamat Hari Lahir yang ke-94 kepada Yang Amat Berhormat Tun. Semoga sihat, diberkati dan dipermudahkan segala urusan.

Bagan Serai juga ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Persatuan Nelayan Kuala Bagan Tiang dan juga pegawai-pegawai dari PPD Daerah Kerian di Parlimen Parit Buntar. Parlimen Parit Buntar dengan Bagan Serai ini duduk dalam satu daerah. Walaupun parti berlainan tetapi kami kawan rapat macam adik-beradik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon pantun sedikit,

*10 Julai hari lahir Tun,*

*Semoga sihat dan berkat Bagan Serai munajat,*

*Gajah terkulai harimau terpegun,*

*Soalan tiga Bagan Serai berhajat.*

**3. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan dalam usaha memulihara isu hidupan liar di Malaysia, kita ada "Malaysian Elephants Action Plan", "Malaysian Tiger Action Plan", "Malaysian Orang Utan Action Plan" dan lain-lainnya. Sejauh manakah pelan tindakan ini dilaksanakan dan meyakinkan kejayaannya.

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat hari jadi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan, izinkan saya mengalu-alukan ketibaan guru dan pelajar Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah, Parlimen Raub. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang ke Parlimen Malaysia.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Tuan Yang di-Pertua, perlindungan spesies terancam merupakan salah satu daripada sasaran Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK). Bagi tujuan tersebut, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mewujudkan beberapa

pelan tindakan untuk melindungi spesies-spesies terancam seperti *National Tiger Conservation Action Plan* (NTCAP) dan juga *National Elephant Conservation Plan* (NECAP). Di samping itu, Jabatan PERHILITAN juga sedang menyediakan pelan *Malayan Tapir Conservation Action Plan* (MaTCAP) untuk konservasi spesies tapir di seluruh Malaysia juga.

KATS melalui Jabatan PERHILITAN juga telah menyediakan *Red List* Mamalia Semenanjung Malaysia ataupun *Red List of Mammals for Peninsular Malaysia* yang telah diadaptasi dari *International Union for Conservation of Nature's Red List of Threatened Species*.

*Red List* Mamalia Semenanjung Malaysia memberikan pengelasan kepada 220 spesies di Semenanjung Malaysia kepada *extinct, critically endangered, endangered, vulnerable, nearly threatened* dan *least concerned.* Data-data tersebut dikumpulkan dan dianalisis oleh maklumat yang diperoleh daripada penyelidik-penyelidik agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan dan NGO. Pengelasan tersebut membolehkan Jabatan PERHILITAN untuk memberikan penekanan yang khusus kepada spesies-spesies yang dikenal pasti menghampiri pengelasan pupus ataupun *extinct*

Kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan *Central Forest Spine* dan inisiatif *Heart of Borneo* bagi menghubungkan kawasan hutan terputus ataupun *fragmented forest* untuk memastikan habitat kehidupan liar terpelihara. Pencapaian fizikal utama yang dapat dilihat melalui pelaksanaan *Central Forest Spine* adalah pembinaan *viaduct* dan menara tinjau di Gerik, Perak.

Selain itu, sejumlah RM9.4 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan PERHILITAN dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) bagi menjalankan kajian di lapangan berkaitan hidupan liar yang wujud dan perlu dilindungi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita ambil contoh harimau yang dikatakan kurang dari 200 ekor sekarang ini di Malaysia, populasi harimau, Malaysia berhasrat hendak menggandakan populasi ini. Apakah hasrat ini boleh tercapai mengikut *Tiger Action Plan* yang disebut tadi, memandangkan cabaran-cabaran dari segi aspek pengurangan habitat yang berlaku, pemburuan haram dan juga konflik dengan manusia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1040**

**Dr. Xavier Jayakumar:** Yang Berhormat Bagan Serai, memang *National Tiger Survey* ini yang kita lakukan sekarang akan tamat pada tahun 2020. Akan tetapi jangkaan kita ialah lepas *survey* ini apa yang kita ingin ada 200 ekor harimau liar di dalam hutan simpanan kita. Akan tetapi isu kehilangan harimau Malaya khususnya pertama ialah yang dikatakan *illegal trade* di dalam *animal parks* ini dan juga bagaimana kita hilang harimau di dalam hutan dengan pemburu yang masuk kepada hutan dan juga meletakkan jerat-jerat di dalam hutan.

Oleh sebab itu kementerian telah mengambil inisiatif untuk kita bekerjasama dengan agensi-agensi lain di dalam Malaysia iaitu Polis Diraja Malaysia dan juga Angkatan Tentera untuk pastikan bahawa kita boleh bersama dengan pegawai-pegawai PERHILITAN untuk menurunkan orang-orang yang masuk di dalam hutan untuk buat apa yang kita katakan *illegal business* di dalam hutan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita kena adakan satu fahaman di antara Persekutuan dengan juga negeri-negeri di mana hutan-hutan simpanan kita, kita kena pastikan bahawa hutan-hutan ini akan kita simpan selama-lamanya. Kalaulah akan digazetkan hutan-hutan ini kita pasti ada satu SOP yang ketat yang kita boleh gunakan. Oleh sebab itu kementerian sekarang di dalam kajian untuk kita keluarkan satu SOP.

Adakah tidak ini akan diikuti oleh negeri? Ini peluang kepada negeri, tetapi kementerian akan keluarkan SOP itu untuk minta kerjasama dari negeri masing-masing untuk kita kurangkan konflik di antara haiwan dengan manusia di dalam kawasan-kawasan tertentu sekarang yang kita nampak meningkat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memuji tindakan Yang Berhormat Menteri yang agak tegas dalam memelihara haiwan liar ini. Cuma saya hendak tanya pada

Yang Berhormat Menteri sebab ramai anak-anak muda di luar sana sekarang ini minat untuk bela haiwan-haiwan eksotik. Bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh mempermudah SOP supaya mereka boleh pelihara?

Sekarang ini, *pet* bukan hanya kucing dan anjing, sudah bermacam-macam Yang Berhormat Menteri, ular sawa, iguana dan buaya. Bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat memudahkan urusan SOP ini supaya anak muda dapat merai dan merayakan hobi baru mereka ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Kalau ikut undang-undang yang kita ada, sesiapa pun hendak memelihara apa-apa haiwan sebagai *pet* dia, kena dapatkan kelulusan dari Menteri. Oleh sebab itu, kita ada satu SOP yang kita telah sediakan tetapi jangan *confuse* beruang untuk *puppy* dan sebagainya lah, tapi kita pun kena lihat di mana mereka simpan haiwan liar ini. Kalau di pangsapuri susah, ada tanah tidak apa. Kita boleh tengok sikit tetapi ini satu isu yang kita hadapi sekarang dan juga macam mana mereka hendak dapat haiwan-haiwan yang dikatakan spesies-spesies yang eksotik ini. Itu pun kita ada satu garis panduan ataupun undang-undang di mana bukan semua spesies ini boleh dibeli ataupun dijual di pasaran di luar.

*So* kita kena lihat apa spesiesnya dan apa kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh orang-orang yang hendak simpan spesies-spesies ini di dalam rumah mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas Peraturan 23 *[sambil menunjukkan buku]* .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Peraturan 23 (1)(a). Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang telah tersebut di bawah ini:-

(i) dalam sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata yang sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu.

Maka, kalau kita merujuk kepada soalan keempat yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, bahagian (b) dia telah menyebutkan nama individu. Jadi saya meminta supaya soalan ini memandangkan dia telah melanggar peraturan, dia seharusnya ditendang, dibatalkan Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk melindungi imej Dewan Rakyat kita.

Semua mesti mengikut peraturan, kenapa mesti sebut nama individu tersebut. Ini satu niat yang jahat Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Itu ada poin 22 (1)(a), jadi nama seseorang itu tidak perlu dimasukkan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** 23 (1) (a).

**Tuan Yang di-Pertua:** Dikekalkan bahagian (a), dan digugurkan bahagian (b).

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Juga Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada Peraturan 23(1)(r) sepatutnya perkataan tidak boleh lebih daripada 40 perkataan satu pertanyaan. Soalan dia lebih daripada 40 perkataan, 53 perkataan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kalau kita hendak kira jumlah perkataan, tiap-tiap kali banyak soalan, tidak boleh nak ditanya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya, betul. Adakah dibenarkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Teruskan. Bahagian (a) ya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, *standing order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi peraturan mesyuarat? Ya silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak merujuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Melaka.

*Paku dulang paku serpih,*

*Mengata orang dia yang lebih.*

Lihat soalan 104, Peraturan 23 jelas mengatakan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak mengapa Yang Berhormat. Kita tidak akan sampai soalan 104.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Peraturan 23 telah mengatakan 23 (Q) dan Peraturan Mesyuarat 36 (8) Yang Berhormat Menteri, menyentuh Institusi Raja-raja. Itu sebab saya beritahu, jangan kata pada orang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Silakan duduk. Saya hendak teruskan dengan sesi ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kalau sendiri pun daripada – buat kesilapan yang sama adakah *double standard* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tidak akan sampai pada bilangan 104 itu. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jangan sentuh DAP saja.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya sama dengan Yang Berhormat Paya Besar Tuan Yang di-Pertua. Isu yang sama dengan Yang Berhormat Paya Besar.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua,

*Dari Klang sampai ke Tumpat,*

*Soalan saya nombor empat.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya tulis nama itu disebabkan kawasan dulu adalah PJ Utara. Sekarang kawasan itu tidak wujud, jadi saya letak jawatan itu. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata nama itu tidak payah tapi sekurang-kurangnya jawatan itu telah dinyatakan dengan jelas. Terima kasih. Pohon jawapan.

**4. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan :-

(a) apakah komponen projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang tidak lagi dilaksanakan selepas kos terdahulu RM65.5 bilion dikurangkan kepada RM44 bilion. Bukankah ini satu pengecilan skop *(downsizing)* yang pasti akan mengurangkan kos pembinaan dan ianya bukan penjimatan berdasarkan skop asal; dan

(b) kenapa kerajaan tidak mengguna pakai cadangan Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan iaitu Tony Pua pada 15 November 2016 yang menganggarkan kos sebenar ECRL hanya RM29 bilion sahaja.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, selamat pagi. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung pelaksanaannya bermula daripada tarikh 3 Julai 2018 sehingga 12 April 2019.

Selama tempoh tersebut, pihak kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik China dan pihak China Communications Constructions Company Limited sebagai kontraktor utama projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan, dan pentauliahan projek ECRL.

Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 biilion ataupun pengurangan 33 peratus, Tuan Yang di-Pertua. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai ataupun *value engineering* yang menyeluruh, merangkumi semua aspek pelaksanaan projek.

Kajian teknikal ini dijalankan bersama di antara pihak pemilik projek yang dilantik kerajaan iaitu Malaysia Rail Link Sendirian Berhad dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Baharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang di Selangor. Hanya jajaran Kota Baharu, ke Wakaf Baru, Pengkalan Kubor tidak lagi dilaksanakan kerana ianya tidak menambah nilai yang besar terhadap jaringan pengangkutan rail kereta api masa ini.

Namun jajaran sambungan utara ini akan dikaji semula pada masa yang akan datang. Stesen-stesen yang dibatalkan pula adalah Bentong, Gombak Utara, ITT Gombak, Telaga Papan, Jelawat, Pengkalan Kubor dan Wakaf Baru. Stesen-stesen baharu yang telah dikenal pasti di sepanjang jajaran yang baharu ialah Bangi, Kajang, Putrajaya Sentral, Pelabuhan Klang dan stesen-stesen baharu turut dicadangkan di Selangor dan Negeri Sembilan.

**■1050**

Oleh yang demikian, tiada pengecualian skop dilaksanakan bagi projek ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam. Disebabkan kontrak asal dipersetujui atas landasan *government to government,* kerajaan terpaksa berunding dalam kekangan kontrak yang sedia ada untuk meneruskan projek ECRL. Dalam usaha memutuskan hala tuju projek ECRL, kerajaan mempunyai pilihan sama ada untuk berunding semula atau membayar pampasan sebanyak RM21.78 bilion. Justeru itu, kerajaan memilih untuk kembali semula ke meja rundingan dengan pihak kerajaan China bagi mendapatkan tawaran yang lebih baik daripada perjanjian asal itu dan kita telah berjaya merundingkan semula dan menjimatkan RM21.5 bilion. Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenyataan *Malaysia Rail Link* pada 9 Mei 2019 mengatakan bahawa perjanjian ECRL yang dimeterai tiga tahun yang lalu tiada elemen *overpricing.* Ini kenyataan yang telah dibuat dan ini bermakna tohmahan kononnya ada digelapkan duit sebanyak RM25 bilion seperti yang didakwa sebelum ini tidak berasas. Mengenai jajaran baru Yang Berhormat, oleh sebab ECRL tidak lagi melalui Gombak dengan Bentong jadi sebaliknya dijajarkan ke Putrajaya dan Jelebu.

Apakah perubahan dari segi jumlah trafik dan juga ramalan pendapatan ECRL dan begitu juga jarak ECRL dipendekkan daripada 680 kilometer kepada 640 kilometer. Ia telah dipendekkan dan tidak dilanjutkan ke sempadan Thailand. Maka, apakah kesan dan implikasi daripada segi kargo trafik dari selatan Thailand dan bagaimana ia menjejaskan pendapatan ECRL dan Pelabuhan Kuantan. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup yakin bahawa jajaran baru ini akan memberikan pulangan yang baik dan sudah tentunya kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa apa-apa risiko daripada jajaran baru itu ataupun pengoperasian daripada ECRL itu dikongsi bersama di antara pihak Malaysia dan juga pihak daripada negara China iaitu kerana kita daripada segi syarikat operasinya telah pun kita adakan satu usaha sama di mana dua-dua syarikat menubuhkan satu *joint venture company*, 50-50.

Kita yakin dengan jajaran baru itu, bukan sahaja daripada segi projek itu merangkumi projek pembinaan daripada segi skopnya, pembinaan daripada segi infrastrukturnya tetapi kita juga memastikan bahawa di sepanjang jajaran itu, kita ada kerjasama dengan pihak negara China untuk membina kawasan-kawasan perindustrian. Itu sebabnya apabila adanya perjanjian ini, dengan adanya kerjasama dengan pihak negara

China, kita yakin bahawa kita akan dapat menarik lebih banyak syarikat perindustrian untuk membina kilang-kilang di sepanjang jajaran ECRL itu. Dengan itu, ia akan menambah bilangan kargo yang akan diangkut melalui ECRL sama ada ke Pelabuhan Klang ataupun Pelabuhan Kuantan.

Jadi, untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam, kita yakin bahawa apa yang telah pun diusahakan ini akan membuahkan hasil. Bukan sahaja dapat menjimatkan RM21.5 bilion wang daripada rakyat ataupun Kerajaan Malaysia tetapi usaha sama yang baru yang telah pun dikenal pasti dan telah dimeterai itu akan membuahkan hasil dan memberikan pulangan untuk menjayakan projek ECRL ini untuk bukan sahaja dapat menyelesaikan ataupun menyiapkan projek itu tetapi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi terutamanya di Pantai Timur. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat Rasah, ada sedikit pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini adalah delegasi dari Indonesia yang diketuai oleh Yang Berhormat Ibu Susi Pudjiastuti *[Tepuk],* Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia. Kepada Yang Berhormat Ibu Susi Pudjiastuti dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran delegasi ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Yang Berhormat Ibu Susi Pudjiastuti dan delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persaudaraan dan hubungan Malaysia dan Indonesia *[Tepuk].*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan baharu kerana dengan rundingan semula ini, berjaya menjimatkan satu jumlah yang sangat besar iaitu RM21.5 bilion untuk mengelakkan ketirisan dan penyelewengan dan sebagainya. Soalan saya di sini, dengan adanya jajaran baru itu termasuk di kawasan Negeri Sembilan khasnya di daerah Jelebu dan juga Negeri Sembilan yang berdekatan dengan Selangor, jadi apakah hubungan ECRL ini dengan MVV 2.0? Macam mana ia boleh membawa anjakan ekonomi kepada kawasan yang terlibat? Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah kerana membangkitkan soalan itu. Memang tujuan kita apabila kita melihat kepada jajaran baru itu, salah satu faktor yang sangat penting ialah ia menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kawasan-kawasan perindustrian dan saya sendiri pun telah berjumpa dengan pihak pengurusan daripada MVV dan memang perancangan kita supaya stesen yang akan dibina di Negeri Sembilan itu kalau boleh berdekatan dengan MVV supaya ia akan menjadi satu infrastruktur yang sangat strategik, yang sangat penting kepada pertumbuhan MVV.

Itu sebabnya apabila adanya stesen yang berdekatan dengan kawasan MVV ini, ia akan menjadi satu penarik kepada pelabur-pelabur supaya mendirikan kilang dan juga membina industri-industri di MVV. Ini kerana ia akan menjadi satu tempat di mana ada infrastruktur pengangkutan supaya barangan-barangan yang dikeluarkan daripada kilang-kilang di MVV itu mudah diangkut ke pelabuhan-pelabuhan utama terutamanya Pelabuhan Klang dan juga Pelabuhan Kuantan. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Mohon tambahan Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan. Berkaitan Pantai Timur, sangat penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan, soalan ringkas sahaja. Silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, boleh? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya rasa saya mewakili rakyat di Kelantan khususnya rasa terkilan apabila jajaran baru yang telah diputuskan oleh pihak kementerian untuk memotong sekurang-kurangnya tiga stesen saya dimaklumkan, apa lagi di kawasan sempadan dengan Thailand. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk menjadi pemangkin kepada kawasan perindustrian. Kalau kita tengok sebagaimana di kawasan saya sendiri ada tapak industri halal sampai hari ini tidak dapat beroperasi kerana

tidak ada kemudahan infrastruktur termasuklah kemudahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Akan tetapi kenapa apabila pembinaan ECRL ini, jajaran ini dipotong? Jadi, sekali lagi rakyat menyaksikan menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi, saya harap perkara ini diberi penjelasan. Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan masalah 40 peratus yakni kontraktor bumiputera yang dilibatkan dalam projek ECRL ini. Jadi, kenapa hanya 40 peratus? Kenapa tidak boleh dinaikkan 50 peratus? Ini akan boleh menaikkan lagi prestasi ekonomi melibatkan rakyat tempatan. Minta penjelasan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, mengapa dahulu tidak tanya Kerajaan Barisan Nasional? *[Dewan riuh]* Pada masa dahulu, mengapa tidak 50 peratus? Dahulu hanya 30 peratus untuk kontraktor tempatan tetapi rundingan semula sekarang ini kita menaikkan... *[Disampuk]*

**Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Jawab soalanlah.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...daripada 30 peratus hingga 40 peratus. Kalau dahulu hanya 30 peratus. Tanyalah kawan baru sekarang, kenapa dahulu hanya 30 peratus?

**Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Jawablah soalan, jawab soalan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Dahulu pun tanya, sekarang pun tanya. Jawab sekaranglah.

**Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawablah soalan. Sudah jadi kerajaan...

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Jawab soalan itu, jawab soalan!

**Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kawan baru bagi 70 peratus.

**Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Jawab soalan dahulu.

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Menteri akan menjawab, silakan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab bahawa Kerajaan Pakatan Harapan... *[Disampuk]*

**Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kalau *exam* dapat D ini, tidak jawab soalan.

**Tuan Loke Siew Fook:** ...tidak menganaktirikan mana-mana negeri. Kita juga membantu memastikan bahawa jajaran yang baru ini memberikan pemangkin, memberikan pertumbuhan kepada semua negeri. Daripada empat negeri, kita jadikan kepada lima negeri. Daripada Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Lima negeri campur satu Wilayah Persekutuan yang akan mendapat tempias daripada projek ini. Daripada segi jajaran baru, kita telah buat kajian. Apa yang kita telah putuskan itu ataupun stesen-stesen yang tidak dilaksanakan itu kerana pada masa kini, ia tidak menambah nilai yang besar tetapi kita tidak menolak kemungkinan, apabila projek itu siap dan pada masa akan datang apabila ada permintaan yang baharu, maka projek itu akan dapat kita kaji semula dan buat pembinaan yang baharu.

Daripada segi kawasan-kawasan perindustrian yang dekat, walaupun mungkin ia tidak bersebelahan dengan stesen kereta api baru tetapi dalam sektor logistik sekarang ini, kita menggunakan multi modal, bukan sahaja kereta api tetapi juga boleh merangkumi mod pengangkutan yang lain. Jadi, tidak ada timbul soal bahawa kita menganaktirikan mana-mana kawasan ataupun mana-mana negeri dan pihak kerajaan akan memastikan bahawa jajaran baru ini akan menjadi pemangkin dan menjadi satu faktor untuk membawa pertumbuhan ekonomi di semua negeri yang dilalui oleh projek ECRL ini. Sekian, terima kasih.

**5.** **Tuan Lim Lip Eng [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah kerajaan membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam

khususnya Jabatan Imigresen dan pihak polis. Adakah kerajaan berhasrat meminda undang-undang berkenaan dengan pesalah wajib dijatuhi hukuman penjara serta harta dirampas.

**■1100**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada dua pecahan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada Januari 2019 kerajaan telah memperkenalkan Pelan Anti Rasuah Nasional ataupun NACP 2019 hingga 2023. NACP merupakan dasar anti rasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. Kerangka dasar-dasar strategik NACP merangkumi enam bidang berisiko yang menjadi keutamaan pelan ini termasuk kecekapan pencapaian perkhidmatan awam.

Di antara inisiatif yang digariskan bagi menangani risiko rasuah dalam kalangan penjawat awam khususnya penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen dan juga pihak polis adalah:

(i) pusingan kerja secara mandatori kepada mereka yang memegang jawatan sensitif;
(ii) menggalak dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam;
(iii) pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP);
(iv) proses pengeluaran permit dan lesen yang kukuh dan efektif; dan
(v) elemen integriti yang diambil kira sebagai prasyarat dalam proses kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, dalam usaha membanteras gejala-gejala rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam, kerajaan juga telah menjadikan pengurusan berisiko sebagai asas kepada pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) yang diwajibkan dalam sektor awam di bawah NACP. Perkara ini dijangka akan berjalan dengan lebih lancar dengan lebih seribu orang pegawai integriti bertauliah yang telah dilatih oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak program ini diperkenalkan.

Pengurusan risiko rasuah atau *corruption risk management* (CRM) adalah proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang telah, sedang dan mungkin berlaku dalam menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah. Ia juga menawarkan mekanisme bagi mewujudkan sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan integriti, seterusnya mengurangkan peluang untuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan juga penyelewengan.

Untuk makluman Yang Berhormat, NACP juga akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi kerajaan dalam membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi masing-masing. Di samping itu, kerajaan juga telah mengenal pasti tiga agensi bagi membantu sektor awam untuk membangunkan OACP iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di IACC dan juga Institut Integriti Malaysia.

Tiga bidang yang menjadi fokus SPRM ialah penguatkuasaan (*enforcement*), perolehan (*procument*) dan juga pelesenan (*licensing*). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah ikrar bebas rasuah (IBR), ceramah, majlis penerangan, perbincangan meja bulat, kempen melalui media dan juga setiap..... *[Tidak jelas]* juga mempunyai unit integriti yang akan menggerakkan agenda pencegahan rasuah di agensi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat Kepong berkenaan adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman penjara yang saya rasa yang beliau maksudkan adalah hukuman penjara mandatori ataupun *minimum sentence*. Setakat ini untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan masih lagi belum membuat apa-apa keputusan. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, memang hukuman sekarang adalah hukuman penjara cuma tidak mandatori.

Sebenarnya hukuman mandatori ini juga Yang Berhormat bukan satu hukuman yang begitu popular di kalangan para hakim sebab kita mengikat tangan hakim dan sama ada adakah, Yang Berhormat kata adakah kita patut mengenakan harta dirampas atau *forfeiture,* untuk makluman Yang Berhormat, dalam akta SPRM ada dua seksyen, seksyen 40 dan 41 yang mengandungi peruntukan mengenai *forfeiture* ataupun rampasan walaupun kes belum dibuktikan tetapi kita kena *satisfy* ataupun kena puaskan hati mahkamah, bahawa harta yang dirampas itu adalah harta yang ada kaitan dengan rasuah itu. Jadi, ada dua seksyen, seksyen 40 dan 41. Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 41 itu walaupun tidak dakwa masih boleh lagi *forfeit*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Ya, bolehkah kerajaan wajib anggota polis, imigresen dan agensi *enforcement* yang lain memasang kamera semasa operasi penangkapan, *raid* dan sebagainya. Minggu lalu kerajaan beritahu saya, kata kerajaan *in principal* setuju tetapi kerajaan tidak ada duit, ini tidak munasabah. Saya cadangkan kerajaan melaksanakan polisi ini *phase by phase*, mulai di Kuala Lumpur. Kalau ada duit, mungkin di Selangor dan lain. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Pasang kamera ya Yang Berhormat. Ini satu cadangan yang bagi saya memang kreatif daripada Yang Berhormat. Jadi, saya buat masa ini Yang Berhormat tidak ada satu mandat untuk mengatakan bahawa kerajaan telah bersetuju. Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, cadangan itu adalah cadangan yang saya rasa baik, mungkin akan dipertimbangkan. Jangan takut Yang Berhormat, kalau ada duit semua boleh buat.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh mengenai langkah-langkah kerajaan membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa. Suka untuk saya bertanyakan, bilakah dalam usaha untuk memberi kuasa kepada SPRM untuk diletakkan di bawah Parlimen, seperti mana yang sebelum ini diperjuangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana dan juga disokong oleh sebelah sini dan diletak dalam janji ke-14 Pakatan Harapan.

Janji 14 ini membebaskan SPRM, diletakkan di bawah Parlimen dan di bawahnya disebut pengisytiharan harta. Pengisytiharan harta telah diluluskan sebulat suara di Parlimen ini, bilakah pula dan apakah sebab-sebab kenapa SPRM tidak terus diletakkan di bawah Parlimen seperti mana janji Pakatan Harapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lari topik sedikit ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh ya, Menteri boleh jawab ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Walaupun seperti biasa wakil rakyat PAS selalu lari tetapi saya akan jawab jugalah. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Pergi masuk yang lain dah *hat* lari tu.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Lari, sebelah sana lari.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat. *Relax*lah. Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat hanya kerajaan kali ini yang ada mewujudkan *Select Committee* yang banyak daripada kerajaan lama.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Itu saya tanya SPRM bila nak letak bawah Parlimen? Tak tanya fasal *Select Committee*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Sabar dulu, Yang Berhormat sabar dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat dahlah lari, sabar dulu.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Banyak tapi tak berfungsi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Akan tetapi Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat saya hendak beritahu, apa Yang Berhormat katakan itu sebenarnya memang kita bincangkan panjang, cumanya persoalannya ialah mungkin kita nak fikirkan langkah terbaik untuk kita laksanakan itu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Cuma tak buat saja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini dalam isu pelantikan yang kita tahu pelantikan Ketua Pengarah SPRM yang baru, walaupun kita mungkin boleh bahaskan sama ada benda ini ikut tidak ikut manifesto, itu tetapi Yang Berhormat paling kurang kita telah panggil ketua pengarah untuk hadir di Parlimen ini ke jawatankuasa untuk disoalkan. Yang ini tidak pernah berlaku dalam zaman kerajaan dulu. Jadi Yang Berhormat kenalah tengok sedikit yang kerajaan dulu dan sekarang. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tak jawab, tak jawab.

**6. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perkembangan usaha untuk memperkenalkan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS).

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap atas soalan tersebut. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Padang Terap itu bersama dengan soalan Yang Berhormat rakan seperjuangan saya dari Lanang bertarikh 16 Julai 2019 memandangkan skop soalan ini adalah sama iaitu berkaitan dengan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia atau *Malaysia Future Leader School* (MFLS).

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, program MFLS telah bermula pada 1 April 2019. Sehingga kini sebanyak empat *cohort* program MFLS telah dilaksanakan, melibatkan seramai 5,940 orang peserta. Program ini mensasarkan penyertaan seramai 35,000 orang peserta pada 2019 yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 15 sehingga 17 tahun di seluruh Malaysia. Ia dilaksanakan sebanyak 15 *cohort* di 16 kem wawasan negara ataupun pusat latihan yang terlibat di seluruh Malaysia ini.

Bagi memperkenalkan ataupun mempromosikan program ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan beberapa inisiatif, termasuk taklimat kepada agensi yang berkolaborasi bagi menjayakan program ini. Antaranya termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia, taklimat kepada pegawai-pegawai pendidikan, kepada pengetua-pengetua sekolah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, pengetua-pengetua sekolah tahfiz dan juga pentadbir Maktab Rendah Sains Mara dan juga para pengetua MRSM yang terlibat.

**■1110**

Promosi juga dilakukan melalui portal MFLS, media sosial, slot temu bual promosi di media perdana, pra-pelancaran Program MFLS, pelancaran MFLS dan kapsul ataupun iklan MFLS di media perdana.

Berkenaan soalan Yang Berhormat Lanang pula. Yang Berhormat Lanang bertanyakan status kem-kem swasta yang telah digunakan semasa PLKN dahulu memandangkan Kem Bina Negara milik kerajaan sudah pun memadai untuk menempatkan peserta MFLS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 14 buah Kem Wawasan Negara yang dahulunya dikenali sebagai Kem Bina Negara digunakan bagi tujuan pelaksanaan MFLS di seluruh Malaysia. Namun pada masa yang akan datang, jika ada keperluan menambahkan kuantiti kem ataupun keperluan untuk menggunakan kem selain daripada apa yang kita ada sekarang, contohnya apabila kem kita melalui proses menaik taraf ataupun pengubahsuaian, maka kem swasta akan dipertimbangkan bagi penggunaan pelaksanaan program MFLS. Kem swasta ini akan dilantik melalui proses tender terbuka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan Malaysia ini kalau ikut bajet yang telah dibentangkan tahun lalu ialah RM70 juta peruntukan untuk sekolah kepimpinan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi empat *cohort* telah dilaksanakan dengan 5,940 pelajar telah terlibat. Saya dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang dipilih ini adalah pelajar-pelajar yang mempunyai akademik yang baik dan dari segi kepimpinan di sekolah.

Jadi, boleh nyatakan jumlah hari yang di— berapa hari kah program ini diadakan dan untuk modul yang diguna di kem-kem latihan ini, setakat ini untuk satu tahun berapa *cohort* boleh dihabiskan.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih atas soalan tambahan oleh Yang Berhormat Padang Terap. Terlebih dahulu sebelum saya menjawab soalan tersebut, mungkin saya hendak memperbetulkan sedikit—ada sedikit fakta iaitu 60 peratus daripada peserta yang dipilih untuk Sekolah Pemimpin Masa Hadapan ini merupakan pelajar cemerlang, 60 peratus. Akan tetapi bagi mengimbangkan demografi penyertaan, maka 40 peratus pelajar dipilih daripada kelompok pencapaian akademik sederhana tetapi mempunyai pencapaian yang baik dalam bidang kokurikulum.

Dari segi *cohort*, ada 15 *cohort* setahun dan bagi—mungkin soalan tadi tentang kandungan modulnya. Saya akan memberikan kepada Yang Berhormat melalui jawapan bertulis. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya. Kita mendapati bahawa sering kali ada di mana masyarakat daripada luar bandar ataupun FELDA, khususnya anak-anak belia FELDA ataupun kampung-kampung yang kurang diberikan perhatian ataupun ruang. Apakah rancangan kementerian untuk memastikan bahawa penyertaan daripada anak-anak kita daripada FELDA dan juga kampung-kampung diberi peluang. Adakah kursusnya akan dijalankan dalam bahasa Inggeris kerana kalau hendak jadi pemimpin masa hadapan, kita perlukan penguasaan dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat lain dalam Dewan ini, memang kita memberikan pemberat agar penyertaan peserta MFLS ini terdiri daripada masyarakat rakyat Malaysia, anak muda pelbagai lapisan dan juga jantina. Jadi dalam pada itu, 60 peratus hingga 70 peratus daripada *cohort*, 40 peratus sederhana itu akan dipilih daripada kalangan mereka yang dari golongan B40. Secara keseluruhannya, pemberat akan diberikan kepada kawasan geografi, pecahan gender, pecahan kaum dan sebagainya. Ini bagi mengimbangkan demografi para peserta.

Soalan keduanya tadi tentang penguasaan bahasa Inggeris. Sudah tentu program MFLS ini seperti mana program kerajaan yang lain akan menetapkan bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan kita sebagai bahasa rasmi tetapi dalam kursus-kursusnya mungkin ada pendedahan dengan speaker-speaker terkemuka daripada pihak swasta dan luar negara yang mungkin akan bercakap dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi, asasnya ialah kita ingin mengetengahkan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar. Bukan sahaja secara amnya tetapi juga kepada pemimpin-pemimpin masa depan kita iaitu anak muda dalam program MFLS ini. Sekian, terima kasih.

**7. Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

(a) berapa jumlah pencarum dalam PERKESO pada Mac 2019; dan

(b) adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi memberikan perlindungan kepada pencarum termasuk manfaat kematian di luar masa kerja.

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan statistik terkini PERKESO sehingga Mac 2019, jumlah pencaruman pencarum PERKESO adalah seramai 7.8 juta pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulai ini, bagi memberikan perlindungan kepada pencarum termasuk manfaat kematian di luar masa kerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Skim Keilatan PERKESO telah menyediakan perlindungan keselamatan sosial 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya. Bagi kes kemalangan yang

berlaku di luar masa kerja termasuk kes kematian, orang berinsurans layak mendapat faedah-faedah seperti pencen ilat, bantuan ilat, elaun layanan sentiasa, pencen penakat termasuk faedah pengurusan mayat bagi kes-kes yang melibatkan kematian, tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya rasa Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mengikut data yang dikeluarkan oleh kerajaan, 13.9 peratus daripada rakyat kita mati kerana sakit jantung, 12.7 peratus pneumonia, 7.1 peratus strok, 4.56 peratus ini *accident* jalan raya. Akan tetapi kalau tengok Akta PERKESO sejak tahun 1969 ini, mereka yang mencarum dan aktif mencarum tetapi kalau dia mati di luar waktu kerja, atau mati di luar waktu dalam perjalanan kerja ataupun balik kerja, makna waktu-waktu lain daripada saya sebutkan tadi, tidak dapat *coverage*. Sedangkan kebanyakan pekerja-pekerja kita yang mencarum ini, mereka yang di bawah gaji RM4,000.

Jadi adakah kerajaan berhajat untuk fikirkan, *pikiaq* la macam mana pun supaya pencarum-pencarum ini bila dia mati walaupun di luar waktu kerja, sekurang-kurangnya dia dapat sedikit duit untuk menguruskan sama ada mayat ataupun meredakan sedikit kesedihan keluarga. Kena *pikiaq* juga sebab semenjak tahun 1969 ini, kita tak pernah fikir benda ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti Yang Berhormat sendiri berjumpa dengan saya minggu dahulu, kita berhajat untuk membawa beberapa pembaharuan. Kita sedang mula untuk berbincang dengan *stakeholders* dan saya juga telah berjanji bahawa kemungkinan esok kita akan jumpa untuk mendapat pandangan dari BBC, apakah yang kita boleh buat supaya kita bukan sahaja meluaskan PERKESO ini kepada semua pekerja, tetapi kita ada juga hala tuju yang baharu. Satu di antaranya Yang Berhormat adalah kita telah bercadang supaya setiap suri rumah juga dapat perlindungan. Ini dalam proses menyediakan undang-undang tertentu untuk memberi manfaat kepada mereka. Itu adalah sebanyak 1.4 juta orang suri rumah dan ini adalah satu inisiatif yang baharu. Bila kita jumpa esok kita akan berbincang secara lebih lanjut. Terima kasih.

**■1120**

**Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pendirian kerajaan berkenaan isu caruman Skim PERKESO dalam kalangan Pekerja Sambilan Harian (PSH)? Adakah kerajaan berhasrat mewajibkan caruman ke atas golongan ini? Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran bagi pemandu teksi dan *e-Hailing* supaya mereka juga mencarum di bawah Skim PERKESO? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mengenai pemandu teksi, kita telah ada akta yang tertentu untuk mewajibkan mereka membayar caruman supaya melindungi semua mereka. Akan tetapi setakat ini tidak sampai 10 peratus dari pemandu teksi yang telah pun sudi bayar caruman. Ini sangat dukacita kerana mereka adalah dalam risiko yang tinggi dan kita membuat bermacam-macam program supaya kita dapat *convince* mereka supaya memberi sumbangan dan diperlindungkan dalam PERKESO. Untuk lain-lain sektor macam nelayan, pemandu bas, pemandu teksi dan lain-lain, macam-macam kalau bolehlah satu di antara *my dream* adalah semua pekerja yang bekerja atau yang tidak bekerja pun patut dilindungi oleh PERKESO. Itu pandangan saya tetapi prosesnya sudah bermula. Kita harap kita dapat meluaskan kepada semua pihak. Jangan kita lupa, satu di antaranya, kita perlu juga caruman yang baik supaya kita dapat bagi pampasan yang lebih kepada pekerja-pekerja di negara ini. Terima kasih.

**8.** **Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Perdana Menteri menyatakan status terkini kajian Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia (ERC) terhadap cadangan pelaksanaan pendaftaran pengundi secara automatik dan apakah halangan terbesar terhadap pelaksanaan cadangan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada sahabat saya, Yang

Berhormat Kota Bharu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan bercadang untuk membawa rang undang-undang bagi meminda Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan mengenai pendaftaran pemilih secara automatik semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14. Sekiranya cadangan tersebut dipersetujui untuk dilaksanakan, ia akan melibatkan pindaan kepada bukan sahaja kepada Perlembagaan Persekutuan tetapi juga pindaan kepada peraturan-peraturan berkaitan pilihan raya, penyediaan proses dan prosedur kerja urusan pendaftaran pemilih serta keperluan sistem dan peralatan untuk pelaksanaan sistem pendaftaran pemilih secara automatik. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menerima cadangan balas daripada Blok Pembangkang, selain daripada menurunkan umum minimum mengundi 21 tahun kepada 18 tahun, juga *automatic voters registration* (AVR), dengan izin. Soalan tambahan saya, apabila pelaksanaan selepas pindaan ini dibuat, apakah pula langkah yang akan diambil oleh kerajaan, khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mendidik rakyat Malaysia tentang kesedaran dan juga kewajipan mengundi bagi memastikan pindaan ini tidak akan menaikkan peratus orang tidak keluar mengundi sebagaimana yang berlaku dalam beberapa pilihan raya kecil, di mana kadar keluar mengundi bawah daripada 50 peratus? Mohon penjelasan, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Terima kasih juga kerana memuji kerajaan ini. Ini menunjukkan kerajaan ini kerajaan yang memang mendengar suara rakyat, bukan kerajaan yang pekaklah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Buat kita puji.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Itu yang pertama. Keduanya Yang Berhormat, langkah memberi pendidikan ini, memberi kesedaran ini merupakan langkah yang berterusan. Ia telah dilaksanakan oleh SPR dan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, kesedaran ini memang telah diwujudkan daripada dahulu sampai sekarang, ia berterusan. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu risaulah. Cuma kita minta jangan ada pihak-pihak yang cuba bila SPR beri penjelasan, *twist* pula. Itu menyebabkan orang tidak faham. Terima kasih.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah dengan pelaksanaan sistem pendaftaran pilihan raya secara automatik ini akan dapat membersihkan data pilihan raya kita daripada pengundi-pengundi yang diragukan dan juga yang telah meninggal dunia? Oleh kerana dahulunya banyak timbul masalah berkenaan dengan undi ragu, pengundi yang telah meninggal dunia berada dalam daftar pemilih dan undi hantu. Jadi, apakah itu dengan pendaftaran secara automatik dapat memastikan kita boleh membersihkan data pilihan raya? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila sekiranya pelaksanaan ini dijalankan, sebenarnya memang ia memerlukan satu *massive exercise* yang mana memerlukan banyak kerja-kerja yang dilakukan. Jadi, saya hendak mengatakan bahawa adakah kita boleh membersihkan secara 100 peratus mungkin agak *premature* di waktu ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat kena bersabar. Sebenarnya, saya telah berbincang dengan pihak SPR dan juga pihak ERC yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan kerja-kerja pilihan raya ini. Memang mereka menyatakan bahawa sekiranya dibenarkan pindaan ini, memang kerja-kerja akan banyak dilakukan dan kemungkinan apa Yang Berhormat suarakan itu boleh berjaya atau tidak. Itu saya rasa di peringkat ini saya tidak boleh lagi hendak bagi jaminan sebab memang benda ini perlukan satu kajian yang mendalam sebenarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*"Dari bumi sampai ke bulan,*

*Soalan saya nombor sembilan".*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jauh lari daripada kelapa sawit. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Dewan ketawa]*

**9. Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]** minta Menteri Industri Utama menyatakan langkah-langkah dan pencapaian yang dicapai oleh kementerian dalam menghadapi kempen anti-minyak sawit di Eropah.

**Timbalan Menteri Industi Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*"Yang Berhormat Tanjong Malim,*

*Sahabat dan rakan berganding bahu kukuhkan Pakatan,*

*Terima kasih atas pertanyaan,*

*Silakan duduk, dengarkan jawapan".*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang pada 10 hari bulan Julai 2019 dan Yang Berhormat Sarikei pada 16 Julai 2019 yang juga menyentuh tentang perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pada Mei 2019 yang lalu Kesatuan Eropah telah pun meluluskan *delegator regulation*, dengan izin, iaitu dokumen pelengkap kepada European Union Renewable Energy Directive II (EURED II) yang dijangka akan memberikan kesan yang negatif kepada industri sawit negara, terutama sekali sebagai sumber bio bahan api di Kesatuan Eropah.

Dalam hubungan ini, kementerian sedang merangka beberapa strategi dan merancang untuk membuat pertimbangan mengambil tindakan undang-undang di bawah, dengan izin, *Dispute Settlement Mechanism* melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization) terhadap Kesatuan Eropah yang didapati telah melanggar prinsip-prinsip WTO. Pada masa ini, kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta lain-lain kementerian yang berkaitan bagi mendapatkan pandangan dalam menangani isu tersebut melalui WTO.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi situasi yang mencabar ini kerajaan akan terus secara konsisten melaksanakan perkara-perkara berikut:-

(i) mengkritik sekeras-kerasnya langkah yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah memandangkan ianya dilihat sebagai satu langkah yang diskriminasi dan tidak adil terhadap industri sawit negara;

(ii) bekerjasama melalui Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC) untuk merangka pelan tindakan dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;

(iii) bekerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau seperti mana yang telah pun kita laksanakan dalam mesyuarat dua hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari tahun ini. Dalam mesyuarat tersebut, untuk makluman Dewan, ASEAN telah pun memutuskan untuk menangguhkan agenda penaiktarafan hubungan dialog ASEAN – EU ke peringkat kerjasama strategik pada satu tarikh yang akan datang; dan

(iv) kementerian berulang kali menyuarakan pendirian dan bantahan negara melalui misi-misi kementerian dan juga surat bantahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Industri Utama kepada Ketua-ketua Negara, anggota Kesatuan Eropah yang berpengaruh berhubung *delegated regulation* di bawah EURED II yang dilihat akan mendiskriminasikan industri sawit negara.

Terakhir, kementerian juga membuat edaran risalah mengenai kebaikan minyak sawit dalam bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jerman di pejabat-pejabat kedutaan dan pejabat Tourism Malaysia yang terpilih di seluruh Eropah bagi tujuan mempromosikan dan menghebahkan mengenai kebaikan minyak sawit.

Selain daripada itu, kerjasama erat juga kita jalinkan dengan Menteri Luar, Menteri Industri Utama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tenaga dan Sumber Asli dan Menteri Tenaga Sains dan Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi ini. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan atau program yang berkaitan sama ada di dalam atau di luar negara, khususnya di negara-negara Kesatuan Eropah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, selain daripada langkah-langkah yang dinyatakan tadi, adakah kerajaan bercadang untuk senarai hitamkan korporat-korporat antarabangsa yang menaja kempen yang menaburkan pembohongan ini?

**■1130**

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat. Saya percaya keseluruhan cadangan dan juga strategi sedang kita pertimbangkan seperti mana saya sebutkan tadi di bawah *mechanism dispute settlement mechanism* malah di pertubuhan perdagangan dunia kerana dari segi kerajaan kita pun telah menyatakan bahawa kita bukan sekadar menyokong *free trade* tetapi juga *fair trade*. Sekian, terima kasih.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan industri sawit negara, saya ucap ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang mengambil beberapa inisiatif. Cuma soalan yang saya hendak sebut, bilakah jangkaan yang dijangkakan tindakan ini telah dibuat, jangkaan yang akan memberi impak yang positif kepada peneroka.

Ini kerana sekarang ini masih belum ada sebarang tanda menyebabkan kita lihat Perdana Menteri sendiri pun telah diboikot begitu rupa. Ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh di atas persoalan yang ditanyakan. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh, kementerian sentiasa mengambil maklum tentang keadaan di peringkat akar umbi terutamanya pekebun-pekebun kecil. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh, harga kita sekarang *ranging* daripada bulan Januari sehingga Jun daripada RM1,950 hingga RM2,100.

Walaupun kita melihat ada bantahan daripada Kesatuan Eropah tetapi saya hendak maklumkan kepada Dewan ini, unjuran eksport dari segi fakta ya. Januari sehingga Mei 2019, jumlah kesemuanya adalah RM1,522,174 berbanding Januari sehingga Mei 2018 iaitu RM1,445,880. Berlaku peningkatan 5.3 peratus eksport untuk produk-produk sawit. Kita yakin bahawa dengan peningkatan eksport dan sebagainya ini tentunya akan memberikan kesan kepada harga dan kemudian *insya-Allah* akan memberikan keuntungan kepada pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu, selesai sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR17/2019 Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019, di No. 1 seperti yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 11 Julai 2019."

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokong?

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendak lah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2019

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan pembentangan, izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat pindaan fasal dalam rang undang-undang, melibatkan fasal 11 serta keperluan untuk memotong perenggan (a) dan menomborkan semula perenggan (b), (c) dan (d) sebagai perenggan (a), (b) dan (c) dalam rang undang-undang yang sedia ada. Sebab pindaan ke atas pindaan fasal ini dibuat akan saya terangkan seterusnya di peringkat Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 777 telah mula dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017. Akta 777 ini yang telah memansuhkan dan menggantikan Akta Syarikat 1965 iaitu Akta 125 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara lain yang berkaitan.

Sejak Akta 777 berkuat kuasa, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menerima maklumat balas bahawa terdapat beberapa peruntukan

dalam akta tersebut yang perlu dipinda untuk memperjelaskan maksud dasar-dasar yang telah ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan serta amalan perundangan yang lebih efektif.

Pihak-pihak yang telah memberi maklum balas adalah seperti:

(i) Bursa Malaysia,

(ii) Jabatan Akauntan Negara,

(iii) institusi perbankan dan kewangan,

(iv) pengamal undang-undang dan

(v) pengamal kesetiausahaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara dasar-dasar utama yang diperkenalkan di bawah Akta 777 adalah seperti berikut:

(i) memperkenalkan kerangka perundangan baharu yang terpakai ke atas semua syarikat;

(ii) memudahkan undang-undang dan tatacara untuk syarikat-syarikat berdasarkan perbezaan persendirian atau awam;

(iii) menghapuskan halangan dan mempermudahkan syarikat persendirian untuk berkembang dan bersaing;

(iv) memberikan akses mudah untuk pemerbadanan termasuk memperkenalkan konsep syarikat yang dianggotai oleh seorang ahli dan ahli tersebut juga boleh menjadi pengarah iaitu *single member single director*;

(v) menyingkirkan halangan kepada proses pemerbadanan dengan memperkenalkan proses yang lebih mudah;

(vi) memperkenalkan pelbagai peraturan baru bagi mempermudah pematuhan oleh syarikat persendirian termasuk menghapuskan keperluan mengadakan mesyuarat agung tahunan dan sebaliknya menggunakan prosedur resolusi edaran bagi tujuan membuat keputusan;

(vii) mempertingkatkan lagi tata urus syarikat iaitu *corporate governance* dan kawalan dalaman bagi menambahbaikkan pengurusan syarikat secara keseluruhannya;

(viii) memperkenalkan rejim tiada nilai tara iaitu *non par value regime*;

(ix) memperkenalkan peruntukan baru mengenai saham dan penyelenggaraan model bagi memudahkan pelaksanaan korporat supaya lebih anjal;

(x) memperkenalkan skim penyelamat syarikat berbentuk penyusunan korporat secara sukarela iaitu *corporate voluntary arrangement* dan pengurusan kehakiman iaitu *judicial management* untuk memulihkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan; dan

(xi) menambah baik sistem semasa pendaftaran gadaian dengan memperbaiki prosedur dan proses yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 5 Julai 2019 telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna segera mengambil tindakan bagi membolehkan beberapa peruntukan dalam Akta 777 ini dipinda untuk memberi penjelasan bagi membolehkan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dilaksanakan dengan lebih efektif dan teratur oleh pihak-pihak dan agensi-agensi yang berkaitan serta pengamal undang-undang dan kesetiausahaan syarikat.

Rang undang-undang ini mencadangkan 13 perkara pindaan kepada Akta 777. Antara cadangan pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda sub perenggan 4(1)(a)(iii) bagi memperuntukkan bahawa satu perbadanan disifatkan sebagai subsidiari perbadanan yang lain jika perbadanan itu memegang lebih daripada separuh jumlah bilangan syer yang dikeluarkan.

Pindaan ini bertujuan menjelaskan bahawa dalam konteks persekitaran syer tanpa nilai tara, pengiraan pemegangan syer adalah berdasarkan jumlah syer yang dikeluarkan.

Fasal 3, bertujuan untuk memperkenalkan takrifan dokumen dalam subseksyen baharu 66(6). Takrifan ini memperjelaskan bahawa hanya dokumen tertentu sahaja yang perlu disempurnakan mengikut peruntukkan subseksyen 66(1).

Fasal 4, bertujuan meminda subseksyen 72(4)(5) bagi memperuntukkan bahawa sekiranya penebusan syer keutamaan adalah daripada keuntungan atau jumlah yang tersedia untuk dividen, jumlah tersebut hendaklah dipindahkan kepada akaun model syer syarikat.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda subseksyen 84(1) bagi menjelaskan bahawa syarikat boleh mengubah model syer melalui satu ketetapan biasa iaitu *ordinary resolution.*

Fasal 6, bertujuan untuk meminda perenggan 93(2)*(b)* bagi memperjelaskan bahawa, permohonan bantahan untuk mengubah hak kelas, hanya boleh dibuat oleh pemegang saham bagi kelas saham tertentu yang telah dilantik secara bertulis oleh semua pemegang saham kelas tersebut.

Fasal 7, bertujuan untuk meminda subseksyen 247(3) bagi memperuntukkan bahawa pengarah syarikat pemegangan boleh memohon secara bertulis kepada Pendaftar tidak kurang daripada 30 hari sebelum penyata kewangan syarikat pemegang diedarkan untuk membenarkan tahun kewangan syarikat subsidiarinya yang berlainan dengan syarikat pemegangan.

Fasal 9, bertujuan untuk meminda seksyen 304 bagi memperuntukkan bahawa syarikat dikehendaki mengedar ketetapan bertulis iaitu *written resolution* yang dicadangkan oleh anggota dengan syarat perbelanjaan yang mencukupi telah didepositkan dengan syarikat.

Fasal 10, bertujuan untuk meminda perenggan 340(1)*(c)* bagi memperuntukkan bahawa pelantikan dan penetapan saraan juruaudit hendaklah dibuat dalam Mesyuarat Agong tahunan.

Fasa 11, bertujuan untuk meminda subseksyen 386(8)(1) bagi memperuntukkan bahawa penerima atau pengurus yang dilantik setelah syarikat digulungkan mempunyai kuasa untuk terus bertindak dalam kapasiti masing-masing.

Fasal 13, bertujuan untuk meminda seksyen 433 seperti berikut:

(a) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4A) yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan sebarang sekatan atau syarat apabila seorang itu diluluskan sebagai seorang penyelesai;

(b) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4B) yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tempoh pembaharuan penyelesai adalah selama dua tahun; dan

(c) memperkenalkan subseksyen baharu 433(4C) untuk memberi kuasa kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan bagi kewangan untuk mewakilkan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 433 ini kepada mana-mana orang.

Fasal 14, bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 580A ke dalam Akta 777 bagi memperuntukkan bahawa syarikat yang bertindak sebagai plaintif dalam mana-mana tindakan atau prosiding lain, dikehendaki untuk memberi jaminan yang mencukupi bagi kos. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa tindakan atau prosiding hendaklah ditanggung oleh pihak kepada tindakan atau prosiding itu.

Fasal 15, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peruntukkan pengecualian, dan fasal-fasal lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian, sukacita saya mengingatkan kepada peraturan bahas perkara 36(1) iaitu hanya bahas berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan pindaan undang-undang sahaja.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Masa 20 minit, sila.

**11.46 pagi**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peringatan dan juga jemputan. Saya di sini sekali lagi berterima kasih di atas peluang yang telah diberikan untuk saya memberi pandangan saya di atas rang undang-undang ini.

Pertamanya setelah meneliti rang undang-undang ini, saya fikir sebagai seorang pengamal undang-undang, masanya sudah tiba untuk pindaan-pindaan ini dibuat kerana kita dewasa ini ingin memastikan bahawa syarikat-syarikat yang dikendalikan di Malaysia ini mempunyai satu struktur yang boleh dikawal selia oleh kerajaan.

Berkenaan pindaan-pindaan yang telah dibentangkan, saya tertarik dengan pindaan seksyen-seksyen seperti subseksyen 247(3) yang juga menyentuh tentang, dengan izin, saya memetik, *"peruntukan ini tidak kurang daripada 30 hari sebelum pengedaran penyata kewangan syarikat pemegangan".*

Di samping itu juga pindaan seksyen 340(10) perenggan 340(1C) akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "fi pengarah" dengan perkataan "saraan juruaudit".

Selain daripada itu saya juga lihat bahawa pindaan seksyen 433(13) akta ibu juga dipinda terutamanya saya tertarik peruntukan 4C Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan boleh mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang atau kumpulan orang.

Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita lihat di Malaysia sejak kebelakangan ini kita terperanjat, di mana syarikat-syarikat yang dikendalikan itu digunakan untuk menjalankan urusan-urusan yang tidak wujud langsung. Ataupun syarikat-syarikat itu diwujudkan semata-mata untuk menipu rakyat jelata.

Kita lihat juga bahawa ada kejadian-kejadian yang melibatkan kes-kes di mana bangunan syarikat itu tidak wujud. Di mana syarikat itu tidak mempunyai apa-apa urusan yang sah, urusan yang halal. Kita lihat bahawa ketika syarikat itu dipromosikan, rakyat jelata diberikan, dengan izin *prospectors* untuk mempelawa mereka menjadi pemegang-pemegang syer. Selepas mereka memasukkan wang, membeli saham-saham, mereka lihat bahawa terdapat juga syarikat-syarikat yang tidak wujud apabila mereka datang- umpamanya,saya menerima aduan di pusat-pusat khidmat saya ketika mereka ke Kuala Lumpur ataupun di Cyberjaya ataupun di Putrajaya, syarikat yang mereka yakin dan percaya boleh membawa pulangan wang berjuta-juta Ringgit yang mereka telah memasukkan wang untuk membeli saham-saham, sebenarnya tidak wujud.

**■1150**

Saya ingin melontarkan satu cadangan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa kita melindungi masyarakat di luar sana daripada terus di tipu, daripada terus diperdaya oleh syarikat-syarikat ini yang langsung tidak wujud?

Berkenaan perkara ini juga, saya ingin lontarkan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ia merupakan satu cadangan yang baik sekiranya kita melarang wakil-wakil rakyat daripada memegang jawatan-jawatan di dalam syarikat yang berkenaan dengan kerajaan, dengan izin, GLC? Kita lihat juga pendedahan-pendedahan yang memeranjatkan melibatkan skandal-skandal berjuta-juta ringgit, melibatkan syarikat-syarikat yang ada sangkut paut dengan kerajaan dahulu, yang ada sangkut paut dengan wakil-wakil rakyat daripada kerajaan dahulu? 1MDB? 1MDB merupakan satu kesimpulan yang begitu baik.

Saya menyentuh perkara ini kerana kita lihat 1MDB bangunannya ada, tiap-tiap kali kita pergi ke sana, setiausahanya ada, tapi apakah perniagaan 1MDB? Apa perniagaan 1MDB? Apakah pulangan yang dibawa oleh 1MDB? Siapa yang menjadi CEO 1MDB? Bagaimana wang ini dikeluarkan dan dipulangkan serta sebagainya?

*Now*, saya tidak mahu menyentuh kerana perkara ini telah dibawa ke mahkamah. Saya tahu. Akan tetapi, saya ingin menyentuh perkara-perkara berkenaan, umpamanya, kita lihat berkenaan dengan FELDA, berkenaan dengan FELCRA, semua ini adalah syarikat yang ada sangkut paut dengan kerajaan dahulu. Semua ini adalah syarikat di mana pengerusinya ataupun *chief executive officer*-nya, adalah wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional. Ini di mana berjuta-juta ringgit telah pun hilang begitu sahaja. *So*, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa semua perniagaan ini yang pada dasarnya berhasrat untuk membela rakyat yang pada dasarnya berhasrat untuk membela rakyat yang daif, terutamanya FELDA, terutamanya FELCRA?

Ini di mana kita lihat peneroka-peneroka FELDA, peneroka-peneroka FELCRA bertungkus-lumus bekerja melaburkan wang mereka dalam saham-saham? Akan tetapi, kita lihat tidak ada sebarang pulangan. *So*, atas perkara ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk kita memastikan bahawa pada era pentadbiran Pakatan Harapan, pada era pentadbiran kerajaan yang baharu ini, perkara-perkara ini tidak akan berulang. Rasuah dan ketirisan yang berlaku di dalam FELDA, dalam FELCRA, 1MDB dan sebagainya di mana wang berjuta-juta ringgit kepunyaan rakyat dicuri, disamun dan dirompak tidak akan berulang lagi.

Ini adalah perkara yang ingin saya soal di Dewan yang mulia ini. Saya walaupun tidak ada peneroka-peneroka FELCRA dan FELDA di kawasan saya, tiap-tiap kali saya berkesempatan untuk bertemu dengan mereka dan saya bertemu, berpeluang untuk bersembang dengan mereka. Mereka bertanya kepada saya, bagaimanakah mereka boleh mendapatkan dokumen-dokumen berkenaan tiap-tiap urusan yang dijalankan oleh syarikat FELDA, FELCRA, 1MDB dan sebagainya. Apakah pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan baharu untuk memastikan bahawa kita boleh memberikan maklumat-maklumat ini kepada mereka?

Di sini saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara ini yang lebih kurang disentuh oleh peruntukan di sini iaitu peruntukan 13(b), apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa hak atau syarat yang difikirkannya patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa.

Saya ingin mempersoalkan, apakah yang dimaksudkan oleh peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua? Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika membentangkan rang undang-undang ini? Bolehkah maklumat-maklumat begini disalurkan kepada pihak-pihak tertentu, terutamanya pemegang-pemegang saham? Kalau mereka memasuki sesuatu syarikat, kalau saya merupakan seorang pemegang saham dan saya ingin bertanyakan berkenaan dengan sesuatu urusan, saya ingin tahu apakah sama ada pelaburan ini diiktiraf oleh kerajaan? Sama ada pelaburan ini adalah pelaburan yang betul-betul boleh membawa pulangan? Bolehkah saya sebagai seorang pemegang saham mendapatkan maklumat-maklumat ini daripada syarikat berkenaan? Ini adalah perkara yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kita sekarang ingin satu anjakan dalam pentadbiran, dalam pengawalan syarikat-syarikat di luar sana.

Kita ingin pastikan bahawa setiap maklumat dalam setiap transaksi dapat diberikan kepada pemegang-pemegang saham. Kita tidak mahu dengan izin, dalam bahasa Inggeris

Tuan Yang di-Pertua, *shady dealings* di mana dokumen-dokumen itu hanya ada di atas dokumen sahaja. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *paperwork only.* Akan tetapi, bila kita lihat kepada transaksi yang sebenar, transaksi yang sebenar itu tidak ada.

*Now*, di sini saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kepada peruntukan-peruntukan. Peruntukan-peruntukan ini kalau boleh dimantapkan lagi, kalau boleh kita pastikan digubal, diberikan *more bite,* dengan izin, dalam bahasa Inggeris untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang beroperasi di sana, sama ada *public listed companies* ataupun *private companies* akan menjalankan urusan-urusan mereka dengan mematuhi undang-undang.

Kita tidak mahu lagi rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum yang bekerja keras, mendapat pendapatan, melabur di dalam syarikat-syarikat sebegini, tertipu. Kita lihat juga terdapat trend dahulu di dalam pemerintahan Barisan Nasional di mana wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional menjadi pengerusi-pengerusi syarikat tertentu. Itu juga menjadi satu perkara yang mempengaruhi rakyat di luar sana untuk melabur wang. *So*, persoalan saya, adakah ia sesuai untuk seorang Menteri terlibat di dalam perkara ini untuk memberikan kelulusan dan sebagainya? Saya yakin dan percaya, Menteri-menteri di bawah Kabinet Pakatan Harapan boleh dipercayai kalau dibandingkan dengan kerajaan yang dahulu yang kita tahu terpalit dengan macam-macam skandal.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi bukti. Bagi bukti. Jangan cakap macam itu. Tiap-tiap kali cakap, membandingkan dengan orang. Kalau kerajaan ini baik tidak apa, ini rakyat menderita, barang jatuh, jawablah! Yang Berhormat Menteri baik atau macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Barang jatuh baiklah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini tiap-tiap kali – Tuan Yang di-Pertua, dia ungkit buat apa? Kalau mahu buat perbandingan, saya juga boleh buat perbandingan. Hendak saya buat perbandingan sekarang? Hendak saya buat perbandingan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Di mana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau sekarang adalah Yang Berhormat Jelutong untuk bahas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya saya tahu, saya minta penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti saya berikan peluang untuk Yang Berhormat Arau untuk bahas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong boleh teruskan ucapan dan jangan sentuh perkara-perkara yang membandingkan dengan kami. Yang Berhormat Jelutong tidak boleh bandingkan semua macam itu. Tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini adalah pandangan Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong juga tidak boleh kata semua Menteri Kabinet bagus, *come on man*! Tun Mahathir kata, 50 *percent* sahaja. 50 *percent* sahaja yang bagus.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Arau kerana Yang Berhormat Arau walaupun di sebelah sana, sahabat saya. Okey, sahabat saya. Saya menghormati prinsip dan pendirian Yang Berhormat Arau. Jangan bandingkan dengan orang-orang lain. Akan tetapi, Yang Berhormat Arau, sering kali memberikan pendirian yang boleh diterima.

Kita lihat – saya mahu berikan penjelasan, saya bangkitkan perkara ini kerana kita membincangkan tentang syarikat. 1MDB *it's a* syarikat, dengan izin. FELDA, FELCRA semua syarikat ini terlibat dengan kejadian-kejadian rasuah. Siapakah pengerusi-pengerusi yang terlibat dalam syarikat-syarikat ini, yang dituduh di mahkamah sekarang? Siapa dia? Semua wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional. Betul tidak?

Itu merupakan hakikat. Walaupun tidak dijatuhkan hukuman, tetapi isunya, persoalannya adalah peluang diberikan kepada mereka untuk melaksanakan, mentadbir syarikat itu untuk kebaikan masyarakat di luar. Akan tetapi, mereka menggunakan kesempatan itu untuk melakukan rasuah, mencari kekayaan sendiri. Ini adalah hakikatnya.

**■1200**

Yayasan Akal Budi umpamanya. Di bawah Yang Berhormat Bagan Datuk. Yayasan Akal Budi. Didirikan untuk tujuan memberi wang kepada yatim piatu beragama Islam. Bila disemak bangunan itu tidak wujud. Menggunakan RM800,000 untuk membayar kad kredit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, kes ini kes mahkamah. Boleh tidak kita buat hukuman macam itu di Parlimen ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sepatutnya di bawah Perkara 36(2). Perkara yang disebut timbangan mahkamah cuba elakkanlah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** No. Saya cuba untuk menjawab. Yang Berhormat Pontian. Kelmarin Yang Berhormat Pontian tidak bagikan tetapi saya bagi. Saya berani saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tidak jadilah. [*Dewan ketawa*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau tidak berani bahas. *No problem.* Kalau tidak berani bahas. *No problem.* Saya cuma ingin menyentuh perkara ini kerana saya risau ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pontian hendak kacau sahajalah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya risau ada pihak-pihak yang terlibat dengan 1MDB datang berjumpa saya sebagai peguam. Setelah saya dilantik sebagai wakil rakyat. Banyak perkara yang telah dipersoalkan. Sebab itu saya berterima kasih kepada kerajaan sekarang, kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membentang rang undang-undang ini dan saya fikir saya mohon mencadangkan, Jelutong ingin mencadangkan supaya semua wakil rakyat dihalang sama sekali daripada memegang sebarang jawatan dalam syarikat-syarikat terutamanya syarikat-syarikat yang ada sangkut paut dengan kerajaan.

Sebab ini adalah perkara yang menjadi satu *nightmare* dengan izin. Perkara yang mimpi negeri yang dihadapi oleh kita. Tiap-tiap hari kita lihat ada sahaja syarikat-syarikat yang ada sangkut paut dengan kerajaan dipaparkan dalam surat khabar. *This are company link to the government* dengan izin.

Syarikat-syarikat ini sepatutnya tidak ada apa-apa isu langsung, kalau syarikat-syarikat persendirian lain *no problem* kita boleh faham. Kita tidak tahu latar belakang pengarah syarikat. Akan tetapi ini adalah syarikat-syarikat – Yang Berhormat Tumpat okey kawan saya. Saya bagi.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Apakah Yang Berhormat Jelutong juga bersetuju maknanya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong tadi wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Yang ahli politik yang tidak memenangi pilihan raya. Sebagai contoh ahli-ahli politik di Kelantan daripada Pakatan Harapan kebanyakan mereka hilang deposit dalam pilihan raya yang lepas mereka tidak menang.

Akan tetapi mereka dilantik dalam agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang besar termasuk KESEDAR, dilantik sebagai senator, kemudian dilantik di KADA dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat juga bersetuju mereka ini juga tidak sepatutnya memegang jawatan yang besar dalam GLC Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Okey. Satu soalan yang baik. Saya ingin menjawab. Kalau mereka telah dilantik sebagai senator dan sebagainya mungkin saya bersependapat dengan Yang Berhormat Tumpat bahawa larangan itu seharusnya dikenakan.

Akan tetapi kalau saya bertanding dalam satu pilihan raya dan saya tidak menang dalam pilihan raya itu saya bukan merupakan seorang wakil rakyat kalau saya juga tidak merupakan seorang senator. Maka saya tidak akan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Jelutong. Sekadar hendak membetulkan. Akan tetapi mereka itu dilantik – saya lupalah nama, penyeliakah di kawasan-kawasan. Peruntukkan Parlimen disalurkan kepada mereka yang sepatutnya disalurkan kepada Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya sebab itu Yang Berhormat. Saya katakan bahawa ungkapan atau perkataan yang saya gunakan dalam bahasa Malaysia adalah wakil rakyat. Sama ada memang pilihan raya ataupun dilantik sebagai senator maka saya rasa cukup syarat beliau akan menjadi wakil rakyat. Sebab itu saya mengatakan, larangan itu dikenakan kepada wakil rakyat. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh Jelutong? Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jelutong ini. Sepanjang tempoh Dewan bersidanglah saya tengok Yang Berhormat Jelutong punya perbahasan ini ada macam perasaan tidak puas hati melampau sangat. Dalam separuh 20 minit saya tengok. Saya teliti satu-satu ucapannya Yang Berhormat Jelutong 20 minit tentang 1MDB, tentang FELCRA, tentang FELDA yang saya baca Yang Berhormat Jelutong punya perasaan hendak bela rakyat kononnya. Kononnya. Akan tetapi inti pati, maklumat sebenar dia hendak *target* Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Pekan dan sebahagian daripada rakan di sini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Kinabatangan juga.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sekejap Yang Berhormat Jelutong. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Jelutong, pembelaan rakyat sebagai seorang wakil rakyat, sebagai seorang peguam lebih banyak berapa banyak *scam company?* Berapa banyak syarikat-syarikat yang didaftarkan secara rasmi dalam negara kita yang menipu rakyat yang tidak disebut langsung oleh Yang Berhormat Jelutong.

Saya hendak tanya hendak beritahu Yang Berhormat Jelutong, *my friend.* Setuju tidak dengan saya berapa ratus berapa ribu syarikat yang dalam negara ini yang menipu rakyat hari-hari? *Everyday* berlaku penipuan kepada rakyat termasuk penjawat-penjawat awam yang ditipu oleh pembelot, penipu, perompak yang secara rasminya mempunyai syarikat yang berdaftar? Apa pandangan Yang Berhormat Jelutong?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat baharu masuk Dewan. Saya telah sentuh tadi. Saya telah mengatakan. Kita ..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelutong kita sama baru masuk tahu. Yang Berhormat baharu *term* ini. Saya pun baharu *term* ini. Sama. Sama Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya menyatakan bahawa, kita boleh faham Yang Berhormat kalau skandal dan penipuan ini dilakukan oleh syarikat-syarikat dekat persendirian memang kita rasa perkara itu harus dihukum. Akan tetapi apa yang menghairankan yang mengejutkan yang menakutkan adalah syarikat-syarikat yang terlibat dan ada kaitan dengan kerajaan dahulu juga terlibat.

Sebab itu saya mengatakan bahawa perkara ini tidak boleh berulang tidak boleh dibenarkan berulang. Bayangkan kalau saya merupakan rakyat biasa. Yang Berhormat saya

jawab dahulu. Saya merupakan rakyat biasa dan saya membeli saham dalam FELDA saya yakin ini adalah syarikat ..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelutong. Boleh saya sedikit Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat Jelutong. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Jelutong. Saya hormat pendirian setiap ahli Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat Jelutong *lawyer* peguam yang tahu tentang tatacara sidang Dewan dan sebaginya. Kalau saya hendak tanya bagi tahu Tuan Yang di-Pertua. Kalau kes FELDA, kes FELCRA, kes 1MDB, sekarang dalam mahkamah. Didakwa dalam mahkamah. Biarkan, *lets the court to decide.* Kenapa mesti kita masukkan dalam *[Disampuk]* – ini semburit saya tidak sebut ini kita sebut akta syarikat. Semburit tidak ada syarikat semburit Yang Berhormat Arau. Kita tidak ada sebarang syarikat semburit.

Biar mahkamah buat keputusan kenapa kita mesti timbulkan perkara yang sama. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Jelutong rakyat tunggu perbahasan daripada pihak kerajaan apa pembelaan kepada rakyat? Mahkamah biar buat keputusan. Saya sendiri sebagai wakil daripada Jelebu sebut dalam Dewan ini, keputusan mahkamah kita akur. Mana-mana pemimpin sama ada daripada sini daripada sana *be fair* buat silap mahkamah caj, mahkamah jatuh hukum kita terima.

Biar mahkamah buat keputusan Yang Berhormat Jelutong. Kenapa kita buang masa pertikaikan soal yang masih dibicarakan dalam mahkamah, kita sebut perkara yang sama. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat sedikit lagi. Sedikit lagi. Sebab Yang Berhormat sudah habis masa kalau saya tanya dia benarkan. Speaker ini seorang yang baik.

Yang Berhormat, terdapat wang sebanyak lebih daripada RM30 bilion. Lebih daripada pendapatan negara. Bergerak di bawah sana tanpa pendaftaran syarikat. Wang ini ialah wang aktiviti haram berbagai-bagai. Oleh sebab DAP mengetahui benda ini apakah kita hendak suruh semua aktiviti haram sana berdaftar? Supaya kita boleh kutip cukai tetapi sekarang ini mereka mungkin derma ke DAP. Saya tidak tahu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Boleh masukkan dalam ucapan saya. Akan tetapi saya ingin menjawab merumuskan Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya akan patuhi arahan Tuan Yang di-Pertua.

Saya di sini bediri membela rakyat yang juga telah melabur dalam syarikat semua syarikat termasuklah FELDA, FELCRA, 1MDB. Walaupun saya tidak menyentuh kepada kes-kes khususnya dan saya tidak melanggari peraturan. Saya yakin dan percaya bahawa penggubalan yang dibuat dalam undang-undang ini mampu memastikan bahawa perkara-perkara yang berlaku, kejadian-kejadian rasuah yang berlaku akan lebih kurang dan saya dengan ini mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan mohon menyokong dengan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh saya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Gudang.

**12.09 tgh.**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmanir Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Syarikat 2016 yang dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2019. Saya pun tidak terfikir bahawa saya diberikan kesempatan begitu awal untuk berucap pada kali ini dan memang tidak bersedia...

**■1210**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tumpat hendak berucap pada waktu maghrib atau pagi?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan atas inisiatif untuk meminda Akta Syarikat 2016 yang melibatkan beberapa peruntukan yang agak teknikal seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dalam masa yang sama, saya mengambil peluang dalam perbahasan di peringkat dasar ini, sukacita saya untuk mengingatkan kerajaan ataupun menyarankan kepada kerajaan bahawa walau apa pun pindaan yang dibuat ini dengan tidak mengabaikan *corporate governance* dan juga peluang-peluang bagi menghapuskan halangan dalam persaingan dalam perniagaan dan sebagainya, namun apa pun, pindaan ini mestilah dibuat bagi memudahkan rakyat ataupun usahawan-usahawan bagi menjalankan perniagaan khususnya melibatkan yang tertakluk kepada Akta Syarikat (Pindaan) 2019 ini.

Jadi, beberapa perkara teknikal ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi haruslah dibincangkan sebaiknya di dalam peringkat jawatankuasa supaya— maknanya kita masing-masing dapat memberikan pandangan yang baik dalam usaha memperkemaskan lagi Akta Syarikat yang dahulunya daripada Akta Syarikat 1965, mengambil masa yang cukup panjang sehingga dipinda pada tahun 2016, namun daripada tahun 2016 ini, beberapa perkara dipinda dengan begitu banyak dalam perkara-perkara yang teknikal pada hari ini.

Jadi, saya mengharapkan supaya pindaan-pindaan ini dapat dibincangkan sebaiknya di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memberi kebaikan kepada syarikat dalam usaha kita untuk menggalakkan rakyat Malaysia ini menceburkan diri dalam perniagaan khususnya yang melibatkan Akta Syarikat 1965 yang kini pindaan tahun 2019.

Jadi, saya sekadar itu....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh penjelasan, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sebelum tutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tak apa, Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan untuk saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Belum habis tadi. Ada soalan untuk saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi kata masa sudah tamat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ada 16 minit lagi. Boleh, Yang Berhormat Tumpat? Sekejap.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Sila, sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tumpat. Akta Syarikat 1965 dipinda kepada 2016. Akan tetapi, pindaan Akta Syarikat ini masih lagi tidak mengikat kepada pendaftaran untuk mendaftarkan syarikat-syarikat persendirian.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tumpat, bahawa apabila pindaan untuk mendaftarkan syarikat dengan begitu mudah oleh rakyat ataupun masyarakat di luar sana, maka kesempatan diambil oleh beberapa pihak tertentu untuk mendaftarkan syarikat

bagi membolehkan mereka untuk membuka akaun tetapi aktiviti perniagaan syarikat mereka sebenarnya adalah untuk menjadikan syarikat itu sebagai satu syarikat yang boleh menipu masyarakat, menipu rakyat, menipu orang ramai dengan mengadakan tabungan kutipan pelaburan, kutipan wang dan sebagainya. Ini menjadikan masyarakat dan rakyat yang terlalu banyak jumlahnya sebagai mangsa penipuan hasil daripada syarikat yang mereka tubuhkan dengan Akta Syarikat yang saya sebutkan tadi. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta pandangan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Sekejap. Saya akan bagi laluan. Cuma saya hendak sebut dahulu yang daripada Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai juga ya.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih di atas *concern* Yang Berhormat Jelebu tadi. Saya juga mempunyai *concern* yang sama sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jelebu dan saya mengharapkan supaya Menteri memberi jawapan.

Sila, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita bercakap fasal syarikat yang telah ditubuhkan seperti Yang Berhormat Jelutong sebut. Akan tetapi, kita tengok banyak aktiviti-aktiviti yang tidak berdaftar terutamanya daripada orang asing sekarang ini yang datang berniaga. Saya bagi tahu di salah satu daripada jalan orang yang ramai orang waktu malam, banyak daripada mereka ini tidak membuat pendaftaran. Saya tanya dia pendapatan tiap-tiap malam berapa. Sikit sahaja dia kata, RM20,000 ke RM30,000. Sebab, orang berpusu-pusu datang tetapi tidak ada penguatkuasaan untuk mendaftarkan mereka.

Demikian juga aktiviti-aktiviti perniagaan yang dibuat oleh orang asing. Di sini, sesetengahnya menggunakan orang tempatan— itu kena siasat— tetapi banyak daripada aktiviti mereka tidak didaftar.

Nombor satu, apakah Yang Berhormat bercadang supaya kerajaan daftarkan mereka semua ini termasuk orang jual karpet kah, aiskrim kah, *wallahualam*, tetapi pendapatan mereka agak tinggi? Kedua ialah aktiviti haram yang lain termasuk aktiviti ah long dan juga lain-lain lagi yang juga tidak berdaftar.

Kita tahu kalau sekiranya aktiviti mereka itu mendatangkan keuntungan, mereka sewajarnya bayar cukai pendapatan. Kita tahu bahawa pendapatan aktiviti haram ini melebihi daripada pendapatan cukai negara, cukai SST. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang supaya aktiviti haram ini dicari jalan untuk didaftarkan supaya kita dapat meneliti aktiviti mereka?

Saya hendak beri contoh, Yang Berhormat. Semasa saya di Belanda dahulu belajar di sana, Kerajaan Belanda benarkan penggunaan *cannabis,* dengan izin. Saya tidak pasti. Dibenarkan penggunaan tetapi kena datang beli daripada balai polis. Termasuk negara China. Hendak hisap candu, datang beli daripada polis. Dengan itu, kita dapati negara ini kurang aktiviti-aktiviti penggunaan dadah dan sebagainya, sebab mereka ini didaftarkan.

Jadi demikian juga aktiviti haram ini, bagaimana kita hendak cari jalan supaya mereka didaftarkan dan bila kita derma kepada mana-mana parti politik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau cadang supaya polis jual candu, jual kanabis?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan. Di Belanda, orang yang hendak beli— apa itu? Saya terlupa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Beli dadah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab sekarang pun kita ada. Siapa yang hendak kurangkan ketagih, kita kena datang hospital. Akan tetapi mereka ini, orang yang terlibat dengan penagihan ini kena beli melalui balai polis. Jadi dengan itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti tanya Menteri Dalam Negeri lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan. Jadi dengan itu tidak ada lagi pengedaran dadah. Ini yang berlaku di negara China dan juga *Holland* ya. Okey.

Tapi yang saya hendak sebut ini macam aktiviti haram yang lain seperti gengsterisme dan sebagainya yang kutipan mereka tinggi— Yang Berhormat tahu tidak itu?— dan mereka ada sesetengahnya memberi derma kepada parti-parti politik. Jadi kita minta supaya mereka ini didaftarkan dan parti-parti politik hendaklah mengisytiharkan sumbangan dana yang mereka dapat daripada mana-mana syarikat ataupun aktiviti haram.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Sekejap. Saya sebut dahulu. Menyedari bahawa bentuk perniagaan yang ada dalam negara ini baik persendirian, *partnership, joint venture* di bawah Akta Syarikat dan sebagainya, saya menerima pandangan daripada Yang Berhormat Arau tadi dan saya pohon supaya ia turut dimasukkan dalam ucapan saya sebagai sebahagian daripada ucapan saya supaya dijawab oleh Menteri.

Saya persilakan Yang Berhormat Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat bahawa sekarang ini kita berada di bacaan kali kedua yang membincangkan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerangka undang-undang bagi mengawal hal-hal yang berkaitan dengan penubuhan syarikat.

Adakah Yang Berhormat setuju kalau saya katakan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab kepada kerajaan ialah memastikan kerangka perundangan itu dapat disusun bagi mengatasi masalah-masalah tertentu? Ini kerana antara kerangka perundangan dengan kesalahan-kesalahan ataupun ruang melakukan kesalahan itu ataupun individu yang melakukan kesalahan itu, dia ada dua perkara yang berbeza. Kalau sekiranya dalam sistem perundangan kita termasuk dalam hal berkaitan syarikat ada kerangka undang-undang yang mencukupi, tidak bermakna kesalahan tidak boleh berlaku.

Macam Yang Berhormat Jelutong tadi dia bangkitkan perkara 1MDB berkali-kali sepertimana dia masih lagi pembangkang. Sepatutnya dalam menjadi kerajaan, dengan pengalaman yang telah mereka lalui, dengan perspektif yang ada pada mereka, mereka sepatutnya dalam membentangkan rang undang-undang ini memasukkan apakah perkara-perkara bagi melengkapkan kerangka itu supaya masalah itu tidak berulang. Kita kena membezakan perilaku individu dengan soal kerangka perundangan.

Macam misalnya sekarang dalam soal gejala-gejala lain selain daripada kesalahan-kesalahan komersial dan kesalahan dalam bidang perniagaan, apakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju kalau saya katakan— misalnya dalam gejala sosial, kita harus berasa bimbang sekarang ini kerana penjawat-penjawat awam, VIP, orang-orang politik kelihatan terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang cukup membimbangkan.

**■1220**

Bersemburit, rogol amah, menderhaka kepada Sultan, meliwat, anak-anak terlibat dengan dadah. Ini semua kesalahan tetapi kita kena bezakan kesalahan yang dilakukan oleh individu, adakah berada dalam ruang lingkup kerangka undang-undang yang mencukupi untuk diambil tindakan.

Maka, begitulah juga dalam soal undang-undang berkaitan dengan perniagaan ini, kita tidak dapat nafikan akan ada kesalahan di sana, sini. Akan tetapi apakah kerangka perundangan sudah mencukupi supaya kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu dapat melalui *due process* dengan memberi penghormatan kepada *rule of law*. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Tumpat dalam soal ini?

Oleh kerana kita boleh sahaja berdiri, merompak, menyamun dan sebagainya. Sepatutnya seorang peguam tidak mengeluarkan kenyataan yang begitu. Kalau ada

rompakan, ada ke tidak kerangka undang-undang? Kalau ada menyamun, ada ke tidak kerangka undang-undang? Bagi orang yang dah jadi kerajaan, sudah diambil tindakan atau belum? Kalau dah ambil tindakan, perkara itu sudah ada di mahkamah, boleh kah kita bersabar? Biarkan proses mahkamah berjalan. Itu sepatutnya tertib kita sebagai Ahli-ahli Parlimen, bukannya mengulang perkara yang sama dengan cara yang tidak meletakkan setaraf dengan kita sebagai seorang Ahli Parlimen.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Tumpat sedikit Yang Berhormat Tumpat. Boleh?

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Okey. Silakan Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tumpat berkaitan dokumen sebagaimana Yang Berhormat Tumpat sebutkan tadi. Oleh sebab dalam hal keadaan sekarang ini, saya nampak berlaku *inconsistency*, ke tidak konsistennya pengisytiharan dokumen ini. Ada satu tempat diisytiharkan bahawasanya aset dia kosong, tetapi masyarakat umum tahu ia memiliki syarikat. Bagaimana - adakah rang undang-undang yang kita pinda hari ini juga dapat menyelesaikan *inconsistency* ini? Oleh sebab satu segi diisytiharkan aset dia kosong tetapi walhal orang tahu dia ada syarikat. Jadi, bagaimana ke tidak jujuran ini boleh berlaku dalam era Malaysia baharu ini. Minta pandangan Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Tumpat, sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Berkenaan dengan saya tidak mahu merujuk...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Jelutong hendak jawab ya?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya. Bukan. Bukan. Saya hendak minta Yang Berhormat Tumpat penjelasan. Penjelasan perkara ini.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Okey. Sila. Sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tidak mahu merujuk kepada Yang Berhormat-yang berhormat yang lain. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketereh, beliau mengakui ini adalah perkara yang saya rasa beliau *gentlemen*. Satu pengakuan yang begitu ikhlas, bahawa berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam syarikat-syarikat GLC, 1MDB, FELCRA, FELDA. Cuma beliau menasihatkan saya supaya tidak membangkitkan perkara itu di sini sebab perkara itu masih di mahkamah. Saya setuju.

Akan tetapi permintaan oleh Jelutong adalah bukankah undang-undang di bawah Akta Syarikat ini digubal, dimantapkan lagi supaya peruntukan-peruntukan dimasukkan supaya kita memastikan ketirisan dan rasuah yang berlaku dalam 1MDB, FELCRA, FELDA, semuanya melibatkan wang atau duit rakyat jelata tidak berulang. Apa pendapat Yang Berhormat Tumpat atas perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong mengulangi perkara yang sama. Jadi banyak kali sangat dia sebut benda yang sama. Dalam ucapan dia tadi pun dia sebut, soalan kepada saya pun dia sebut. Jadi saya tidak layan, soalan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik dan memohon supaya ucapan daripada Yang Berhormat Ketereh yang begitu banyak tadi, ada beberapa perkara itu supaya dimasukkan dalam ucapan saya. Oleh sebab bagi saya untuk menyebut perkataan-perkataan yang saya tidak hendak sebut lah, yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh tadi. Saya benda-benda begini yang melibatkan kepimpinan, bukan sahaja tidak sebut, saya tidak sebut, saya tidak baca, saya tidak tengok pun kerana saya rasa ini satu perkara yang cukup malang kepada rakyat Malaysia yang didedahkan dengan perkara-perkara yang sepatutnya tidak terdedah kepada rakyat dan sepatutnya tidak dilakukan oleh pimpinan.

Namun, berlaku pada hari ini mungkin oleh kerana pertarungan politik dalaman yang begitu kuat menyebabkan perkara ini terkeluar dengan begitu luas di media dan juga dalam seluruh masyarakat. Saya juga terima baik pandangan daripada, saya tidak ingat tadi. Yang Berhormat Paya Besar tahu tetapi tidak ingat soalan tadi. *[Ketawa]* Itu adalah merupakan satu perkara yang ganjil juga Yang Berhormat Jelutong. Terlalu ganjil di mana berlaku Yang Berhormat Jelutong ini kosong mungkin ada kesilapan mana kerajaan baharu buat silap menyebabkan Yang Berhormat Jelutong terisytihar—terisytihar saya kata, munasabah kan Yang Berhormat Jelutong? Tidak munasabah kosong tapi terisytihar sebagai kosong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Memang tidak munasabah.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Ha, tidak munasabah. Akan tetapi terisytihar dan terpapar begitu menjadi tontonan rakyat Malaysia bahawa Yang Berhormat Jelutong asetnya kosong. *[Ketawa]* Itulah Malaysia baharu. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ada satu dua isu. Pertama ialah sudah pasti dalam apa-apa pindaan sama ada yang dibincangkan pada hari ini dan lain-lain pindaan yang akan dibentangkan dalam sidang pada kali ini ataupun lain-lain lagi ialah untuk memudahkan rakyat. Dalam isu ini ialah untuk memudahkan pengarah dan pengurusan syarikat. Jadi, apakah Yang Berhormat Tumpat bersetuju dengan pandangan ini?

Kedua ialah dalam Akta Syarikat, apa-apa denda ataupun kesalahan yang terbukti berlaku banyak biasanya dikenakan kepada pengarah syarikat. Sedangkan setiausaha syarikat sebenarnya yang bertanggungjawab berkenaan dengan urusan menyediakan laporan dan lain-lain lagi. Akan tetapi kalau setiausaha syarikat tidak buat dengan betul, yang kena denda ialah pengarah syarikat. Jadi, ini sudah pasti tidak berlaku adillah kepada syarikat berkenaan. Oleh itu dalam masa yang sama setiausaha syarikat tetap dapat *fee*, bayaran bulanan mereka untuk kerja-kerja tersebut. Sedangkan bila berlaku kesalahan, jadi pengarah yang kena. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Tumpat dalam isu ini supaya kerajaan juga dapat melihat dalam Akta Syarikat ini supaya kesalahan kalau berlaku bukan sahaja tanggungjawab ini dikenakan kepada pengarah tetapi setiausaha syarikat juga perlu ambil tanggungjawab supaya tidak berlaku sambil lewa dalam kerja mereka. Terima kasih.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya sangat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai tadi dan pohon dimasukkan dalam ucapan saya. Bagi menggulung perbahasan ini, saya sekali lagi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan sedikit sahaja boleh? Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** *[Ketawa]* Sila. Sila Yang Berhormat Arau. Bagi lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat hendak cadang pada kerajaan supaya kita bagi perhatian ataupun penguatkuasaan tentang aktiviti penyeludupan. Mereka seludup cukup banyak, untung banyak. Akan tetapi tidak bayar cukai. Jadi, kita semua nampak benda ini berlaku tetapi apakah kita boleh cari jalan bagaimana aktiviti ini—aktiviti haram itu tidak boleh lah kan. Akan tetapi mereka mesti daftarkan syarikat yang menerima barangan tersebut. Oleh sebab kalau tidak, bila diedarkan balik di sini barangan tersebut ialah barangan haram dan mereka tidak bayar cukai. Satu.

Keduanya, kita dapati beberapa peraturan kerajaan yang kita kenakan sekarang ini menimbulkan masalah kepada syarikat. Apakah pihak kerajaan hendak tangguhkan sebagai contoh *departure fees* ini yang akan menjejaskan aktiviti pelancongan dan juga syarikat-syarikat pelancongan di negara ini termasuk hotel, penerbangan dan sebagainya? Apakah Yang Berhormat hendak cadang di bawah Akta Syarikat ini supaya kerajaan menangguhkan cukai yang sepatutnya dikutip setelah kita luluskan di Parlimen ini untuk membolehkan aktiviti pelancongan dan syarikat-syarikat kita tidak gulung tikar kerana undang-undang yang kita perkenalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Ya. Saya sangat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Arau ini masukkan dalam ucapan saya dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sebenarnya Yang Berhormat Tumpat hanya bahas empat minit setengah sahaja. *[Ketawa]* Pencelahan 16 minit. Akan tetapi sukacita saya ingatkan kepada Perkara 24(4) – "Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas." Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya faham dan arif tetapi kadang-kadang sengaja sahajalah mengambil kesempatan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita ikut Yang Berhormat Jelutong lah, sebab Yang Berhormat Jelutong buat bergaduh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jadi, elakkan perkara sedemikian supaya pengurusan masa Dewan lebih mantap dan juga cekap. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Masa 15 minit. Sila.

**■1230**

**12.30 tgh.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pindaan Rang Undang-undang Akta Syarikat ini, dari dokumen yang dikemukakan ini ada 15 fasal. Saya ingin menyentuh dua fasal daripada 15 itu.

Pertama, dalam perbahasan peringkat dasar ini iaitu berkenaan fasal 11, berkaitan dengan subseksyen 386(1) akta ibu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mula-mula kita terima rang undang-undang ini, kertas dokumen biru. Pagi ini atas meja saya, saya dapati ada kertas putih berkaitan dengan fasal 11. Semacam pindaan terhadap pindaan, dia macam pusing semula.

Jadi, soalnya fasal 11 Yang Berhormat Menteri ini mustahak. Dia berkaitan dengan penggulungan, *winding up*, berkaitan dengan penerima, *receiver, liquidator*, penyelesai dan sebagainya. Jadi, minta pihak Yang Berhormat Menteri jelaskan kepada Dewan ini, mengapa ada pindaan semula? Iaitu, dalam rang undang-undang yang asal ada bahagian A itu dengan menggantikan perkataan penggulungan pada muka surat tiga dokumen. Syarikat mula-mula berkuasa dan seterusnya dan subseksyen A ini hendak dipotong, maksudnya hendak dikekalkan. Mengekalkan semula peruntukan sedia ada.

Jadi, benda ni agak teknikal. Akan tetapi, ini penting dan mungkin kerajaan boleh jelaskan. Contohnya begini Tuan Yang di-Pertua, soal syarikat yang digulung. Kalau orang dipanggil bankrap, tetapi kalau syarikat digulung, *winding up*. Ada berlaku pembeli rumah, ada seorang pembeli rumah itu dia beli melalui proses lelongan. Rumah itu tuan punya yang asal tidak dapat bayar, dia lelong. Dalam surat cara hak milik atau geran, nama syarikat itu ada dalam geran. Jadi, apabila pembeli yang membeli rumah itu melalui proses lelong itu hendak mendaftarkan nama dia dalam geran itu, hendak potong nama syarikat pemaju itu, ada masalah.

Oleh sebab, syarikat pemaju itu telah bankrap, telah digulung, *winding up*. Jadi, nampaknya saya berharap bahawa pindaan terhadap fasal 11 berkaitan subseksyen 386(1) itu dapat membantu perkara ini, memudahkan. Ini kerana, perkara yang dihadapi oleh rakyat. Itu bahasan saya yang pertama.

Bahasan saya yang kedua, merujuk kepada seksyen baharu iaitu fasal 14, seksyen 580A baharu. Dulu tidak ada di dalam akta syarikat ini. Akan tetapi, sekarang hendak dimasukkan iaitu dimasukkan satu fasal baharu berkenaan jaminan untuk kos, dengan izin, *security for costs*.

Yang Berhormat Menteri, ini kisah yang benar. Sebuah syarikat kecil subkontraktor telah menjalankan satu kerja di bawah yang dikawal oleh main kontraktor. Syarikat kecil ini

telah menyelesaikan kerjanya 100 peratus. Ada perjanjian dia, syarikat sendirian berhad. Manakala, *main* kontraktor ini syarikat besar. Tidak bayar kerja yang dilakukan oleh syarikat kecil ini. Syarikat kecil ini hendak bayar gaji staf dia pun bermasalah. Akhirnya, syarikat kecil subkontrak ini terpaksa pergi ke mahkamah untuk saman *main* kontraktor itu yang aset dia ber *million*, berjuta-juta. Kalau dimasukkan seksyen 580A ini, memerlukan *security for costs* ini, ini serupalah dalam bidalan Melayu, sudah jatuh ditimpa tangga.

Pergi ke mahkamah, syarikat dia hendak dapatkan khidmat peguam, dia kena bayar. Kemudian, hendak failkan kes dia ke mahkamah sebagai plaintif, syarikat kecil, defendannya syarikat besar. Plaintif yang susah ini, terpaksa membayar jaminan kepada mahkamah yang ditentukan kosnya oleh pihak mahkamah. Jadi, ini saya rasa perlu diteliti Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, kalau dalam keadaan ini boleh menzalimi syarikat kecil ini untuk mendapatkan keadilan. Jadi, itu kedua.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran MPKK dan pemimpin masyarakat dalam Parlimen Masjid Tanah Melaka. Selamat datang. *[Tepuk]*

Jadi, dua fasal telah saya sentuh tadi. Ini yang ketiga, di dalam rang undang-undang pindaan ini ada sebut beberapa tempat dalam pindaan itu menyentuh tentang syer atau modal. Akta Syarikat dia tebal dan dokumen yang penting dalam pengurusan syarikat di negara kita. Saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah di bawah Akta Syarikat negara kita ini, dalam *joint venture* usaha sama antara syarikat tempatan dengan syarikat luar negara, perkongsian modal atau ekuiti itu, 50 *percent*, 50 *percent*. Syarikat luar negara 50 *percent*, syarikat dalam Malaysia 50 *percent*. Adakah dibolehkan?

Mengapa saya bertanya begini? Biasanya, lazimnya, syarikat Malaysia, ekuiti dia, penguasaan dia mesti sekurang-kurangnya lebih 50 peratus. Sekurang-kurangnya 51 peratus. Manakala, syarikat luar paling tinggi 49 peratus. Akan tetapi, di Pengerang dalam projek *oil and gas*, minyak dan gas, projek besar RAPID pada asalnya syarikat ini syarikat milik PETRONAS dengan ekuiti PETRONAS 100 peratus. Akan tetapi, sekarang sudah ada *joint venture*, usaha sama dengan syarikat luar negara, syarikat Aramco milik Saudi Arabia. Di mana, Aramco menguasai 50 peratus ekuiti, PETRONAS menguasai 50 peratus ekuiti.

Saya di sini ingin menjelaskan bahawa, kita mengalu-alukan pelaburan asing datang melabur ke negara kita ini. Akan tetapi, sebagai sebuah negara yang *sovereign*, yang berdaulat, saya rasa apabila usaha sama itu berlaku, syarikat Malaysia ini mesti menguasai ekuiti melebihi syarikat yang luar. Jadi, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi bahawa Akta Syarikat ini penting. Mengawal selia perjalanan syarikat-syarikat persendirian di bawah pemantauan kerajaan. Siapa yang bersalah, boleh dibawa ke mahkamah dan sebagainya. Akan tetapi, saya ingin berkongsi iaitu ekonomi negara kita ini nampaknya ada dua jenis ekonomi. Satu ekonomi *above the ground*, ekonomi yang ada sekarang ini yang dikawal selia oleh Akta Syarikat tahun 2016.

**■1240**

Akan tetapi suka atau tidak suka saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan wujud atau tidak fenomena *underground economy* beroperasi di Malaysia ini atau disebut *black economy* di mana *money laundering* berlaku yang melibatkan dengan pusat-pusat kewangan antarabangsa yang memang operasinya melibatkan judi, sindiket pelacuran, sindiket dadah dan sebagainya dan kegiatan-kegiatan yang haram ini turut terlibat di dalam *black economy, underground economy* dalam negara kita ini. Kalau ada beritahu pada kita, pada Parlimen ini wujud dan bagaimana soalnya Akta Syarikat ini adakah tidak bertaring tidak boleh buat apa-apa ke atas operasi-operasi yang salah itu. Saya rasa itu sahaja.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong**]: Yang Berhormat sedikit sebelum selesai.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ya, sila,

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong**]: Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sungguh bernas di mana kita lihat syarikat-syarikat ditubuhkan tujuannya untuk menjalankan perniagaan-perniagaan yang tidak halal langsung seperti perjudian, maksiat dan sebagainya. Sering kali kita lihat juga individu-

individu tertentu kenamaan yang mempunyai pengaruh sama ada politik atau tidak politik digunakan sebagai individu yang berpengaruh untuk melepaskan syarikat itu daripada tindakan-tindakan.

*So*, saya telah mencadangkan tadi dalam perbahasan saya supaya individu-individu terutamanya wakil-wakil rakyat dilarang sama sekali daripada memegang jawatan terutamanya dalam syarikat atau syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan. Apakah pendapat Yang Berhormat? Ini kerana kita lihat ada juga syarikat-syarikat yang didirikan menggunakan wakil rakyat untuk menggelapkan wang, mencuci wang dengan izin.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Pada soalan itu, saya tetap berpegang kepada manifesto Pakatan Harapan yang menjanjikan bahawa syarikat-syarikat GLC baik di peringkat pusat, baik di peringkat negeri jangan dibagi kepada ahli-ahli politik. Akan tetapi, kalau ada maknanya syarikat-syarikat GLC ini, milik kerajaan ini, jawatan-jawatan penting seperti Pengerusi Lembaga, Pengarah dan sebagainya dibagi kepada ahli-ahli politik ini bercanggah dengan janji kita kepada rakyat. Jadi, itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Jelutong terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Boleh saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian. Masa 15 minit.

**12.43 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Arau ada menyebut tentang dan Yang Berhormat Pasir Gudang *underground economy, the black economy*. Setakat makluman yang saya ingin kongsi kan kepada rakan-rakan di sini bahawa jumlah *the black economy*, ekonomi bawah tanah ini ekonomi gelap ini di Malaysia ialah sekitar RM30 bilion. Jadi, saya kira SSM di bawah KPDNHEP boleh mendaftarkan syarikat-syarikat yang tidak berdaftar ini.

Seterusnya, syarikat-syarikat yang berdaftar itu pun kadang-kadang juga dibuat untuk penipuan-penipuan cukai. Jika daftar Syarikat ABC Sendirian Berhad untuk mereka menurunkan kadar cukai SST misalnya yang sekarang dilakukan, mereka membuat anak-anak syarikat sebagai contoh ABC *Marketing* Sendirian Berhad. Kemudian ABC *Sales* Sendirian Berhad. Apabila ditolak dan didapati dari segi Peraturan Kastam mereka boleh mengelak cukai yang sepatutnya mereka bayar cukai. Ini kaedah penipuan cukai dan saya harap perkara ini boleh dilihat oleh KPDNHEP tentang mengelakkan daripada *the black economy, the underground economy.*

Saya juga mengalu-alukan Yang Berhormat Pasir Salak yang kembali ke Dewan Rakyat. Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Bercakap soal *black economy, underground economy*. Kebanyakannya bukan dalam bentuk syarikat, banyak dalam bentuk individu. *So, how do you control* kegiatan *black economy* yang tidak ada syarikat? Ingin mendapat pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Itu sebab saya kira SSM perlu berusaha dengan gigih supaya mendaftarkan syarikat-syarikat itu. Apa yang saya ingin nyatakan tadi. Fasal 7 Tuan Yang di-Pertua disebut bahawa pengarah boleh memohon secara bertulis kepada pendaftar tidak kurang daripada 30 hari. 30 hari ini saya kira ia mengambil masa yang panjang. Kita ingin meringkaskan segala perkara supaya jangan mengambil masa terlalu panjang. Fasal 433(4b) misalnya. Tiap-tiap kelulusan atau pembaharuan kelulusan penyelesai di bawah seksyen ini ialah dua tahun. Ia juga mengambil masa yang panjang dua tahun. Cuba yang mana kita boleh ringkaskan masa itu kita boleh ringkaskan.

Kembali kepada perkara yang saya ingin nyatakan di sini bahawa pendaftaran syarikat di Malaysia ini sepatutnya hanya memerlukan satu jam boleh selesai untuk kita daftar sebuah syarikat. Saya ingin bertanya dalam *internet* ada ya iklan-iklan contohnya daftar

syarikat RM900. Daftar syarikat RM980, lima hingga tujuh hari. Walhal, kalau kita mendaftar syarikat secara *online* ataupun kita menggunakan sistem yang ada di SSM, mendaftar dalam syarikat itu saya kira satu jam boleh selesai. Saya ingin merujuk kepada tiga kes ya mengenai syarikat ini pada 2 Julai 2019 SSM menyerbu sebuah firma setiausaha syarikat di Alor Setar Kedah kerana tandatangan juruaudit dipalsukan ke atas 105 penyata kewangan yang belum diaudit. Ini sebagai satu contoh cerita benar, berita benar melanggar seksyen 364(2) Akta Syarikat 2016. Saya ingin bertanya berapa kes seumpama ini? Apakah hukuman yang dikenakan? Kalau hukuman terlalu ringan, ia tidak akan menjadi sempadan dan teladan kepada mereka yang membuat kesalahan-kesalahan.

Satu lagi kes yang saya ingin merujuk kepada 24 Jun 2019. Seorang individu disabit kesalahan kerana memberi alamat palsu kepada SSM. Denda cuma RM3,000. Kalau dia tidak bayar denda itu kena tiga bulan penjara. Kes-kes seumpama ini elok dihebahkan supaya tidak berlaku lagi di negara kita penipuan-penipuan seumpama ini tentu ada sebab yang tertentu dia memalsukan alamat yang sebenarnya kepada SSM. Kemudian kepada 31 Mei 2019. Seorang akauntan dan seorang juruaudit telah membuat penyataan palsu berhubung dengan pemindahan saham dalam sebuah syarikat dituduh di Mahkamah Seksyen Johor Bahru salah bawah syarikat Akta 125. Ini satu lagi contoh penipuan dan penipuan-penipuan begini saya kira berlaku banyak setiap hari dan ia memberi saya kepada satu cadangan supaya kursus dan latihan dibuat oleh KPDNHEP melalui SSM diadakan kepada Pengarah-pengarah Syarikat supaya mereka boleh memahami apakah tanggungjawab-tanggungjawab?

Saya ingin bertanya dahulu saya pernah dengar kursus-kursus ini dilakukan dan sebagai syarat untuk menjadi Pengarah Syarikat, mereka mesti hadir dan lulus kursus-kursus itu. Adakah kursus-kursus seumpama ini masih diadakan dalam era Pakatan Harapan sekarang? Saya diberitahu pada 23 hingga 24 Julai ini satu seminar tahunan SSM akan diadakan iaitu di Petaling Jaya kalau tidak silap saya. Tajuknya dengan izin *"Future-Proofing Business in the Digital Age''*. Ini satu contoh. Cuma yang saya harapkan supaya daripada khabarnya 600 peserta itu, ia perlu didedahkan kepada IKS dan PKS Luar Bandar di Sabah dan Sarawak supaya mereka sama-sama dapat mengikuti dan memahami maksud era digital supaya mereka tidak ketinggalan dalam persidangan-persidangan besar yang dibuat oleh Suruhanjaya syarikat Malaysia.

Satu lagi saya ingin berkongsi dengan satu maklumat bahawa SSM ada kios dipanggil sebagai ezBiz. Kios ini malangnya cuma ada 10 di seluruh Malaysia. Saya harap ia ditambah, dibanyakkan di kawasan yang tertentu kerana kios ini boleh melaksanakan paling kurang tiga perkara. Pertama, pembaharuan daftar perniagaan. Kedua, pembayaran kompaun kalau ada kesalahan-kesalahan oleh SSM yang melanggar Akta SSM. Ketiga, boleh membeli maklumat perniagaan mana-mana syarikat yang kita ingin ketahui syarikat sendirian berhad kita boleh beli maklumat-maklumat melalui kios itu. Ia wajar dibanyakkan dan saya difahamkan transaksi untuk setiap itu amat pantas tiga minit boleh selesai untuk membaharui perniagaan.

**■1250**

Kemudian saya ingin bertanya kenapa agaknya khidmat SSM di UTC Pahang dihentikan. Kenapa agaknya servis kaunter di Cyberjaya ditutup. Kenapa agaknya RTC Sungai Rambai ditutup. Ini pengumuman tiga khidmat SSM dan kenapa perkara-perkara tiga tempat itu ditutup dan saya ingin ulasan daripada Timbalan Menteri, di manakah khidmat-khidmat yang dihentikan itu dipindahkan.

Kemudian, satu perkara yang agak besar yang ingin saya timbulkan di sini ialah mengenai pendaftaran perniagaan *online*. Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan ia perlu berdaftar. Saya ingin bertanya berapa jumlah yang berdaftar. Kadang-kadang perniagaan *online* ini dia hanya menggunakan aplikasi WhatsApp, juga menggunakan aplikasi Telegram, menggunakan aplikasi media sosial yang lain. Kalau pembelian cara *online* itu kemudian pembayarannya dibuat secara *cash on delivery (COD)* itu satu perkara yang tidak boleh di *trace.* Kalau digunakan pemindahan ke akaun bank misalnya, jika ada berlaku penipuan-penipuan yang tertentu, maka kita tidak boleh membawa mereka ke muka pengadilan.

Jadi apa yang ingin saya syorkan kepada kerajaan supaya mendaftarkan perniagaan *online* ini dan apabila terdaftar sebenarnya pengguna lebih percaya kepada syarikat-syarikat yang berdaftar daripada syarikat-syarikat yang tidak berdaftar. Saya ingin tahu setakat ini berapa banyak syarikat *online* ini, *online business* ini, perniagaan atas talian ini yang telah berdaftar dan berapa anggaran agaknya oleh kementerian yang masih belum

mendaftar. Ini adalah perniagaan untuk masa depan dan kita inginkan perniagaan-perniagaan seumpama ini dilakukan secara sah di negara kita Malaysia ini.

Satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan ialah mengenai Suruhanjaya Syarikat juga ada kaitanlah secara langsung dan tidak langsung tentang pindaan ini ialah mengenai kompaun kesalahan-kesalahan. Tentunya akta ini ada kompaun yang tertentu jika melakukan kesalahan-kesalahan. Kompaun ini saya harap boleh dibuat bayaran secara *online*, secara automatik. Saya memuji juga SSM apa yang mereka lakukan, dia memberikan diskaun kepada kompaun-kompaun yang dibayar lebih awal. Sebagai contoh jika dibayar 91 hingga 80 hari kompaun boleh dikurangkan sebanyak 30 peratus. Jika setelah di kompaun dibayar antara satu hingga 40 hari, kompaunnya boleh kurang hingga 80 peratus. Saya ingin bertanya berapa banyak kompaun yang telah dikutip oleh SSM, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan apakah antara kesalahan-kesalahan utama yang dilakukan oleh rakyat, oleh syarikat-syarikat sama ada sendirian berhad ataupun persendirian.

Satu lagi yang saya ingin bertanyakan di sini ialah mengenai kenyataan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan bahawa di negara kita ini ada satu juta buah syarikat dan saya ingin tahu angka yang sebenar jumlah syarikat di Malaysia. Sama ada persendirian, sendirian berhad, JV, didaftar bawah SSM, angka yang terkini termasuklah juga syarikat yang disenaraikan.

Kita ingin bandingkan daripada negara-negara ASEAN. Malaysia ini dari segi nisbah dengan penduduk berapa? Kalau kita ada sejuta daripada 30 juta penduduk kita dapat nisbah yang tertentu. Negara ASEAN ada 600 juta penduduk, bagaimana jumlah syarikat, jumlahnya berapa di Singapura, berapa di Thailand, berapa penduduknya supaya kita boleh melihat setakat mana keupayaan kita dari segi sudut ekonomi.

Saya kira itu saja, saya tidak menyentuh perkara-perkara yang tidak berkaitan. Samun, rompak, 1MDB, FELDA, FELCRA. Saya hanya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sana bahawa pengerusi-pengerusi agensi pimpinan PH menjadi pengerusi-pengerusi pada LKIM, pada Amanah Ikhtiar Malaysia, pada Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga, kepada Peladang, pada MADA cuba perhatikan itu. Bukankah itu melanggar apa yang PH telah janjikan. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian, berani bagi?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat, masa 15 minit. Sila.

**12.55 tgh.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Akta Syarikat ini. Terlebih dahulu saya ingin mengatakan bahawa saya agak tidak puas hati kerana baru hari ini saja diberikan dan terus di bahas. Sepatutnya kalau diberikan lebih banyak masa, maka kita dapatlah bersedia. Itu hanya sebagai teguran kalau tidak nanti di sebelah sana akan salahkan kita.

Kalau kita mendapati bahawa beberapa pindaan yang diadakan ini adalah pindaan yang baik dan secara keseluruhannya saya menyokong. Tapi merujuk kepada seksyen 4, kita mendapati bahawa dalam (5) itu dikatakan bahawa dividen ataupun yang dijual itu akan masuk ke dalam akaun syarikat. Ini saya hendak berkaitan khususnya hendak tanya pada kementerian, bagaimana kalau syarikat itu mempunyai syarikat-syarikat lain ataupun SPV dan kebetulannya beroperasi di luar negara.

Apakah kaedah yang akan digunakan oleh SSM ataupun kementerian untuk mengenal pasti sebab ada kalanya mereka membawa duit ini keluar daripada syarikat Malaysia dan mengatakannya sebagai *advance* dan juga sebagainya ataupun sebagai pinjaman. Maka kalau diberi pinjaman tetapi di syarikat luar negara pula didaftarkan syarikat

dan sebagainya bagaimana ia diambil kira. Apabila syarikat-syarikat itu mempunyai keuntungan maka dividen itu bagaimanakah akan dibawa kembali ke Malaysia ataupun tafsirkan. Melainkan kalau ia adalah PFC dengan izin ataupun syarikat-syarikat yang tersenarai dalam bursa saham, maka kita ada cara-cara tertentu mengenai bursa saham untuk memastikan bahawa mereka membuat deklarasi tapi kalau syarikat persendirian, jika mereka tidak buat mungkin kita tidak tahu.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian setakat ini berapa banyak dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat ini khususnya melibatkan syarikat luar negara luar ini telah pun dikutip ataupun yang masih belum dikutip. Kita juga mendapati bahawa dalam keadaan tertentu apabila syarikat-syarikat di Malaysia ini, kita mempunyai satu fenomena juga di mana kita mendapati bahawa ahli lembaga pengarah yang ada dalam daftar syarikat SSM itu sebenarnya mereka itu bukan ahli lembaga pengarah, kadang-kadang mereka mewakili pihak-pihak tertentu.

Akan tetapi ada kalanya pemegang saham. Pemegang saham ini bukan pemegang saham yang sebenarnya. Kadang-kadang orang bankrap pun boleh jadi pemegang saham dengan syarat dia pilihlah orang lain mewakili dia tetapi di tandatangan borang pertukaran itu daripada awal. Ini kerana di Malaysia ini borang-borang ini yang di tandatangan *undated* ini boleh digunakan tetapi luar negara borang-borang *undated* ini tidak boleh digunakan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Yang Berhormat Segamat boleh saya mencelah.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Boleh.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Adakah Yang Berhormat Segamat setuju setakat ini Akta Syarikat kita walaupun ada peruntukan di situ, kalau lembaga pengarah melakukan kesalahan kerana mereka semua ada *fiduciary duties towards shareholders* dengan izin, tapi tidak nampak pihak SSM ada ambil tindakan terhadap lembaga pengarah tersebut kalau berlakulah kita kata kesalahan di bawah peruntukan atas tanggungjawab *fiduciary duties* seperti 1MDB.

Saya nampak sekarang punya kerajaan hanya cari seorang saja, mengapa Lembaga Pengarah 1MDB mereka bersama-sama adalah bertanggungjawab terhadap kegagalan 1MDB, mengapa mereka tidak dituduh.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya mohon ucapan ini dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Itu merupakan satu kecacatan dalam sistem kita. Sepatutnya mereka semua yang menjadi sebagai ahli lembaga pengarah harus didakwa kerana apabila berlakunya kesilapan ataupun pelanggaran undang-undang, mereka sepatutnya meletak jawatan ataupun membuat laporan polis dan juga laporan MACC. Jika mereka tidak berbuat demikian, maka mereka turut terlibat bersama.

Itu daripada pandangan saya. Ini kerana saya pernah menjadi ahli lembaga pengarah syarikat, saya pernah juga dalam syarikat-syarikat tersenarai, maka adalah tanggungjawab saya sebagai ahli lembaga pengarah syarikat untuk menyatakan apa yang sebenarnya. Jika pelanggaran, maka saya harus membuat laporan ataupun setidak-tidak paling kurang pun minit dalam mesyuarat itu saya tidak bersetuju kerana ia melanggar sekian, sekian, sekian, seksyen berapa dan kerana saya tidak mahu bertanggungjawab.

Itu paling kurang dalam minit yang dibuat. Kedua, mereka ada juga *Whistleblower Act* patutnya mereka telah pun buat ataupun membuat laporan. Jika mereka tidak buat, maka mereka juga bertanggungjawab dan sepatutnya diambil tindakan. Tindakan itu harus diambil dan mengenai 1MDB dan juga sebagainya, saya tidak mahu berbincang di sini kerana ia masih dalam mahkamah tetapi dari segi prinsipnya ia salah dan ia harus diambil tindakan.

Terima kasih Yang Berhormat Tebrau kerana mengingatkan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Segamat, jam menunjukkan pukul satu di mana Yang Berhormat Segamat akan sambung berbahas pada pukul 2.30 petang nanti. Sila.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segamat meneruskan perbahasan ya.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membetulkan, nampaknya *bill* ini telah diletakkan atas meja sejak Isnin tetapi saya baru terima pada hari ini. Namun demikian, ia merupakan satu *bill* yang di*forward* ataupun *rush* untuk didebatkan.

Saya sambung kembali. Merujuk kepada seksyen 4(5) tadi juga merujuk kepada *preferential share.* Maka, keuntungan ini biasanya yang dibawa ke luar negara mahupun kepada syarikat-syarikat lain untuk individu untuk beli. Ini juga boleh melibatkan SPV-SPV di luar negara. Pada masa yang sama, saya juga ingin membawa isu mengenai tanggungjawab syarikat ataupun *co-sec, company sec* yang mana kita mendapati tadi Yang Berhormat Pontian telah pun menerangkan bahawa kecacatan yang ada pada *co-sec* ini. Itu merupakan satu fakta yang bagus, di mana kita juga mendapati *co-sec* ini pun kebiasaannya apabila melibatkan *preferential share* dan juga sebagainya.

Dokumen-dokumen ini kadang-kadang ditandatangani tetapi tidak diturunkan tarikh dan juga tidak dimuktamadkan. Ianya boleh timbul kembali pada bila-bila masa apabila pemegang saham yang sebenarnya di belakang kemungkinan seorang bankrap, kemungkinan seorang yang dicari oleh polis, kemungkinan adalah seorang pemegang saham bukan Bumiputera tetapi dalam pemegangan syarikat Bumiputera dan juga sebagainya boleh menggunakan kelemahan yang ada dalam sistem ini. Maka, untuk memastikan seksyen 4(5) ini berfungsi, bagaimanakah SSM ataupun kementerian ingin pastikan perkara-perkara ini dapat dielakkan?

Pada masa yang sama, saya juga ingin membawa kepada seksyen 13(b)(4A) di mana kita mendapati bahawa memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri pada bila-bila masa oleh Yang Berhormat Menteri boleh menyampaikan satu notis pembatalan kepada orang yang meluluskan itu. Perlu dapatkan maklumat lanjut, bila katakan "bila-bila masa" kerana apabila seseorang ataupun Yang Berhormat Menteri diberikan kuasa sebegitu, maka kadang-kadang boleh juga mencapai satu- dalam pengalaman kita, kita mendapati bahawa yang lepas ini boleh disalah guna ataupun disalah tafsir dan juga sebagainya.

Maka, apakah mekanisme untuk memastikan bahawa seksyen-seksyen seperti itu "memberikan kuasa" ini boleh diperhatikan dan juga memastikan bahawa ianya tidak disalahgunakan ataupun menyebabkan ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Contohnya, kalau hari ini A menjadi Menteri dalam kerajaan A, di mana kerajaan B ataupun orang B mempunyai syarikat dan seandainya kalau Menteri ingin mengambil tindakan secara tidak adil, dia boleh berbuat demikian, hanya memberikan notis dan juga sebagainya. Maka, kita perlu ada satu rayuan ataupun proses untuk kita kaji. Pada masa yang sama, saya juga ingin membawa kepada syarikat-syarikat yang biasanya kita mendapati bahawa yang menggunakan *special purpose vehicle* (SPV), di mana ekuiti pegangan itu adalah syarikat di Malaysia tetapi kita mendapati mereka menggunakan SPV di Cayman Islands dan juga sebagainya. Seterusnya, pemindahan saham dilakukan di luar negara ataupun bila dividen dibayar, ia juga boleh menyebabkan kerugian kerana cukai tidak dibayar di Malaysia. Maka, saya rasa kementerian melalui SSM perlu cari iktibar untuk memastikan perkara tersebut dapat dielakkan.

Mengenai *black economy* yang telah pun dibawa banyak juga oleh rakan-rakan seperjuangan saya di sebelah sana, saya juga ingin menyentuh bahawa apabila kita mendapati dokumen-dokumen syarikat pemegang saham itu ditandatangani tetapi tidak ditarikhkan ataupun orang lain yang sebenarnya memiliki, maka *black economy* ini susah. Oleh sebab kadang-kadang dia letak sebagai pengarah syarikat itu kadang-kadang orang yang telah disabitkan kesalahan pun. Ada itu yang merupakan penghisap ganja dan juga sebagainya, tidak dapat dicari. Akan tetapi nama itu digunakan sebagai ahli lembaga

pengarah syarikat. Apabila hendak ambil tindakan, kita mendapati mereka bukanlah orang yang sebenarnya. Akan tetapi orang yang sebenarnya memiliki syarikat itu ialah orang yang menandatangani cek dalam syarikat itu. Kebiasaannya orang yang menandatangani cek ini dalam syarikat-syarikat yang diragui ini bukanlah pemegang saham ataupun ahli lembaga pengarah dalam syarikat itu sendiri. Ini biasanya berlaku, khususnya dalam syarikat-syarikat *two dollar company,* dengan izin.

Maka, kita perlu juga tanya bagaimanakah ataupun dalam akta ini ataupun akta yang sedia ada ini, adakah seksyen-seksyen yang mempunyai punca kuasa untuk SSM ataupun kementerian mahupun agensi-agensi kerajaan lain menggunakan SSM mengambil tindakan. Jika tidak, ianya akan terus berleluasa seperti kes judi haram, penjualan, dengan izin, *cheap liquor* ataupun di mana pusat-pusat karaoke, pelacuran dan juga sebagainya. Mereka dapat melarikan diri dengan adanya ketidakcekapan dalam akta ini. Saya nak tanya, adakah dalam Akta Syarikat 2016 ataupun yang dipinda, 2019 ini, saya tak nampak adakah cukup fasal-fasal. Jika tiada, mengapa ianya tidak diketengahkan? Oleh sebab seandainya fasal-fasal itu ada, maka syarikat-syarikat seperti ini tidak dapat berfungsi. Kita juga mendapati banyak juga *co-sec* ini ataupun *company sec*, di mana mereka mendaftarkan syarikat-syarikat dengan nama-nama dorman dan juga sebagainya dan seterusnya dibeli dengan harga tertentu. Sebenarnya itu yang dikatakan RM950, kadang-kadang RM2,000, RM3,000, RM6,000 boleh beli serta-merta dan tukar nama.

Saya nak pastikan bagaimana kerajaan nak tentukan bahawa syarikat-syarikat dorman yang telah pun didaftarkan ini tidak digunakan untuk aktiviti *black economy* ataupun aktiviti haram ataupun aktiviti yang tidak memanfaatkan negara ataupun kita tidak dapat mengutip cukai. Pada masa yang sama, saya juga ingin menyentuh mengenai jualan syarikat. Apabila sesuatu syarikat itu dijual contohnya, walaupun syarikat itu hanya mempunyai modal berbayar RM100,000 tetapi kalau dijual untuk RM20 juta, maka penjualnya tidak perlu membayar cukai. Pembeli dan juga penjual hanya membayar *stamp duty* sahaja, yang dulunya GST tetapi sekarang kita ada *stamp duty.* Akan tetapi keuntungan yang berjuta-juta ini tidak dicukai. Maknanya, ia boleh digunakan sebagai punca untuk memberi rasuah. Contohnya, kalau seseorang itu mempunyai projek dan juga sebagainya, saya beli syarikat yang dimiliki saudara maranya dengan RM20 juta, padahal syarikat itu hanya nilainya RM100,000.

**■1440**

Apa berlaku kepada wang selebihnya? Saya hendak tanya, berapa banyakkah penjualan seperti ini dilaksanakan dan apakah tindakannya? Adakah mekanisme untuk mengetahui jika berlakunya penjualan-penjualan seperti ini untuk lari daripada cukai ataupun menggunakan mekanisme sampingan untuk menghalalkan aktiviti *black economy* ini.

Akhirnya, saya juga ingin membawa perkara ahli lembaga pengarah ataupun pemegang saham di mana yang mereka melanggar akta-akta ini. Adakah kita mempunyai satu senarai di dalam *website* SSM dan juga sebagainya nama-nama mereka dinaikkan, syarikat-syarikat dinaikkan sebab kita sekarang dalam kerajaan baru ini, pada alaf kerajaan baru kita mendapati Ahli Parlimen pun terpaksa mengisytiharkan harta. Kita mengisytiharkan harta dan diletakkan dalam *website* di mana satu Malaysia boleh tengok, bukan sahaja satu Malaysia, satu dunia boleh melihat. Walaupun saya pergi ke luar negara, di imigresen itu dia *check* dia terus kata, '*oh! You are the MP*', di luar negara tu dia boleh semak.

Akan tetapi dalam keadaan macam itu, apa salahnya kita juga ada satu sistem dalam SSM untuk memastikan mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan dalam akta syarikat ini, nama-nama mereka, syarikat mereka dan juga latar belakang juga diletakkan dalam *website* SSM agar kita boleh cari. Apabila mereka nak berurus niaga dengan syarikat ini, boleh mendapat tahu. Memang kita ada CTOS dan sebagainya, itu hanya jika ada tuntutan tetapi jika tiada tuntutan, maka tidak ada satu mekanisme untuk mencari. Ini adalah satu cadangan yang harus kita kaji dan juga sebagainya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Petani minta celah, silakan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Setujukah Yang Berhormat Segamat dengan saya, sekarang ini kita ada beberapa "*agencies*" yang mengendalikan orang-orang yang didakwa bankrap dan ada masalah, contohnya CCRIS dan lain-lain. Adakah Yang Berhormat Segamat boleh mencadangkan supaya aset saya menjadi tunggak kepada isu ini,

maknanya kalau ada mana-mana orang yang nak dapatkan maklumat, *rather than* pergi CCRIS ataupun badan-badan lain, terus ke SSM. SSM menjadi badan yang wibawa supaya kita tahu bahawa seseorang itu ada masalah kewangan dan sebagainya, web SSM menjadi orang yang boleh dipercayai. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih. Saya minta dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya bersetuju bahawa SSM, melalui kementerian ini harus diberikan lebih kuasa dan menjadi satu pusat ataupun *central agency* yang boleh memberikan maklumat ini kerana agensi lain seperti CTOS dan juga sebagainya hanya boleh memberikan maklumat apabila mereka telah pun dikenakan tindakan dan juga sebagainya. Akan tetapi ini yang tadi yang saya bawa adalah mereka tidak diambil tindakan tetapi mereka telah melakukan kesalahan dan juga sebagainya ataupun melalui dan sebagainya harus mempunyai satu senarai nama.

Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya berbahas dan saya menyokong rang undang-undang yang dibawa pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang, silakan. Yang Berhormat Rantau Panjang, tidak ada. Yang Berhormat Paya Besar, ada?

**2.43 ptg.**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ada. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Syarikat yang saya kira rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang amat penting kerana semalam kita telah berbincang panjang lebar berkaitan Akta Perlindungan Pengguna dan *Alhamdulillah* telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat.

Saya nampak Akta Syarikat 2016 ini adalah antara akta yang mempunyai fasal yang begitu banyak Tuan Yang di-Pertua, 620 dan disokong oleh 13 jadual supaya akta ini lebih jelas. Kalau Timbalan Menteri nak dilihat bagaimana kita mansuhkan Akta 127 menggantikan Akta 77 ini daripada diwujudkan sehinggalah dimansuhkan pada tahun 2015 dibincangkan, banyak sangat pindaan. Nampaknya bila diluluskan pada tahun 2016, diwartakan pada 2016 kita dah buat pindaan-pindaan. Saya kira ini semuanya adalah kerana ekosistem perniagaan kita amat berubah sekali kerana cara rakyat Malaysia berkehidupan dan cara rakyat Malaysia berniaga dan menerima perkhidmatan perniagaan ini juga berubah.

Saya kira apa yang telah dilakukan merupakan satu perkara yang amat penting dan tepat pada masanya kerana kita yakin dalam penghujahan dalam Akta Perlindungan Pengguna semalam, kita nak melindungi pengguna tetapi hari ini kita bincang tentang Akta Syarikat yang saya kira harus kita beri tumpuan dan penelitian tentang beberapa perkara. Saya mendengar begitu teliti apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Ada lima badan yang memberi cadangan atas Akta 77 yang telah dikemukakan. Ada pindaan-pindaan dan 13 pindaan telah dibuat. Antaranya Bank Negara mencadangkan sesuatu, pengamal undang-undang, pengamal kesetiausahaan syarikat, juruaudit dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau suruhanjaya berkepentingan.

Akan tetapi persoalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, adakah ekosistem ini kita memahami secara anjalnya? Perkataan anjal juga digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. *Resilient* ini adakah ia mampu memberikan suatu keadaan preventif kepada syarikat-syarikat ini supaya ia mampu menjadi sebuah syarikat yang maju yang akhirnya ia menyumbang kepada keuntungan ekonomi negara dan ia menyumbang peratusan yang tertinggi kepada KDNK atau GDP negara.

Akan tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita melonggarkan dalam Akta 127, kemudiannya kita tukar kepada Akta 77, ada pelonggaran-pelonggaran yang dibuat dalam pindaan tahun 2016. Antaranya kita mengurangkan sekurang-kurangnya dua pengarah yang bermastautin dan kita buat pindaan

2016 dengan sekurang-kurangnya seorang sahaja pengarah yang bermastautin. Jadi kelonggaran ini sudah pastinya akan ramai pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan, yang akan mengambil di celah-celah kesempitan yang ada, akan mengambil peluang-peluang untuk mengambil keuntungan yang tidak adil kepada pengguna.

Saya fikir saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah akta ini membolehkan lebih syarikat didaftarkan sebelum terlaksananya akta dan pindaan yang kita akan lakukan ini, berapa banyak syarikat? Adakah dengan memudahkan dalam pindaan tempoh hari, saya kira dah hampir tiga tahun akta ini dikuatkuasakan, berapa banyak peningkatan syarikat-syarikat yang didaftarkan? Itu yang pertama.

Keduanya, saya hendak sentuh berapa ramai SSM menerima aduan daripada rakyat Malaysia daripada pengguna berkaitan syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan. Adakah mereka hanya mendaftar syarikat, dengan mudahnya syarikat didaftarkan dan akhirnya mereka melakukan perkara-perkara yang kita sifatkan sebagai tidak adil kepada pengguna, merompak duit rakyat, menggunakan cara mengikut undang-undang tetapi sebenarnya mereka lakukan perkara-perkara yang saya sifatkan sebagai aktiviti haram.

Sebagai contoh, kalau di iklan-iklan, dipaparkan peminjam wang berlesen kerana berlesen itu bukan dilesenkan di bawah KPKT tetapi telah didaftarkan sebagai syarikat. Apabila keluar nombor pendaftaran syarikat, seolah-olah membayangkan kepada anak-anak muda sebagai syarikat ini syarikat yang berdaftar. Bila berdaftar, pandangan rakyat di luar sana Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, apabila ada nombor pendaftaran sahaja, bermakna mereka terikat pada penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang sedia ada, walhal aktiviti yang mereka lakukan adalah aktiviti haram.

Saya nak lihat juga Tuan Yang di-Pertua, apakah strategi kementerian untuk mengatasi masalah banyaknya syarikat yang mengambil kesempatan ini dan apakah usaha kerajaan untuk memantau syarikat-syarikat yang tidak berdaftar tetapi menjalankan perniagaan cara menumpang lesen di syarikat yang lain. Walhal apabila *enforcement* dibuat kepada syarikat tersebut, nama syarikat lain tetapi pengoperasian adalah pengoperasian lain. Ia tidak sama seperti bagaimana kita nak mendaftarkan syarikat dulu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita kena letak perkara-perkara apa yang kita hendak niagakan dalam Undang-undang Tubuh Syarikat tersebut. Akan tetapi yang melaksanakan operasi itu bukan seperti yang didaftarkan, malah syarikat yang didaftarkan itu nama lain dengan premis yang dilaksanakan.

Ketiganya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melihat juga bagaimana kita mendaftarkan syarikat-syarikat yang bermasalah.

**■1450**

Saya membuat sedikit kajian, melihat banyak kementerian-kementerian mengemukakan syarikat-syarikat yang bermasalah... *[Menunjuk sehelai dokumen]* Sebagai contohnya di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ada pemaju-pemaju-banyak saya kira dekat sini hampir 100 syarikat. Akan tetapi akhirnya, apakah Suruhanjaya Syarikat Malaysia lakukan kepada syarikat-syarikat ini. Adakah hanya biarkan sahaja di laman-laman web, atau kita biarkan hanya untuk tatapan umum tanpa kita menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada, yang telah dipinda pada tahun 2016. Itu cerita tahun 2016.

Akan tetapi cerita tahun 2019 berbeza sekali. Kita membuat pindaan untuk menguatkuasakan rang undang-undang sedia ada. Supaya rang undang-undang ini yang telah dinyatakan oleh saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, lima agensi telah berbincang mungkin, dan mencadangkan serta mengesyorkan pindaan-pindaan ini supaya Rang Undang-undang Syarikat yang telah diperkenalkan- Akta 77 ini dapat dikuatkuasakan. Tidak ada ruang dan dipanggil *loophole* tentang penguatkuasaan undang-undang. Kerana apa, masyarakat hari ini Yang Berhormat, Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, amat bijak. Kadang-kadang walaupun mereka tidak ada latar belakang undang-undang, mereka lebih hebat daripada pengamal undang-undang.

Jadi saya bersetuju pindaan fasal 14- fasal 14 telah jelas mengatakan bahawa syarikat yang bertindak sebagai plaintif- saya hendak merujuk kepada jaminan untuk kos. Fasal 14 menyatakan bahawa syarikat yang bertindak sebagai plaintif dalam mana-mana tindakan atau prosiding lain, dikehendaki memberikan jaminan secukup-cukupnya bagi kos. Saya ingat pindaan ini atau bukan pindaan, memasukkan satu seksyen yang baharu ini adalah satu seksyen yang *draconian*.

Kerana ia seolah-olahnya menganiayai syarikat-syarikat yang kecil. Kerana apa? Akta Syarikat ini tidak menilai, manakah syarikat besar, manakah syarikat kecil. Dia kuat kuasa pada semua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, anak-anak muda hari ini melaksanakan banyak syarikat yang melibatkan *online,* dan saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua ambil maklum bahawa anak-anak muda ini mempunyai modal yang agak kecil. Akan tetapi mereka berurusan dengan syarikat-syarikat yang besar. Mereka dapat bekalan-bekalan, barang-barang untuk dipasarkan di negara ini- mereka terpaksa berhadapan dengan syarikat-syarikat besar. Apabila mereka memasukkan atau memfailkan tuntutan sebagai plaintif, mereka juga terpaksa membuat jaminan kos. Saya harap sangat supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri batalkan jaminan kos ini. Kerana...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Paya Besar, boleh beri laluan sedikit. Sekejap. Yang Berhormat Paya Besar, boleh?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bukan berucap selepas ini kah? Okey sila *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Berucap, berucap lah. Tadi Yang Berhormat Paya Besar ada sebut dalam soal tindakan kepada syarikat. Yang tadi Yang Berhormat Paya Besar sebut perumahan. Yang Berhormat Paya Besar sebut perniagaan *online*.

Saya hendak sebut apa yang Yang Berhormat Paya Besar sebut tadi adalah tindakan plaintif. Syarikat sebagai plaintif Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat yang besar. Saya hendak tanya hak pengguna. Hari itu kita baru bentang Yang Berhormat Paya Besar, kita baru bentang rang undang-undang tentang hak pengguna yang boleh memfailkan tuntutan mereka di bawah sampai ke tuntutan RM50,000. Bagaimana, setuju atau tidak Yang Berhormat Paya Besar tentang syarikat-syarikat perumahan yang kecil-kecil. *Developer* yang mempunyai proses pembangunan kurang dari lima hektar, kurang daripada lapan ekar. Kebanyakan projek perumahan ini gagal untuk menyiapkan perumahan mereka, dan pembeli menjadi mangsa kepada penjualan perumahan yang mereka lakukan, sehinggakan pembeli tak boleh hendak pergi ke mana sudah. Dia bawa syarikat ke peringkat guaman atau ke peringkat pendakwaan, tidak boleh didakwa atas kapasiti syarikat yang dilindungi melalui M&A mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Paya Besar?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya nampak Yang Berhormat Jelebu mempunyai pengalaman luas dalam bidang ini, dan saya nampak pengalaman Yang Berhormat semasa menjadi Exco di Negeri Sembilan itu memudahkan dalam penghujahan tersebut. Saya harap, apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Jelebu itu dimasukkan dalam ucapan saya.

Yang paling pentingnya adalah, kalau hendak melibatkan pembinaan, mana ada anak muda Tuan Yang di-Pertua, yang boleh ada Kelas A kecuali bapa mereka legasi-mereka itu dari Kelas A. Anak muda ini menjadi *subcontractor,* dalam pembinaan. Akan tetapi apabila syarikat-syarikat besar tidak membayar kepada *subcontractor*, hendak difailkan di mahkamah, kena ada jaminan kos dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya harap seksyen ini ditarik balik kerana ini sebenarnya menidakkan syarikat-syarikat kecil kerana syarikat-syarikat kecil akan terseksa dan mereka akan diadili secara tidak adil.

Kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri degil hendak meneruskan subseksyen ini, saya mengharapkan sangat ada satu *ceiling* dibuat. Sebab kita faham takrifan jaminan kos ini berbeza-beza. Kalau di Mahkamah Sesyen macam mana, Mahkamah Tinggi macam mana, Mahkamah Rayuan macam mana, Mahkamah Persekutuan macam mana, kementerian keluarkan garis panduan. Untuk mahkamah kategori ini, berapa kos. Supaya rakyat jelas. Jangan disebabkan kita memberi – terbuka, kos ditentukan oleh mahkamah tanpa dikawal selia oleh kementerian, saya fikir rakyat akan tidak dapat diadili dengan baik.

Saya ada masa yang amat terhad. Saya harap sangat Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolonglah. Syarikat-syarikat yang bermasalah ini macam mana Yang Berhormat

Timbalan Menteri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia lakukan. Apa yang berlaku di Pasir Gudang.

Dinyatakan ada lapan syarikat dan ada juga dakwaan yang mengatakan syarikat-syarikat ini tidak berdaftar. Walaupun ia di*viral,* ditularkan - buat penjelasan dan saya harap sangat semasa penggulungan nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum pada saya. Sebab rakyat Paya Besar hendak tahu. Sebab dahulu dimomokkan yang Kuantan ini akan rosak disebabkan Lynas. Rupanya dia sudah berpindah ke Johor, bukan Lynas tapi syarikat-syarikat di Sungai Kim Kim. Itulah yang saya harap sangat penjelasan diberi. Adakah lapan syarikat itu semua berdaftar. Kalau tidak berdaftar, syarikat mana yang tidak berdaftar. Ramai pegawai-pegawai SSM saya nampak ada dekat sini.

Saya hendak sentuh yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan *business online* ini. Saya dengar begitu teliti Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab semalam- BizTrust. Maknanya dengan adanya logo BizTrust, rakyat akan yakin. Akan tetapi adakah kelima-lima agensi yang saya sebut di awal tadi mengambil kira dengan mata wang elektronik ini. Sebab apa, *cryptocurrency* ini adalah satu perkara yang sukar untuk kita buktikan dan fasal yang kita sebut tadi berkaitan fasal dokumen.

Saya teliti penuh panjang lebar seksyen yang disebutkan dalam tafsiran ini. Dokumen- dia merujuk kepada Akta Keterangan 1950, tetapi bagaimana dokumen *cryptocurrency* Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan ada juga pengamal-pengamal yang aktivis-aktivis *cyberconsumer* ini mengatakan bahawanya, urus niaga kewangan ini tidak perlu lagi simpan di dalam bank. Dia hanya perlu simpan di dalam *pen-drive*. *Cryptocurrency* ini boleh simpan dalam *pen-drive* dan mungkin suatu hari nanti aktiviti-aktiviti haram akan diniagakan melalui *smart card, memory card.* Kerana apa, ini adalah *environment* dan ekosistem yang memenuhi Revolusi Industri 4.0.

Saya hendak merumuskan macam ini Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita berada di dalam keadaan ambang teknologi 5G, akta ini perlulah selaras dengan teknologi semasa. Jangan dilihat Akta Syarikat yang sedang kita bincang pada hari ini terkebelakang daripada teknologi yang ada. Kerana apa, teknologi yang datang ke Malaysia ini bukan datang begitu sahaja. Bukan datang memberi kemudahan semata-mata tetapi ia datang juga dengan kesan-kesan sampingan.

Oleh itu Paya Besar mengharapkan sangat supaya jaminan untuk kos itu, jaminan kewangan untuk kos dan mahkamah itu ditarik dalam penggulungan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Tadi saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Silakan.

**2.59 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Khas. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada masa ini, saya hadkan 10 minit ya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Masa 10 minit sahaja? Okey okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senarai panjang lagi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Syarikat Pindaan 2019 dan kita mengharapkan pindaan akta ini akan menjadi pemudah cara untuk syarikat menjalankan perniagaan dalam negara kita dengan harapan polisi baharu ini akan memberi impak yang positif terhadap syarikat, dan diharapkan syarikat dapat beroperasi dengan lebih efisien. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah syarikat yang berdaftar dalam negara kita setakat ini dan setakat ini berapakah jumlah syarikat yang sudah gulung tikar? Kalau boleh saya minta statistik daripada tahun 2016 sehingga 2019.

**■1500**

Daripada syarikat-syarikat yang beroperasi di negara kita, adakah pihak kerajaan telah memantau berapa syarikat yang tidak berdaftar yang beroperasi dalam negara kita? Begitu juga berapa jumlah syarikat-syarikat asing yang beroperasi dalam negara kita sehingga sekarang?

Saya ingin tahu, dari sudut peraturan yang ada di bawah SSM, adakah mengenakan had bilangan sebuah syarikat itu untuk didaftarkan oleh seorang pengarah? Contoh, kita lihat satu orang itu sampai ada beratus nama menjadi lembaga pengarah ataupun pengarah sebuah syarikat. Jadi, adakah satu had ditetapkan untuk memudahkan pemantauan sebagaimana yang berada di Bursa Saham yang mengehadkan 15 syarikat sahaja di atas satu nama?

Kalau merujuk kepada fasal 7, saya ingin tahu juga berkaitan dengan kes bagaimana sekiranya berlaku pemalsuan maklumat berlaku. Sebab, setiap undang-undang ataupun akta yang dibuat tidak ada erti kebaikan dan keindahan akta kalau tidak ada penguatkuasaan yang berkesan. Jadi, sejauh mana penguatkuasaan ini dilaksanakan dengan berkesan?

Sebab kalau kita rujuk Laporan Audit Negara, contohnya dalam satu kes Laporan Audit Negara yang merujuk kes yang lepas, bagaimana SSM tidak bertindak terhadap pengarah yang ingkar. Banyak isu yang melibatkan pelanggaran pengarah terhadap peraturan syarikat yang dikenakan kompaun dan sebagainya tetapi tidak diambil tindakan. Jadi saya ingin tahu, berapa kes yang telah dikenal pasti yang melibatkan pelanggaran dan berapakah nilai kompaun yang sepatutnya terlibat dan berapakah yang sudah dapat dikutip?

Saya ingin tahu juga, berapakah pendakwaan yang telah dijalankan oleh syarikat SSM setakat ini? Saya mengharapkan supaya dengan penambahbaikan akta ini, kita akan dapat memberi tindakan yang lebih berkesan supaya pelanggaran terhadap akta ini dapat kita ambil tindakan yang sebaiknya.

Saya ingin tahu juga iaitu tentang penguatkuasaan akta baharu ini yang kita semua tahu memerlukan masa untuk difahami dan dipatuhi. Jadi, adakah tempoh masa tertentu disediakan oleh pihak syarikat untuk dikuatkuasakan untuk membolehkan syarikat-syarikat dapat mematuhi dan memahami segala syor yang telah dibuat dalam akta ini? Adakah dari segi penguatkuasaan denda yang mungkin ada fleksibel terhadap mereka yang mungkin memerlukan masa untuk mematuhi dalam keadaan mungkin perlu kepada pemahaman dan sebagainya? Jadi sejauh mana jumlah masa dan had ini ditentukan?

Begitu juga saya ingin tahu tentang kes laporan kepada Kementerian KPDNKK. Setakat sekarang ini, berapakah kebarangkalian ataupun dari segi kekerapan laporan yang diterima oleh kementerian daripada laporan syarikat SSM ini kepada anggota suruhanjaya? Sebab, setiap laporan ini sangat penting untuk memastikan segala pematuhan terhadap akta ini berjalan dengan lancar. Apabila saya semak dalam Laporan Audit Negara, kes laporan kepada kementerian sebelum ini, kes sebelum ini, amat kurang. Jadi, adakah peningkatan laporan yang telah diberi kepada pihak kementerian?

Begitu juga saya ingin tahu, adakah peruntukan dalam akta ini untuk menghalang mana-mana syarikat yang menerima dana asing sebagai permulaan permodalan syarikat? Jadi adakah ada klausa dalam undang-undang ini supaya maknanya pelabur atau dana asing masuk, sebagaimana banyak disebutkan tadi wang haram dan sebagainya, yang mungkin perlu kepada pemantauan? Jadi sejauh mana dalam undang-undang ini diberi keutamaan dalam akta ini?

Begitu juga iaitu tentang penglibatan— saya ingin tahu juga berkaitan peranan yang dimainkan oleh setiausaha syarikat. Jadi sejauh mana tindakan yang diberi kepada setiausaha syarikat sekiranya setiausaha syarikat itu melakukan perkara yang menyalahi akta? Adakah beban hanya dikenakan kepada pengarah dan tidak dikenakan kepada setiausaha syarikat?

Begitu juga merujuk subseksyen 433 di mana merujuk kepada pindaan (4A), (4B) dan (4C). Kita melihat ruang ini diberi kuasa yang begitu luas kepada Menteri. Jadi sejauh

mana jaminan— apakah tujuan pindaan ini dibuat? Sekiranya berlaku pelanggaran dan sebagainya, macam mana? Sebab dalam suasana dunia hari ini, kadang-kadang mungkin berlaku tidak amanah dan sebagainya. Kalau kes yang kita tengok yang terkini, bagaimana kalau Exco pun boleh disabitkan dengan kes rogol amah, apa lagilah perkara-perkara yang lain. Saya bimbang salah guna kuasa. Jadi, saya mengharapkan supaya perkara ini diambil perhatian supaya tidak berlaku.

Begitu juga tentang saya mencadangkan supaya SSM perlu mengadakan dan memperbanyakkan bengkel dan latihan terutama kepada pengarah-pengarah syarikat bertujuan untuk dapat melahirkan kefahaman dari sudut pelaksanaan yang tepat mengikut arahan, jadi bukan berpusat di satu pusat latihan sahaja, dengan mengenakan bayaran fi yang munasabah dan mampu dihadiri. Jadi setakat ini, berapakah program-program latihan yang telah dilaksanakan di seluruh negara dan sejauh mana pelaksanaan ini dibuat terutama di negeri-negeri di pedalaman supaya syarikat-syarikat yang berada di pedalaman juga memudahkan mereka untuk melibatkan kakitangan mereka? Begitu juga sejauh mana SSM menyediakan pegawai terlatih yang mencukupi bagi memberi penjelasan berhubung dengan perubahan dan aplikasi Akta 777 ini?

Saya ingin tahu juga, di manakah medium ataupun pemegang saham untuk mengawal fi tahunan pengarah bagi syarikat? Sebab kita tengok dalam pindaan 340 ini di mana pemegang syarikat ataupun— kita tengok dalam ini bagaimana mengawal fi tahunan pengarah bagi syarikat awam, sekiranya ianya dihapuskan, adalah satu agenda yang wajib mesyuarat agung tahunan. Jadi, adakah ini akan dikekalkan? Kita setuju supaya juruaudit dimasukkan sebagai tambahan dalam perkara ini.

Itu sahaja saya rasa perkara-perkara penting yang saya hendak sentuh dalam akta ini. Saya mengharapkan supaya semua pindaan ini akan dapat dipatuhi dan dilaksanakan dengan sebaiknya dan dapat direalisasikan untuk kita melahirkan syarikat dalam negara kita yang lebih berjaya dan boleh memberi sumbangan yang besar kepada masa depan negara. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dalam senarai ini saya nampak ada Yang Berhormat Kuala Nerus tetapi Yang Berhormat Kuala Nerus pun tidak ada di sini. Mungkin...

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Puteh kemudian. Ada dalam senarai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pendang ada? Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Lipis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada? Ada dalam senarai ini. *[Disampuk]* Oh, Yang Berhormat Jelebu. Mana-mana satulah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Mana-mana boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelebu.

**3.08 ptg.**

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis kerana bagi laluan kepada Jelebu... *[Disampuk]* Dan Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berterima kasih kerana benarkan saya terlibat dalam perbahasan tentang Rang undang-undang Syarikat, sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya hendak beri pandangan sedikit kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* tentang perbahasan di dalam Dewan. Saya dapati isu-isu *contempt of court*, isu-isu yang dibicarakan di mahkamah menjadi satu topik utama dalam perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak kiralah Ahli Yang Berhormat di sebelah sana atau Ahli Yang Berhormat di sebelah sini. Dewan ini adalah satu Dewan yang mulia yang harus kita sama-sama jaga, yang harus kita sama-sama pertahankan. Kenapa mesti kita ungkit? Hampir tiga per empat waktu perbahasan tentang isu yang sama. Isu 1MDB, isu FELDA, isu FELCRA dan sebagainya. Saya hendak minta

tolonglah, Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling* supaya perkara ini dipatuhi, ditaati. *Sami'na wa atho'na,* Tuan Yang di-Pertua. Akur kepada Tuan Yang di-Pertua.

**■1510**

Kalau tidak, integriti Tuan Yang di-Pertua, integriti Dewan sudah dicabuli, telah dirogol oleh Ahli-ahli Dewan. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua. Untuk rekod Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya saya telah pun keluarkan *ruling*, petua tahun lalu tentang hal-hal bersabit dengan perkara yang dibicarakan di mahkamah. Malah perkara-perkara yang dalam siasatan pun sepatutnya tidak dibangkitkan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada ketegasan Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang kita ada, macam Akta Syarikat hari ini, kita buat undang-undang tetapi kalau tidak ada *enforcement*, penguatkuasaan tidak ada makna Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tak nak ikut, keluarkan daripada Dewan. Suruh dia rehat dua tiga hari.

Kalau saya langgar peraturan, Tuan Yang di-Pertua suruh saya keluar, *by all means* saya akan akur, *sami'na waato'na* dengan Tuan Yang di-Pertua insya-Allah. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, masa hendak habis.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta penjelasan sedikit?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang ini tidak mahu keluar, yang ini tidak mahu keluar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh minta, boleh minta sedikit masa? Penjelasan Yang Berhormat Jelebu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum mula berbahas lagi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tajuk tadi itu berkenaan tindakan disiplin, berkenaan bercakap soal perkara-perkara yang menyalahi, tindakan mesti diambil. Saya menyokong tetapi saya hendak tanya, Yang Berhormat Jelebu setuju tak kalau Timbalan Yang di-Pertua sendiri melakukan kesalahan, tidak mengikut peraturan, guna kuasa *veto*, kuasa kuku besi.

Saya diambil tindakan, digantung empat hari. Apa salah saya? *Just because* saya tegur Yang Berhormat Menteri. Belum habis pun saya tegur Yang Berhormat Menteri, belum habis nasihat saya, sudah disuruh duduk. Saya bangun hendak minta hak untuk bertanya soalan, suruh duduk. Apa ini? Apakah Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyalahkan Tuan Yang di-Pertua yang ada hari ini – Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walau apa pun Yang Berhormat, ini sudah diputuskan ya. Jadi tidak perlu dibangkitkan sekali lagilah. Kalau tidak, tidak berkesudahan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenapa pula tidak boleh dibangkitkan? Ini soal salah laku Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ini *floor* ini. Bagi.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Baru kata hendak akur kepada Tuan Yang di-Pertua. Apalah, duduklah. Yang Berhormat Jelebu baru kata hendak akur kepada Tuan Yang di-Pertua, keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih, okey.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini ada peraturan. Kita ada peraturan. Ahli Parlimen mesti ikut peraturan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ya betul.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua kena ikut peraturan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apabila Tuan Yang di-Pertua arahkan keluar, kamu kena keluar. Itu peraturan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita juga ada peraturan. Keputusan Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua dalam sesuatu hal adalah muktamad. Jadi kalau ...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tambah masa Yang Berhormat Jelebu. Tambah masa Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Bagi, bagi *floor* Yang Berhormat Jelebu. Kasihan dekat dia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak boleh macam itu. Kalau ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sedang berjalan. Tumpu perbahasan tentang akta pindaan ...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak boleh salah guna kuasa, guna kuku besi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita hormat antara satu sama lain. Kita hormat Tuan Yang di-Pertua, hormat kita juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat Pasir Salak. Sila duduk.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Okey saya ...

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Kalau hormat antara satu sama lain, hormat juga Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Yang Berhormat Puncak Borneo pun, baliklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk. Ya silakan Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak. Saya minta pasal apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pasir Salak masuk dalam teks saya walaupun keluar tajuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, belum bermula lagi pun. *[Ketawa]* Ini salah peraturan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kalau ada peruntukan untuk kita keluarkan Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan peruntukan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Masa sedang berjalan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Masa pun sudah pendek, minta tolong tambah sedikit. Saya untuk rekod Tuan Yang di-Pertua, syarikat tempatan 1,316,525 dalam rekod sekarang. Syarikat asing 4,826. Jumlah syarikat 1,316,577. Jumlah perniagaan dalam negara setakat ini Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh *check* 7,454,963. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, daripada 7.4 juta ini, berapa syarikat yang aktif? Adakah pihak syarikat SSM melakukan pemutihan untuk mengambil tindakan kepada apa yang disebut oleh Ahli-ahli Dewan tadi? Tubuhkan syarikat semata-mata untuk boleh menghalalkan aktiviti perniagaan mereka dalam masa yang sama gunakan kebolehan ataupun gunakan kesempatan dan juga kelulusan menubuhkan syarikat itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti *black economy*. Aktiviti-aktiviti yang tidak boleh mendukung hasrat dan dasar kerajaan dalam soal ekonomi terutamanya bagi golongan B40, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu, perkara ini kita sudah buat akta daripada satu akta kepada satu akta yang lain. Akan tetapi kita tidak lagi melakukan sebarang penguatkuasaan. Saya hendak tanya kepada pihak syarikat SSM, pihak kerajaan, apakah tindakan pemutihan yang kita lakukan untuk mengambil tindakan kepada syarikat yang membohongi rakyat daripada hari

ke hari. Saya ada banyak tajuk saya hendak beritahu. Akan tetapi oleh kerana masa, saya hendak sebut dalam satu tajuk sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya sedikit. Yang Berhormat Jelebu ...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tajuk yang saya hendak sebut ialah syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan pelaburan yang sampai hari ini kita tidak boleh kawal. Tuan Yang di-Pertua ingat tak dahulu Tuan Yang di-Pertua semasa zaman-zaman kita berniaga emas dahulu. Pelaburan emas dahulu. Syarikat Geneva melakukan penipuan jutaan bilion ringgit kepada masyarakat, kepada rakyat. Malah ketika itu hampir perniagaan sudah dijalankan malah ketika itu Yang Amat Berhormat Langkawi melakukan upacara pelancaran kepada syarikat berkenaan yang mana ramai daripada rakyat kita menganggap bahawa ini adalah syarikat yang diberi autoriti oleh kerajaan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, pihak SSM, pihak syarikat, pihak kementerian tidak mengambil sebarang tindakan kepada semua pelabur yang terlibat dalam syarikat berkenaan. Sehinggakan kepada satu peringkat Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah ramai terlibat, apabila banyak agensi yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan dan badan berkanun, kemudian baru kerajaan isytihar syarikat ini adalah syarikat pendeposit, pengutip deposit rakyat secara tidak halal ataupun secara haram.

Semua kena. Hampir beratus bilion wang rakyat sudah dikumpulkan dan Bank Negara rampas duit ini dan ditutup dan semua pendeposit di dalam syarikat berkenaan mengalami ataupun mendapat keburukan daripada pelaburan berkenaan.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Jempol kena? Yang Berhormat Jempol pun kena.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut dalam soal berkaitan dengan syarikat ini. Itu adalah contoh pertama yang saya hendak sebut. Bagaimanakah tindakan pihak kementerian dan pihak kerajaan yang hari ini melalui media sosial, melalui perniagaan *online* yang disebut oleh rakan-rakan, Yang Berhormat Paya Besar, oleh rakan-rakan yang berbahas sebelum saya yang telah disebut syarikat-syarikat yang telah didaftarkan di SSM tetapi melakukan semua aktiviti *black economy* untuk mengutip deposit daripada orang ramai.

Kita tahu bahawa perkara ini dilakukan dalam masa yang sama orang ramai terpengaruh dengan pelbagai tawaran pulangan yang besar yang dilakukan oleh syarikat berkenaan untuk menjalankan aktiviti penipuan. Akan tetapi yang saya hendak tanya kepada pihak kerajaan pada hari ini ialah apa tindakan pihak kerajaan. Kita ada banyak akses, kita ada media sosial, kita boleh Google, kita boleh tahu pihak tahu ini adalah syarikat yang sebenar, ini adalah syarikat yang tidak benar atau sebagainya yang boleh akses kepada perjalanan dan pengurusan syarikat tetapi kita tidak ambil tindakan.

Maka, rakyat akan memikirkan seolah-olah bahawa ini sudah dibenarkan oleh pihak kerajaan. Ya, Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya mencelah sedikit Yang Berhormat Jelebu. Boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya tertarik dengan kata Akta Syarikat tadi. Sejak akhir-akhir ini banyak contohnya syarikat ditubuhkan khas untuk Bumiputera tetapi sebaliknya pembelian tanah rizab Melayu menggunakan syarikat Bumiputera. Syer tersebut telah pun ditukar. Jadi saya lihat perkara ini telah banyak berlaku. Contohnya, dalam kawasan saya pun berlaku. Tanah ini dibeli oleh sebuah syarikat Bumiputera tetapi syernya telah pun berpindah tangan kepada bukan Bumiputera sedangkan tanah tersebut adalah tanah rizab Melayu. Di mana penguatkuasaan kementerian di bawah SSM ini terhadap syarikat-syarikat yang disebut tadi sebagai syarikat untuk kita putihkan syarikat yang terlibat dalam pembelian tanah rizab Melayu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya minta mohon apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Jempol dimasukkan di dalam ucapan saya. Saya bersetuju. Tuan Yang di-Pertua, sambung sedikit lagi. Saya hendak sebut

Tuan Yang di-Pertua senarai *(list)* semua syarikat yang menjalankan aktiviti *black economy* dan juga aktiviti haram ini sudah dikeluarkan oleh media Tuan Yang di-Pertua. Sudah digariskan 20 buah syarikat, 30 buah syarikat, pihak PDRM sudah keluarkan. Kenapa pihak SSM tidak *ban* akaun ini? Akaun masih beroperasi.

Apa kerja KDN? Apa kerja PDRM dengan SSM? Adakah mereka tidak boleh *synchronize* dalam soal tindakan untuk menyelamatkan penipuan secara terang-terangan terhadap rakyat. Apabila kita tutup satu syarikat Tuan Yang di-Pertua, kemudian pengarah yang sama, contoh saya hendak beritahu contoh. Katakanlah namanya Haji Ahmad bin Maslan, kata contoh pasal saya nampak dia ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Contoh, contoh.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Contoh. Kata contohlah Haji Ahmad bin Maslan syarikat ABC Sendirian Berhad didapati melakukan aktiviti-aktiviti haram. Kemudian, contoh Yang Berhormat Pasir Salak. Kemudian apabila pihak syarikat ambil tindakan, Haji Ahmad bin Maslan tubuh pula syarikat FGH Sendirian Berhad umpamanya.

**■1520**

Aktiviti yang sama, melakukan program aktiviti yang sama. Bagaimana dalam soal akta kita? Bagaimana tindakan kita yang menjadi mangsa adalah rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Katalah dia pula dapat tangkap lagi, Haji Ahmad bin Maslan tubuh lagi pula LGBT Sendirian Berhad. Umpamanya. Contoh. *[Ketawa].* Ini contoh, saya tidak menjurus mana-mana Tuan Yang di-Pertua, fasal di awal ucapan saya tadi, saya sebut kita tidak boleh melanggar peraturan perbahasan.

Jadi ini semua Tuan Yang di-Pertua, menjadi persoalan utama kepada rakyat. Golongan belia kita di bawah sana Tuan Yang di-Pertua hendak berniaga secara halal, hendak berniaga secara baik, pinjam bank tidak lulus. Oleh sebab itu aktiviti Ah long berleluasa di dalam negara kita. Sedangkan aktiviti Ah long itu transaksi kewangan mereka juga melalui bank, tidak atas nama *personal* kerana apa? Saya hendak beritahu pihak kerajaan, pihak SSM tindakan kepada Lembaga Pengarah harus diperkuatkan, bukan dibankrapkan ataupun bahasa kita memufliskan syarikat berkenaan tetapi tangkap pengarah itu. Supaya mereka tidak melakukan kesilapan yang sama di dalam membohongi rakyat dan masyarakat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, penyampaian awal saya tadi Tuan Yang di-Pertua, sangat serius. Ini adalah integriti dan juga dalam soal harakat dan martabat Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya giliran Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Arau selepas Yang Berhormat Rompin.

**3.21 ptg.**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Pendang untuk berbahas berkenaan dengan pindaan Akta Syarikat 2016 iaitu Akta Ibu. Kita masukkan Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) 2019.

Saya hendak menyentuh berkenaan dengan pindaan Akta 72(5), kurang jelas bilakah syarikat perlu memindahkan sesuatu amaun yang bersamaan dengan amaun syer yang ditebus ke dalam akaun modal syarikat. Adakah ia sebelum atau selepas penebusan? Sekiranya selepas, tiada tempoh yang diperuntukkan di dalam akta untuk ia dipindahkan. Ia membuatkan seksyen tersebut agak kelabu. Jadi, ini untuk agak teknikal, cuma saya perlu sebut kerana inilah yang menjadi *complicated* kepada peniaga-peniaga kita sekarang.

Lanjutan terhadap seksyen 72(5) ini berbeza dengan Akta Syarikat 1965, apabila syarikat menebus saham, syarikat hanya dikehendaki memasukkan amaun *par-value* di bawah Akta Syarikat 2016. Konsep apabila *par-value* telah dibuang, amaun yang perlu dimasukkan adalah lebih tinggi, teknikal sedikit. Oleh sebab itu saya baca perlahan Yang Berhormat Menteri sila dengar betul-betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia faham, dia faham.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Hilang sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Par-value, par-value.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Apabila penebusan dilakukan— okey. Okey. Katakanlah di bawah Akta Syarikat 2016 ini konsep *par-value* telah dibuang, amaun yang perlu dimasukkan adalah lebih tinggi. Contohnya, di bawah Akta Syarikat 1965, satu *preference* syer mungkin mempunyai *par-value* sebanyak RM1 dan premium RM10. Apabila penebusan dilakukan, syarikat hanya perlu memasukkan amaun bersamaan dengan RM1.00 bagi setiap syer yang ditebus. Ini yang menjadi *complicated* kepada syarikat yang ada *partnership* ataupun syer. Lagi satu, saya hendak sebut '*sat'* lagi *sleeping partner* yang menjadi kroni dan sebagainya, menjadi kabel sedangkan dia *sleeping* sahaja tetapi dialah penentu besar kerana dia ada kabel besar dengan orang-orang di atas sana. Ini pun menjadi masalah kepada peniaga-peniaga dan juga kepada syarikat.

Jadi kita melihat kepada ini, bagi setiap syarikat seolah-olah dikehendaki memasukkan RM10 bagi setiap syer kerana sudah tiada konsep *par-value* yang mana lebih tinggi daripada amaun di bawah Akta Syarikat 1965. Itu yang dibuat pindaan ini, logik atau tidak logik? Hal ini secara tidak langsung *"defeat the purpose* dengan izin *of introducing the new companies Act which is aim to ease doing business here in Malaysia"* dengan izin. Ini kena perhati betul-betul ini pindaan Akta 72(5) dalam Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) 2019.

Lagi satu saya hendak menyentuh berkenaan pindaan seksyen 84. Mohon pencerahan, adakah ini bermaksud *alteration of share capital* dengan izin dibenarkan untuk mendapat *ordinary resolution* sahaja, ini persoalan apabila kita ubah akta ini. Di dalam pindaan seksyen 340, dengan izin *"instead of replacing fee of directors, which remuneration of auditors consider retaining the directors fee and add another subsection and remuneration of directors, both have their own separate section"* ini di dalam akta, dia di dalam akta, undang-undang ROC ini dalam bahasa Inggeris, selepas ini kita pihak kementerian *translate* semula terjemah dalam bahasa Melayu jadi senang kita bincang. Ini kita tengah baca dalam bahasa Inggeris sebab ia dalam bahasa Inggeris kena baca ibu dalam bahasa Inggeris lah. *"Anyways for directors see action 230(1)" for auditors* kita boleh tengok seksyen 274(1). *So, for consistency purpose consider adding new subsection rather than replacing the current subsection.* Ini perkara yang kita harus lihat apabila kita hendak buat pindaan. Dia *very* teknikal, selepas ini apabila kita tubuh syarikat ia akan menjadi *complicated* dan memberi kesusahan kepada peniaga-peniaga yang mendaftar sebagai syarikat, sama ada secara persendirian, *partnership* dan juga *sleeping partner* tadi.

Kita tengok lagi balik kepada seksyen 105 berbeza dengan *Company Act 1965. Company Act 2016,* memberi penjelasan dan penekanan terhadap Borang Pemindahan Saham perlu di setem sebelum sebaran pemindahan menjadi efektif, ini pandangan kita dalam pindaan ini. Semua orang tahu bahawa proses penyeteman ataupun setem ini, Borang Pindahan Saham di Malaysia memakan masa dari satu minggu hingga kedua minggu dan kadang-kadang sehingga tiga minggu. Hal ini berbeza dengan negara jiran kita yang boleh membuat *stamping* dalam masa sehari. Ini juga perlu dilihat oleh pihak kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri.

Disebabkan masa yang perlu diambil oleh LHDN untuk mengira amaun *stamp duty* pohon pihak kerajaan menimbang untuk membuat pindaan dalam *Companies Act 2016* ataupun 2016 ini dengan meletakkan bilakah di bawah undang-undang suatu pindaan itu dikira telah berlaku. Saya hendak baca bab teknikal kali ini. Contohnya pihak yang menandatangani Borang Pindahan Saham pada 1 Julai 2019, tarikh yang diletakkan di dalam borang adalah 1 Julai 2019. Katakanlah borang dihantar untuk pengiraan *stamp duty* pada hari yang sama dan notis pembayaran dikeluarkan pada 8 Julai 2019. Ini dia punya contoh, bayaran *stamp duty* dibuat pada 9 Julai 2019 dan borang pindahan saham yang telah di-*stamp* di hantar ke pejabat setiausaha syarikat untuk didaftarkan pada hari yang sama. Ini masalah yang sedang kita hadapi.

Seterusnya, perkara yang kurang jelas dengan pindaan akta ini berkenaan dengan bilakah tarikh efektif pindahan saham ini iaitu 1 Julai 2019 atau 9 Julai 2019. Ini adalah soalan lazim yang ditanya oleh *investors* secara komersialnya pihak-pihak sudah tentu inginkan 1 Julai sebagai tarikh efektif pindahan, bukannya 9 Julai kerana ia adalah *out of control of the parties* dengan izin. Adalah lebih molek sekiranya pihak kerajaan dapat menimbangkan untuk menambah seksyen tambahan ini untuk memberi penjelasan terhadap perkara ini. Itu berkenaan dengan pindaan akta-akta yang saya sebut tadi, seksyen 72(5), seksyen 84, seksyen 340 dalam Akta Ibu yang saya sebut tadi dan yang terakhir tadi seksyen 105.

Penekanan harus ditumpu oleh pihak kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri dalam seksyen-seksyen yang kita minta. Kalau tidak akan memberi satu lagi liabiliti kepada pendaftar-pendaftar syarikat untuk menjalankan perniagaan mereka untuk membangunkan ekonomi. Mereka ini juga merupakan perangsang kepada *economic cycle* dalam negara. Jadi, kerajaan mendapat perolehan daripada pendaftaran syarikat-syarikat ini. Jadi perlulah meringankan, memudahkan rakyat kita bagi menjalankan perniagaan mereka.

**■1530**

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *sleeping partner.* Bagi kita, *sleeping partner* ini satu *partner* yang kita rasa tidak patutlah kecuali kerana beliau *sleeping partner* ini ada nama besar dan ada *networking* yang besar tanpa membayar *even a single share,* dengan izin. Akan tetapi *partnership* inilah, beliau inilah yang menentukan segala perjalanan mendapat projek-projek. Ini juga harus dilihat, *sleeping partner* yang memberi satu kesan yang besar kepada perjalanan syarikat dan juga pendaftaran syarikat yang tidak memberi apa-apa, hanya nama sahaja. Perlu ada satu kaedah bagi mengawal *sleeping partner* dalam syarikat-syarikat. Di mana orang lain bekerja teruk, dia yang mendapat imbuhan yang lebih. Okey, hendak– okey. Silakan. *My brother.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan penubuhan syarikat ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak asing, pelabur-pelabur asing boleh menubuhkan syarikat 100 peratus, tidak perlu adanya penyertaan daripada orang tempatan. Ini berlaku, ia menyisihkan, menafikan peluang kepada orang-orang tempatan untuk terlibat dalam banyak urusan perniagaan. Setuju tidak kalau saya cadangkan bahawa kerajaan perlu mengadakan satu dasar baharu iaitu pelabur-pelabur asing yang ingin menubuhkan syarikat, ia mestilah juga mengambil orang-orang tempatan sebagai sebahagian daripada *shareholder* mereka? Juga mengisi jawatan-jawatan penting di peringkat pengurusan syarikat tersebut. Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak yang memberi sedikit *point* tambahan untuk kita masukkan dalam ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana masa pun sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Mengikut senarai, Yang Berhormat Rompin tetapi Yang Berhormat Rompin tidak ada di sini ya? Jadi, giliran Yang Berhormat Arau. Silakan.

**3.32 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini ialah hari gembira, marilah Dewan ini merekodkan selamat hari jadi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua? Boleh ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah masyhurkan pagi tadi.
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sudah buat dah?
**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah buat dah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Saya hendak menyanyi. Hendak suruh semua orang menyanyi.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Arau ponteng.
**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Arau baharu masuk.
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh tidak suruh semua orang menyanyi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah. Tidak payah. Tidak ada aturan mesyuarat yang membolehkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita akan rekod nanti Speaker tidak bagi. Oleh sebab semua orang siap sedia untuk menyanyi. Hadiah kepada...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Nyanyi di kantinlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Geng-geng DAP tidak setuju dengan PKR. Okey. Tidak apa. Kita akan ingat yang itu. Akan tetapi semua parti-parti bumiputera ini setuju, empat parti ya. Okey. Jadi, sekali lagi kita hendak ucapkan selamat hari jadi kepada Yang Amat Berhormat Langkawi. Semoga Allah SWT panjangkan umur dan dipermudahkan segala urusan. Terutamanya usaha beliau yang hebat ini untuk menggabungkan parti-parti bumiputera dan Melayu untuk membolehkan Malaysia bertambah kuat dan hebat dilihat di mata dunia.

Selamat hari jadi Tun Mahathir yang dikasihi. Buatlah yang terbaik tetapi janganlah suruh kami masuk parti BERSATU. Tidak. Semua bergabung di bawah satu bumbung. Dengan itu orang Cina akan masuk bersama. Orang India masuk bersama. Tidak jadi masa sekarang. Sekarang ini kita panggil politik caca marba. Kelam kabut negara Malaysia ini. Di mana kita lihat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Akta Syarikat.

*[Dewan ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Akta Syarikat. Ya.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Apa ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ini syarikat baharulah. Syarikat baharu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nombor dua. *Wan Ji* ini.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Ini syarikat politik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Wan Ji* ini dia selalu ceramah agama. Dia bukan daftar syarikat kan? Dia tidak berceramah di tempat terbuka. Tiba-tiba dia dihukum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun tak adillah, kes sedang dirayu, jadi tidak payah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tidak patut dihukum dengan begitu keras.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jelebu tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita kena ingat, penghinaan terhadap agama dibuat dengan begitu teruk tetapi kita tidak dapat pembelaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang ini mengenai tajuk ini, Tuan Yang di-Pertua. Tajuk ini. Pertama, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya baca. Tuan Yang di-Pertua, baca rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, jumpa tidak perkataan, "perompak penyamun"? Tuan Yang di-Pertua jumpa tidak? Adakah "perompak penyamun" dimasuk di dalam istilah syarikat? Kalau tidak masuk, kenapa Yang Berhormat Menteri Kewangan menuduh "perompak penyamun"? Ini perkataan ini. Ini 1MDB telah disamun oleh "perompak penyamun". Kita menggunakan satu istilah yang tidak termasuk dalam undang-undang syarikat itu sendiri. Ada kah, tidak ada? Saya hendak tanya. Kalau tidak ada, bolehkah pihak kerajaan, kerana mulut kerajaan menyebabkan pasaran saham jatuh. Hari ini Pakatan Harapan lagi dalam pasaran saham sekarang.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Arau. Boleh sedikit sahaja? Boleh. Saya hendak tanya Yang Berhormat Arau, setuju tidak, "*Bapa borek, Anak rintik*"?

Oleh kerana Menteri guna perkataan ini. Oleh kerana Menteri melanggar peraturan Dewan. Sebut isu *contempt of court,* kerana itu anak buah ikut. Yang Berhormat Arau bagi pandang sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini nampaknya menarik. Boleh dimasukkan sebahagian dalam ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan dengan Akta Syarikat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Akta Syarikat Tuan Yang di-Pertua. Ini pasal dalam syarikat tidak ada perkataan, "penyamun perompak", tiba-tiba digunakan dengan berleluasa. Selepas itu anak muridnya seperti Yang Berhormat Jelutong pun ikutlah, tidak tahu mana-mana. Peguam-peguam, tetapi tidak tahu tentang pengendalian syarikat. Saya bukan peguam tetapi saya biasa mengendalikan syarikat. Tidak ada masalah. Okey.

Keduanya ialah berhubung dengan koperasi. Yang Berhormat Kangar dengar ini, banyak koperasi-koperasi, termasuk koperasi pegawai-pegawai kerajaan di peringkat negeri, pelbagai peringkat, dikawal oleh along sekarang. Mereka bagi pinjaman. Duit daripada itu disumbang oleh siapa? Dia kena sebut syarikat mana tetapi dibagi oleh individu. Bayangkan satu koperasi. Koperasi Melayu. Koperasi Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi kita lihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pindaannya ialah Akta Syarikat. Tidak ada kena mengena dengan koperasi. Koperasi itu. Koperasi...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Koperasi akta lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, akta lain.
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak bagi contoh.
**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Yang Berhormat Arau. Keluar topik itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis. Tuan Yang di-Pertua boleh tegur selepas ini.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Salah tajuk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sebut koperasi dan syarikat-syarikat. Mereka menggunakan nama syarikat koperasi tidak boleh berniaga tetapi dia buat syarikat. Di bawah koperasi itu ada syarikat. Anak syarikat itu yang berniaga dan along masukkan duit. Duit ini duit haram. Jadi, saya hendak bagi tahu sekarang ini, bagaimana SSM mengawal, melawan *black economy*?

Sekarang ini di Malaysia, hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, orang yang baik dihukum, orang yang jahat, bebas dan merdeka. Along tidak daftar, aktiviti haram tidak daftar, yang menguasai *black economy* antara RM15 ke RM30 bilion. Tidak daftar. Mereka bebas dan merdeka. Mereka boleh masukkan untuk bersihkan duit melalui syarikat-syarikat yang saya akan namakan ini. Tuan Yang di-Pertua boleh tengok Perkara 66 iaitu berhubung dengan pengesahan dokumen. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sebab Tuan Yang di-Pertua tidak pernah berniaga, saya bagi tahu. Ini syarikat hendak diaudit, jadi syarikat ini rugi, dia masukkan saham, dia masukkan *capital,* dengan izin, dia masukkan modal dan dengan itu bila diaudit, dia untung. Padahal dia rugi.

Dengan itu kita baca syarikat ini untung. Selepas itu, duit itu dikeluarkan balik. Kita hendak minta supaya di bawah pindaan ini supaya disyaratkan duit yang dimasukkan dan diisytiharkan bahawa syarikat itu untung, duit hanya boleh dikeluarkan balik setahun selepas itu. Kalau tidak nanti, orang masuk duit, kemudian syarikat audit, audit kata untung, selepas itu dia keluarkan duit, rugi selepas itu untung lagi, tiap-tiap tahun untung, dengan itu orang terpikat, maka orang belilah syarikat-syarikat yang rugi ini yang diisytiharkan untung. Adakah ia termasuk dalam akta ini, Tuan Yang di-Pertua? Perkara 66? Jadi, penyempurnaan dokumen, tajuk Tuan Yang di-Pertua tengok. Penyempurnaan dokumen itu hendaklah dipastikan supaya jangan kita membiarkan permainan di mana orang boleh masukkan *capital* untuk menunjukkan syarikat itu rugi, selepas itu keluarkan balik dan sebagainya. Jadi, kita hendak tengok sejauh mana kerajaan dapat balik wang yang dibuat secara haram ataupun *black economy* atau aktiviti haram ini yang boleh kita sahkan. Kita kena sahkan. Saya kena pastikan supaya mereka ini berdaftar dan boleh kita dapatkan cukai.

**■1540**

Sekarang ini cukai, kita tahu bahawa kerajaan sekarang terpaksa berhutang dengan teruknya sampai RM90 bilion, ambil duit Petronas lagi, itu yang RM80 bilion, kerana kerajaan tidak dapat cukai. Dulu masa GST kita dapat RM44 bilion, sekarang tinggal RM24 bilion. Duit tidak cukup. Jadi, terpaksalah jual aset dan sebagainya. Tahun depan, terpaksa dibuat demikian rupa selagi kita tidak dapat cukai yang mencukupi untuk membuat operasi. Kita tahu bahawa bajet tahun ini terdapat peningkatan dari segi operasi. Dengan itu, kita terpaksa mencari banyak lagi duit. Duit ini sebenarnya berada dalam pasaran, tetapi oleh sebab aktiviti *black economy* dibiarkan berleluasa, maka, ini apa yang terjadi.

Jadi, kita akan dapat satu gambaran bahawa orang baik dihukum, disuruh bayar cukai, kalau tidak bayar cukai kena denda dan sebagainya, tetapi, orang yang tidak baik bebas dan merdeka di pasaran sana. Itulah *mohodoq* ucapan saya yang Tuan Yang di-Pertua kena tengok, bahawa, ia menepati tajuk yang saya telah sebutkan tadi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Arau, minta sikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bahas dengan Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Arau? Tidak ada kan? Kita teruskan ya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sebab '*dok*' tunjuk Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua dari tadi ini, ingat kita mahu bahas, saya mahu tanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Buat pernyataan umum, saya bukan "Tan Sri" saya "Datuk".

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya hendak tanya sejarah. Apabila kita hendak menubuhkan syarikat, dia ada dua benda, satu lembaga pengarah yang kedua pemegang saham. Akan tetapi, dalam akta ini dia tidak ada membezakan di antara pemegang saham dan *owner* syarikat ataupun sama ada *partnership* ataupun Sdn. Bhd.

Ini satu benda yang perlu dijelaskan di antara pemegang saham dalam syarikat dan juga dengan *partnership* ataupun tauke, ataupun tuan syarikat ini sendiri. Ini digabungkan, tidak ada satu penjelasan yang tuntas berkenaan dengan pemegang saham dan *owner* syarikat. Sekian, minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini masukkan dalam ucapan sayalah. Itu penjelasan yang tepat, tinggal 20 *second* ya. Jadi, saya memang berminat nak sebut tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua hanya benarkan 10 minit dan sebagainya. Jadi, kita terpaksa terima ini adalah sebahagian daripada ucapan saya.

Saya *address* kepada Tuan Yang di-Pertua sebab saya di antara orang yang lama di Parlimen ini. Bila kita berucap, kita kena pandang kepada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun ini yang kita kena bantai orang yang sebelah sana, tetapi kita kena pandang dekat dia. Ini peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat ya.

Jadi, saya minta supaya yang akhir sekali saya minta, *sat* lagi Tuan Yang di-Pertua akan dapat usul persendirian daripada saya. Ada dua ya. Okey, yang pertama sekali saya minta, kita kena bincang benda yang cukup serius, tetapi Tuan Yang di-Pertua bagi 10 minit. Jadi, tidak adil untuk kita bagi tegur. Nanti orang kata, tegur apa ini, tidak bagi perincian, kita kena tegur biar *details* sikit Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh buat macam itu. Saya di antara orang yang berniaga, saya rasa tidak adil untuk saya bagi teguran seperti itu nanti pasaran saham jatuh, saya silap cakap.

Akan tetapi, saya mahu beritahu rakyat Malaysia, kita apa syor positif hari ini, pasaran jatuh masih lagi Pakatan Harapan, jadi minta jadi Barisan Nasional balik, dia naik balik sikit. Dengan itu, kita dapat melepasi 1,800 dan dengan itu, ekonomi kita akan pulih semula. Kita kena terima hakikat bahawa ekonomi kita juga berdasarkan prestasi pasaran saham, kerana duit luar yang masuk itu akan membolehkan pasaran kita melambung. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh selepas ini Tuan Yang di-Pertua. Saya minta

kalau boleh sambungkan perbahasan kita, untuk membolehkan jangan bagi lima minit, sepuluh minit. Ini bukan cerita main budak-budak. Ini Ahli Parlimen di Dewan yang mulia, walaupun sesetengah tidak berapa mulia.

Akan tetapi, Ahli Parlimen yang mulia. Jadi, kita minta bagi peluang, tidak ada mana-mana ucapan yang kurang daripada 15 minit. Bercakap umum selama lima minit, 10 minit kita bagi perincian. Itu baru yang betul Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu beritahu, minta tolong supaya kami jangan dilihat sebagai orang... *[Tidak jelas]* gelojoh. Islam itu ialah agama yang tenang, gelojoh itu ialah perbuatan syaitan. Terima kasih.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Bagi satu jam pun, tidak tepat dengan tajuk susah juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepuluh minit mencukupi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini pekak askar, dia tidak tengok dia tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, silakan, silakan. Selepas ini saya menjemput Yang Berhormat Lipis. Selepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Ipoh Timur dan Yang Berhormat Alor Setar.

**3.44 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya pun teragak-agak Tuan Yang di-Pertua, saya pun mahu sebut "Tan Sri" juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan, jangan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Akan tetapi, saya ingat, tidak lama lah agaknya. Tidak lama.

**Seorang Ahli:** Sokong ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sokong. Kita di sini menyokong. Akan datang ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan dengan perbahasan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kerana mengizinkan saya turut serta perbahasan Rang Undang-undang Akta Syarikat 2016, pindaan 2019, Akta 777. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu bahawa saya sepanjang menjadi wakil rakyat, saya tidak berniaga. Akan tetapi, walau bagaimanapun kita juga turut serta bersama dengan perbincangan dengan orang-orang berniaga. Maka, apabila saya melihat rang undang-undang ini, terpanggil saya untuk bercakap. Sebenarnya saya tidak berniat untuk bercakap, tetapi bila Tuan Yang di-Pertua tanya saya mahu bercakap atau tidak, saya pun cakap, saya pun mahu bercakaplah juga.

Oleh sebab, saya terpanggil daripada akta ini. Ekoran daripada kalau kita melihat kalau dahulu kita pernah bentangkan *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA), kita pernah bentangkan. Akan tetapi, akhirnya bila Donald Trump sebagai presiden Amerika telah menang, dia telah menolak TPPA ini. Kita telah membuat semula *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Kita telah laksanakan pula yang ini. Akan tetapi, bagaimanakah perkembangan ini dengan kalau kita hendak gabungkan dengan seksyen yang kita gubal kan pada hari ini? Oleh sebab kita melibatkan bahawa para peniaga mungkin *investor-investor* daripada luar, dengan izin, maka ini juga perlu kita lihat. Sebagai mana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, mungkin boleh banyak berlaku penipuan kalau kita tidak kemaskan akta-akta yang kita ada ini.

Akan tetapi, walau bagaimanapun saya melihat dari segi akta ini, saya baca dan ia mungkin agak sedikit kemas, tetapi ada beberapa perkara yang masih perlu kita pinda. Oleh sebab ini menyebabkan juga orang luar. Semalam kita berbahas Akta Perikanan 1985. Dalam akta perikanan sendiri pun kita boleh melihat kelompangan yang boleh kita

pertikaikan. Dari segi orang asing yang boleh menggunakan nama-nama orang negara kita ini ataupun lebih dikenali sebagai Alibaba dalam banyak bidang perniagaan yang boleh kita kaitkan, khususnya dalam bidang *construction* itu sendiri, dalam bidang pembinaan yang boleh banyak kelompangan kosong.

Kalau kita melihat seksyen 580A baharu, akta itu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 580 seksyen yang berikut, jaminan untuk kos. Seksyen 580A(1), jika satu zakat itu plaintif ataupun pendakwa dalam apa-apa tindakan prosiding dia yang mendakwa, akhirnya kalau dalam seksyen ini tidak dipinda atau ditarik balik, orang yang mendakwa ini pula kena dengan kos. Ini salah satu yang kita perlu tengok. Kalau tidak dikeluarkan pun, mesti kita tengok dengan pindaan. Tengok dalam seksyen 580A yang baharu ini. Ini lebih memberikan kesan kepada orang yang mendakwa. Akhirnya, orang yang mendakwa dikenakan pula dengan kos dan orang yang didakwa tiada apa-apa.

Maka ini akan memberikan kesan kalau kita mengubah ini. Kita banyak tahu dalam kes-kes– Tuan Yang di-Pertua pun sendiri pernah berkhidmat sebagai pengamal undang-undang yang menjatuhkan hukuman kepada mereka. Akan tetapi, kalau kita melihat seksyen ini, sudah pastilah kalau pendakwa ini kalah, dia menanggung kos itu. Ini sudah pasti tidak baik untuk pindaan syarikat ini. Akan tetapi, saya tidak tahu juga sebab itu saya bukan sebagai pengamal undang-undang. Kalau ini dijadikan ia sebagai salah satu dimasukkan di dalam rang undang-undang kita, akan boleh membebankan kepada mereka ini.

Jadi, untuk melihat perkara ini, kalau kita saksikan bahawa jaminan kos untuk seksyen ini ia boleh melibatkan seperti kontraktor umpamanya. Kalau kontraktor itu umpamanya kalau dia Kelas ‘B’, ataupun sekarang dipanggil G6 dan kontraktor ‘A’ dipanggil G7, sudah pastilah ada ketikanya G7 ini akan mengambil kerja daripada G6.

**■1550**

Kalau ia berlaku penipuan di situ, dengan membawa pendakwaan, maka dia gunakan seksyen ini- kalau sudah pasti juga sebenarnya G7 mesti lebih kuat daripada G6. Maka kalau kalah G6, maka G6 terpaksa menanggung, G7 pula yang lepas. Sedangkan ia yang banyak melakukan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau melihat perkara ini, banyak di negara kita ini menggunakan nama-nama orang di negara kita ini. Sebagai contoh, saya katakan Akta Perikanan semalam. Sudah pasti kalau mereka hendak membuat perniagaan di laut yang luas, laut yang lebih besar, laut lebih dalam, kita kebanyakan orang di negara ini tidak cukup dengan *expertise*nya, dengan kemahirannya. Tidak cukup dengan kekuatan modalnya. Maka ia akan menggunakan nama orang lain.

Akan tetapi akhirnya kerajaan juga yang mengalami kerugian. Kalau kita tidak perkuatkan Akta Syarikat ini. Akta Syarikat ini perlu diperkukuhkan. Banyak permainan-permainan yang dilakukan untuk memastikan bahawa mereka boleh menipu. Sebagai contoh, sebagai *auditor* sahaja. *Auditor* syarikat, dia mengikut arahan. Dia boleh kata buat kerugian. Boleh buat keuntungan. Ini bagi syarikat asing umpamanya. Apabila ia mengatakan syarikat ini rugi, ia sudah cabut keluar negara. Apa yang negara kita dapat? Tidak dapat apa-apa. Jawapannya mereka bawa kekayaan...

**Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Lipis, boleh sekejap Yang Berhormat Lipis?

**Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Silakan.

**Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang Yang Berhormat Lipis sebut tadi adalah perkara yang sebenar berlaku. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis setuju tidak selepas ini apabila RUU ini di lulus dan diterima kita perkuatkan Akta Syarikat. Kemudian setuju tidak, kalau kita isytihar minta pihak kerajaan, pihak kementerian untuk buat satu pendekatan, *enforcement* secara serta-merta.

Maknanya syarikat yang menggunakan *sleeping partner*, syarikat yang menggunakan alibaba, syarikat yang menggunakan menghalalkan cara perniagaan untuk

*black money* aktiviti, terus diharamkan dan diambil tindakan kepada semua pengarah. Buat pengisytiharan serta-merta. Saya minta Yang Berhormat Lipis setuju atau tidak.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam ucapan saya seterusnya yang disampaikan oleh saudara Yang Berhormat Jelebu itulah niat saya hendak sampaikan... *[Disampuk]* Tidak ada! Saya tidak ada teks hari ini.

Ini yang sebenarnya saya hendak sampaikan. Bila rang undang-undang ini kita buat, mestilah kita buat sesungguhnya. Sesungguhnya negara kita ini ramai pelabur, sama ada pelabur itu benar-benar pelabur. Sama ada pelabur itu adalah pelabur yang tidak *genuine* yang menggunakan nama-nama orang-orang tertentu di dalam negara kita ini. Maka, kita juga sebenarnya akan mengalami kerugian bila dia bawa keluar hasil-hasil negara kita ini.

Umpamanya kalau dia buat benar pun, mungkin *declaration*. *Declaration* kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. *Declaration* oleh pendaftar-pendaftar syarikat. *Auditor-auditor* yang saya katakan sebentar tadi. Dokumen-dokumen, GM-GM ini sebenarnya boleh dipalsukan sahaja.

Kita bagaimana hendak operasi yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Jelebu. Persoalan tadi macam mana kita hendak operasi bahawa syarikat ini benar-benar melaksanakan tugas mereka untuk memastikan hasil negara kita ini. Hasil negara yang boleh menambah baik dalam keadaan suasana ekonomi kita yang cukup merudum pada hari ini, bagaimana kita hendak meletakkan satu akta yang boleh kita perkukuhkan bahawa kita juga boleh menambah baik daripada segi ekonomi di negara kita dengan membayar cukai-cukai pendapatan yang saya katakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi soal alibaba. Kita tengok sekarang ini. Kita tengok dalam bidang pembinaan sahaja. Ramai yang bukan *genuine*...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, sebelum beredar ke topik lain.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada mengatakan mengenai tindakan-tindakan dan macam-macam lagi lah Yang Berhormat nyatakan. Dalam akta ini kita tengok dia nya adalah untuk memudahkan daripada segi pelbagai perkara. Terutamanya untuk *enterprise*. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat.

Adakah ini semua termasuk contohnya jualan harta syarikat tersebut yang boleh dijual dan tidak memerlukan kelulusan daripada ahli-ahli ataupun apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Jadi, kalau terlampau mudah pun, kita tidak akan ada dari segi *how do I say*? Maknanya kena ada kawalan yang sesuailah dalam kita hendak menjual segala termasuk harta-harta daripada syarikat yang diperuntukkan di bawah pindaan rang undang-undang ini. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit untuk menggulung. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya hendak ulas dia sedikit. Kemudian saya hendak menggulung sedikit. Sebab saya tengok pun tidak ramai. Macam tidak ramai yang hendak berbahas gayanya. Maknanya yang sebelah kerajaan ini macam menyokong sahaja semua rang undang-undang ini. Saya boleh tengok. Kalau tidak, tidak akan lepas dapat ke saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum tahu lagi. Kena dengar Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jadi saya hendak mengulas Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong ini, cara dia bertanya memang *confirm* dia bukan berniaga. Sebab dia pun hendak tanya tadi pun dia tidak tahu apa dia hendak tanya sebenarnya... *[Dewan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kawan kah, lawan?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jadi saya beri pendapat bahawa kalau hendak menjual syarikat itu kepada orang yang sebenar-benarnya, tidak jadi masalah. Kalau ada untung, jual sahaja lah. Saya pun ingat hendak berniaga itu, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau boleh buat syarikat, ada sedikit orang hendak beli mahal pula. Saya jual sahaja. Itu lah maksud Yang Berhormat Parit Sulong itu. Jadi, tidak ada masalah.

Saya hendak mengulas sedikit penggulungan saya tadi tentang alibaba. Saya minta supaya pihak kerajaan meletakkan satu akta rang undang-undang bahawa, kita walaupun ada dalam CIDB, ada di dalam PPKK, akta-akta tidak boleh mengalibabakan sebarang kerja. Akan tetapi sebenarnya, hakikatnya semua alibaba. Saya tidak tahu siapalah yang akan mengambil subkerja itu ataupun *subcon* itu. Akan tetapi hakikatnya alibaba.

Cari yang *genuine* betul. Kalau hendak meningkatkan ekonomi orang Melayu, cari yang betul-betul *genuine* buat kerja. Bila *genuine* buat kerja ini, maka selain daripada hasil boleh dimanfaatkan pada kerajaan, kita dapat menaikkan taraf kegiatan mereka itu. Maka taraf ekonomi bumiputera itu juga akan turut naik.

Kita sudah tengok sebenarnya angka-angka taraf ekonomi negara antara bumiputera dan masyarakat lain. Saya tidak mengata, ya. Saya kata kita hendak bersaing secara sihat sebenarnya. Dan hendak bersaing secara sihat, akta itu juga penting. Akta alibaba itu mesti kita tingkatkan. Menteri boleh melihat perkara ini. Walaupun tidak ada dalam rang undang-undang hari ini. Akan tetapi boleh melihat dari segi akta itu, perkemaskan CIDB. Akan tetapi kemas itu jangan tidak menentu fasal pula sebenarnya.

Kadang-kadang ada kontraktor yang tidak dapat sampai 10 tahun kerja. Hendak *renew* CIDB itu macam mana. Hendak *renew* PKK itu macam mana. Sedangkan dia hendak ada kita punya rekod kerja. *Track record* itu, kalau tidak ada, macam mana kita hendak *renew*.

Jadi, saya ingat itulah sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya turut serta berbahas. *Insya-Allah* kita berjumpa esok, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh. Silakan.

**3.58 ptg.**

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan salam sejahtera. Pertamanya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit ruang kepada saya untuk membahaskan RUU Akta Syarikat 2016 dan saya rasa sangat terpanggil kerana saya adalah salah seorang daripada *businessman,* yang barangkali tidak sama dengan Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Parit Sulong. Dua-dua ini cari untung, dia tidak berniaga... *[Ketawa]* Tidak dengar dia.

Tuan Yang di-Pertua, satu saranan daripada saya bukan sahaja kepada rang undang-undang ini. Akan tetapi rang undang-undang lain. Alangkah baiknya bagi pihak kerajaan sebelum daripada membawa mana-mana RUU ataupun akta ke dalam Dewan ini sekiranya dijemput wakil-wakil daripada pegawai-pegawai kerajaan yang mencadangkan pindaan ini di samping menjemput wakil daripada parti-parti yang sudah tentunya mempunyai nada yang berbeza.

**■1600**

Ini kerana kalau rang undang-undang ini digubal oleh pihak kerajaan bersama dengan kakitangan kerajaan yang hanya satu nada, maka tentunya dia akan membawa kepada sedikit ketidakadilan yang berlaku di antara rakyat dengan kerajaan ataupun daripada para usahawan, peniaga-peniaga berbanding dengan pihak kerajaan.

Sebagai contoh, undang-undang yang dirangka sama ada yang berkait rapat dengan Akta Syarikat, kalau tindakan-tindakan ataupun kesalahan yang dilakukan oleh syarikat, maka kerajaan dengan pantas akan mengambil satu tindakan yang tegas, mesti didenda dan rakyat mesti membayar. Akan tetapi kalau kesalahan itu berlaku di pihak kerajaan, dia akan membawa kepada suatu yang sangat menzalimi rakyat.

Sebagai contoh, kalau saya sebut, Akta GST sebelum daripada ini. Rakyat yang buat salah dibawa kepada mahkamah lalu dijatuhkan denda dan hukuman. Akan tetapi apabila pihak kerajaan, sebagai contoh, dia menangguhkan bayaran *refund* kepada GST sampai hari ini dia tangguh. PH dia tidak boleh senyum, tidak boleh suka. Perangai dia sama sahaja. Kalau dulu tidak dibayar, sekarang pun tidak dibayar. Dan tidak dibayar ini adalah berkait rapat dengan peraturan-peraturan, rang undang-undang ataupun akta yang menyentuh perkara yang seumpama ini.

Banyak lagi contoh-contoh yang lain yang saya kira perlu ada *check and balance* ataupun suatu yang lebih adil di antara kerajaan dengan rakyat. Sama sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan di dalam perbahasan tadi, bagaimana pihak pengguna ataupun rakyat ini apabila mendaftar dengan syarikat, dia dipantau oleh kerajaan. Akan tetapi kerajaan, dia tidak dipantau. Ini adalah suatu perkara yang sangat berbeza dengan sistem perundangan yang ada di dalam agama Islam.

Saya kira kita dalam aspek ini, semua agama dia boleh mengambil contoh daripada Islam. Pada zaman Saidina Umar al-Khattab r.a. apabila dikenakan cukai, dikenakan satu sistem yang dinamakan zakat kepada umat Islam, dinamakan jizyah kepada masyarakat bukan Islam, pokoknya ialah ini adalah sistem percukaian kepada mana-mana pihak yang berurus niaga di dalam sebuah negara Islam, di mana bila berlakunya *ayyamul maja'ah*, saya kira Yang Berhormat Hulu Langat dia mahir dalam perkara ini dan saya harap dia boleh menegur pihak kerajaan supaya mematuhi dan mengambil contoh daripada sistem syarikat yang ada di dalam Islam. Apabila berlaku kecacatan dalam negara, *ayyamul maja'ah*, Saidina Umar al-Khattab dengan pantas mengembalikan semula bayaran percukaian yang diambil daripada pihak rakyat. Ini adalah suatu yang terbaik yang menjadi model kepada semua.

Seterusnya yang saya hendak sebut iaitu syarikat-syarikat yang menyalahgunakan kuasa yang berleluasa di dalam negara kita. Kita masih belum ada lagi satu akta yang betul-betul tegas. Kadang-kadang kita lihat syarikat didaftarkan di bawah urusan perniagaan tertentu tetapi akhir sekali operasi yang dibuat membabitkan pelacuran, membabitkan judi, membabitkan ceti dan banyak lagi benda lain.

Sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan tadi, pihak berkuasa apabila mengambil tindakan, okey, dia tutup, tetapi kemudian dia diberi peluang untuk buka syarikat lain. Buka syarikat lain, operasi dia sama. Benda ini berulang bertahun-tahun berulang. Jadi, semua ini perlu kepada satu akta yang lebih keras, lebih tegas kerana kita hendak dalam negara kita ini apa jua urusan pengembangan ekonomi supaya dia berlaku dengan baik, dan dalam waktu yang sama, supaya dia menjadi model kepada negara-negara yang lain.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh warganegara, lalu syarikat ini operasinya berlaku kepada rakyat asing. Kalau syarikat-syarikat yang agak besar ataupun sederhana, saya kira syarikat ini dia boleh bersaing dengan orang asing. Akan tetapi yang berlakunya, saya sebut sebagai contoh, syarikat-syarikat penjualan telefon dan seumpamanya dibuka tetapi syarikat ini di belakang dia adalah warga asing. Mereka ini kalau kita lalu di Kuala Lumpur ini, kalau kita pergi, saya tidak hendak sebut secara spesifik— kita rasa macam seolah-olah bukan negara kita. Bukan negara kita.

Mereka ini dia sanggup bersaing dengan apa sahaja. Kalau baiki telefon, sebagai contoh, kalau warganegara, dia terpaksa kena ambil upah RM50, sebagai contoh, kerana dia hendak makan nasi, dia hendak makan sayur, dia hendak makan lauk, dia hendak makan apa-apa, dia ada rumah sewa, dia ada anak dan dia ada macam-macam. Warga asing, dia boleh ambil upah ini kadang-kadang RM5. Sebab apa? Makanan dia nasi dengan kuah sahaja. Ini yang menyebabkan kita lihat generasi muda dalam negara kita, mereka jadi penganggur. Mengapa benda ini jadi begitu?

Apa yang saya hendak bangkitkan ialah isu yang menyentuh rang undang-undang yang tidak kemas. Sebab itu daripada awal ucapan tadi saya mengatakan bahawa alangkah baiknya rang undang-undang ini sebelum daripada dibawa ke dalam Parlimen yang mulia ini, benda ini dibahaskan antara kerajaan dengan pegawai. Kemudian, dipanggil wakil daripada parti-parti yang ada dalam negara kita kerana rang undang-undang ini bukan memberi keuntungan kepada parti politik. Rang undang-undang ini kita hendak supaya rakyat kita terjamin dan perniagaan yang berlaku dalam negara kita ini berlaku dalam situasi yang sihat yang tidak ada pihak tertentu yang mengambil kesempatan-kesempatan yang menyebabkan sekali gus ekonomi dalam negara kita ini menjunam turun.

Terakhir saya hendak sebut iaitu alangkah baik kalau rang undang-undang ini kita wujudkan satu klausa yang memberi dorongan ataupun inisiatif kepada orang-orang yang mereka ini mempunyai kemampuan yang ke hadapan dalam urus niaga ataupun dalam *business*. Sebagai contoh, pegawai-pegawai kanan kerajaan, kakitangan kerajaan yang duduk di jabatan kerajaan yang mengendalikan urusan ekonomi negara, mereka mempunyai kepakaran.

Sebagai contoh, mereka pencen. Alangkah baiknya kalau ada bentuk rang undang-undang, sebagaimana beberapa negara yang ada dalam dunia, diberi satu inisiatif daripada kerajaan kerana mereka ini kalau diberi peluang, mereka boleh pacu ekonomi yang ada dalam negara kita ini jauh lebih ke hadapan. Jadi, benda ini tidak ada di dalam rang undang-undang. Kalau ada, alangkah baik dia untuk negara dan baik untuk perkembangan masa hadapan ekonomi di dalam negara kita.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)* ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Rumusan kepada ucapan yang saya hendak buat, minta perhatian kepada pihak kerajaan, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya meneliti dengan lebih terperinci dan mudah-mudahan rang undang-undang ini dibaiki dan ianya akan memberi manfaat kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur. Selepas itu Yang Berhormat Alor Setar menutup tirai.

**4.09 ptg.**

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya satu *point* sahaja yang saya ingin utarakan dalam perbahasan saya pada hari ini iaitu berkenaan fasal 14 meminda Akta Syarikat 2016 yang menyentuh berkenaan dengan jaminan kos.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya tahu bahawa konsep jaminan kos ini adalah untuk memastikan bahawa seseorang yang telah pun dibawa tindakan ataupun seseorang defendan ataupun plaintif yang berjaya di dalam *satu counter-claim,* dengan izin, sekiranya mereka berjaya, boleh mendapatkan satu jaminan daripada kos untuk menampung kos guaman dan segala kos yang terlibat dalam membawa kes tersebut.

**■1610**

Sekiranya kita membaca berkenaan dengan seksyen 14, akta pindaan ini yang untuk memasukkan satu seksyen baharu, seksyen 580A, ia menyatakan bahawa sekiranya suatu syarikat adalah plaintif dalam prosiding dan didapati bahawa keterangan yang boleh dipercayai bahawa ada sebab untuk dipercayai syarikat itu tidak dapat membayar kos, maka, mahkamah boleh memerintahkan plaintif untuk memberikan jaminan kos yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya ingin bangkitkan. Nombor satu adalah, sememangnya di bawah aturan mahkamah yang sedia ada sekarang, kita mempunyai satu sistem yang amat lengkap, satu peruntukan yang amat lengkap untuk memastikan bahawa tidak ada sesiapa pun yang akan membawa kes secara sewenang-wenangnya untuk menyalahgunakan proses mahkamah untuk tujuannya sendiri. Aturan 23, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 telah menyatakan dengan amat jelas, isu berkenaan dengan jaminan kos tindakan. Sekiranya plaintif biasanya bermastautin di luar bidang kuasa, sekiranya plaintif adalah tidak berupaya membayar kos dan sekiranya alamat plaintif tidak dinyatakan dalam *writ* dan sebagainya.

Bagi saya, kesemua peruntukan ini adalah amat ketat dan amat konklusif untuk menangani isu sama ada proses mahkamah akan disalahgunakan atau tidak ataupun kes-kes ataupun tindakan-tindakan adalah dibawa dengan sewenang-wenangnya oleh sesuatu pihak.  Sekiranya kita meneliti seksyen 580A baharu yang dicadangkan untuk dimasukkan, ia nampaknya telah memberikan satu ruang kepada pihak defendan untuk membuat permohonan kepada mahkamah untuk satu jaminan kos yang mana sekiranya beliau dapat membuktikan bahawa plaintif mungkin tidak dapat membayar kos.

Kita mungkin menghadapi satu situasi yang mana, pihak defendan yang terhutang dengan pihak plaintif sejumlah wang yang besar, yang mana pada akhirnya plaintif sudah tidak ada pilihan yang lain selain daripada untuk mengambil tindakan undang-undang. Sekiranya plaintif pada ketika itu tersekat dengan satu situasi kewangan yang tidak begitu baik, mungkin mahkamah akan membuat satu perintah supaya jaminan kos dibenarkan dan sekiranya plaintif tidak mampu untuk mengeluarkan wang tersebut,  maka, kes tersebut akan gagal dengan sedemikian sahaja.  Maka, bagi saya adalah jelas yang mana *the qualifying requirement* dengan izin, di bawah Aturan 23, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 adalah amat konklusif.

Menurut keputusan-keputusan mahkamah, sememangnya di bawah aturan ini, mahkamah turut akan mempertimbangkan isu-isu sama ada tuntutan plaintif adalah *bona fide* ataupun sama ada defendan telah pun mengakui tuntutan ataupun defendan telah ataupun ketidakmampuan daripada plaintif adalah di akibatkan oleh defendan sendiri.  Akan tetapi, apabila saya membaca seksyen 580A yang baharu ini, sememangnya unsur-unsur ini tidak dimasukkan dan ini membawa satu kebimbangan kepada saya sama ada ia akan menjadi satu batasan kepada sesuatu plaintif untuk membawa satu kes, satu tuntutan yang *bona fide*.

Dengan itu, saya memohon supaya pihak kerajaan boleh memperjelaskan berkenaan dengan rasional untuk memasukkan Seksyen 580A ini dengan adanya satu peruntukan yang begitu jelas sekiranya kita membaca Aturan 23 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.  *So*, dengan itu saya mengakhiri perbahasan saya.  Sekian daripada saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.  Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Alor Setar.

**4.15 ptg.**

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.  Terima kasih kepada rakan-rakan yang sudah sentuh berapa banyak isu yang barangkali saya hendak sentuh juga.  Akan tetapi, saya cuma rumuskan dalam beberapa perkara.  Pertama sekali dalam pindaan ini, khususnya untuk yang pertama untuk seksyen yang perubahan dengan takrif subsidiari seksyen 4 ini.  Saya anggap ini satu perubahan yang pindaan yang baik kerana perubahan modal *share* dikeluarkan, tukar kepada jumlah seluruh *share* adalah lebih tepat untuk kita definisikan sejauh mana pegangan satu syarikat atas syarikat subsidiari ini.  Cuma saya ingin tambah sedikit bahawa, ini hanya untuk menunjukkan sejauh mana seseorang atau satu syarikat untuk memegang syarikat subsidiari.

Akan tetapi, apa yang kita perlu lebih progresif adalah sejauh mana tanggungjawab syarikat ataupun seseorang pengarah ke atas syarikat subsidiari tersebut.  Di sini ada dua isu yang saya ingin bangkitkan.  Pertama adalah, berkenaan dengan tanggungjawab yang barangkali kita perlu wujudkan satu *database* senarai hitam.  Contohnya, selalunya kita ada projek-projek khususnya projek kerajaan yang diberi kepada syarikat-syarikat.  Apabila kita mendapati ada masalah dari segi pelaksanaan, kita terpaksa senarai hitamkan syarikat itu. Akan tetapi, bila kita lantik syarikat baharu, barangkali adalah orang yang sama.

Ini kerana, dari segi semakan kita ada satu produser untuk semak sama ada pemegang ataupun Ahli Lembaga dari syarikat tersebut adalah orang yang sama.  Maka, dia akan ulang setiap kali apabila ada masalah syarikat itu.  Maka, apabila kita boleh tetapkan takrif subsidiari ini, maka eloklah kita wujudkan satu *database* yang secara *update* untuk kita buat semakan sekiranya ada sesiapa yang minta untuk buat semakan latar belakang syarikat tersebut supaya dapat maklumat yang terkini kepada syarikat kalau syarikat tersebut adalah *deficient*.  Kedua, saya rasa ada sedikit perbezaan antara syarikat oleh *private sector* dan syarikat di bawah kerajaan.

Walaupun subsidiari ini dia juga diguna pakai di bawah syarikat dipegang oleh kerajaan.  Oleh sebab itu tanggungjawab juga, kalau apa berlaku syarikat subsidiari itu pun,

syarikat yang pegang saham itu pun memang tanggungjawab. Akan tetapi, saya dapati satu contoh isu yang saya dulu pengalaman saya di Perlis adalah, syarikat bawah kerajaan sendiri, hotel yang dipegang oleh syarikat yang dipegang oleh kerajaan negeri, gagal bayar GST dalam setahun. Maka, kena denda puluhan ribu. Akan tetapi, akhirnya bayaran tersebut memang ikut tanggungjawab Ahli Lembaga yang bayar. Memang ikut tanggungjawab syarikat yang kena bayar.

Akan tetapi, akhirnya duit tersebut adalah duit kerajaan kerana itu syarikat kerajaan. Maka, saya cadangkan mungkin pihak SSM boleh ada takrifan yang berbeza dari segi tanggungjawab sekiranya syarikat tersebut dipegang oleh kerajaan kerana tanah tersebut bukan tanah daripada individu ataupun *private sector*. Maka, tanggungjawab dia ada lebih daripada syarikat biasa.

Kedua, saya ingin dapat sedikit penjelasan dari pihak kementerian di mana pindaan seksyen fasal 10, seksyen 340 itu adalah gantian fi pengarah kepada saraan juruaudit. Setakat fahaman saya, juruaudit berbeza dari segi peranan dengan pengarah. Satu *director*, satu adalah *auditor*. Maka, bagaimana kita setakat gantikan perkataan fi pengarah kepada saraan juruaudit. Adakah ini bermakna selepas ini, mesyuarat agung tahunan ini tidak perlu kita menetapkan lagi *director fees*? Ataupun lebih sewajarnya kalau kita hanya boleh tambahan bahawa mesyuarat agung menetapkan fi pengarah dan saraan juruaudit, memandangkan ini adalah dua entiti yang berbeza.

Ketiga, tentang fasal 12 iaitu seksyen 409. Saya rasa ini adalah satu pindaan yang wajar, di mana dia memudahkan mahkamah untuk tolak segala permohonan terhadap perintah pengurusan kehakiman. Cuma, saya minta mungkin di sini perlu kita teliti bahawa ini juga tidak harus diberi peluang yang terlalu mudah untuk penolakan tersebut. Ini kerana, ada kalangan, ada kadangkala permohonan perintah tersebut dalam keadaan yang tidak ada perintah yang dibuat oleh seksyen (b) ini, pembuatan perintah itu ditentang oleh seorang pemiutang pencagar.

Maksudnya, ada kadangkala syarikat itu sudah ada lantikan penerima *receiver*, tetapi belum ada ataupun tidak ada sesiapa pemiutang pencagar yang menentang daripada permohonan tersebut. Akan tetapi, masih ada pemiutang lain yang barangkali dia rasa wajar untuk dia mohon proses perintah tersebut kerana mungkin ada kepentingan atas syarikat yang kononnya akan dijadikan penerima baru itu. Maka, ini kita perlu ambil kira supaya tidak terlalu senang untuk diberi penolakan permohonan tersebut...

**■1620**

Keempat iaitu apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Ipoh Timur lagi tadi termasuk kawan saya Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya rasa dalam fasal 14 iaitu seksyen 580A ini, dia mengetengahkan satu jaminan kos terhadap kes mahkamah ini agak berat kepada syarikat-syarikat yang kecil dan juga berkemampuan yang rendah. Saya faham apa yang sudah dibentangkan oleh ketiga-tiga Ahli Parlimen dan saya setuju bahawa ini kita perlu hati-hati.

Saya rasa kalaulah katakan hasrat pihak kementerian adalah ingin mengurangkan kebarangkalian bahawa syarikat cuba hendak guna kesempatan untuk mempermainkan atau memperbanyakkan kes mahkamah, saya cadang mungkin kita boleh letak satu *threshold* di mana syarikat yang *paid-up capital* contohnya, satu kah lima juta ke atas, barulah dia subjek *to* seksyen yang baru ini supaya kita tidak mengurangkan kemampuan syarikat-syarikat kecil yang barangkali mereka ini terpaksa ambil kontrak ataupun *business* daripada syarikat yang besar dan terpaksa mereka kena tekanan daripada syarikat besar yang barangkali ada kekuatan dari segi *financial* lebih kuat daripada syarikat-syarikat yang kecil.

Maka akhirnya, saya ingin bertanya secara keseluruhan bahawa tadi ramai Ahli Parlimen sudah sentuh bahawa banyak ekonomi perniagaan yang dapat dan tidak daftar. Saya faham sebenarnya kalau mereka ini tidak daftar maka tidak di bawah SSM untuk selenggara ataupun untuk semak sebab mereka ini tidak daftar. Akan tetapi, isu di sini saya rasa lebih kepada kerjasama antara kementerian bersama dengan Kementerian Kewangan, kerana apa? Kita kena kaji sebab apa mereka tidak daftar.

Sebelum ini wujud satu iaitu skim. Skim satu pelajar satu pendaftaran perniagaan iaitu untuk pelajar-pelajar mahasiswa, kita bagi percuma untuk mendaftar SSM. Ramai yang daftar dan ada geran 10 juta untuk syarikat-syarikat ini. Akan tetapi, pada waktu yang sama kita pernah nampak sekali ada berlaku isu bahawa ramai mereka ini yang sudah daftar SSM ini tidak dapat terima BR1M hanya kerana mereka sudah daftar SSM.

Di sini isu wujudnya adalah orang yang hendak berniaga ini tidak mahu daftar. Orang yang tidak berapa hendak berniaga ini mereka daftar. Maka, kita kena cantumkan ini sekali, orang yang betul berniaga dia harus daftar. Maka, apa yang diperlukan adalah pihak kementerian perlu bincang untuk mempermudah kan atau memberi inisiatif sesuatu kepada mereka yang sanggup untuk mendaftar perniagaan. Bayangkan kalau seorang itu dia jual beli antara dia sendiri ini lebih senang daripada daftar syarikat, siapa hendak daftar? Tiada sesiapa sanggup hendak daftar. Ini kerana kalau daftar dalam syarikat kita bagi ini cukai *income tax* pun kita kena bagi dalam 'borang B'. Macam-macam dokumen kita kena hantar, kena isi.

Maka, untuk memudahkan ini supaya ada inisiatif untuk mereka yang hendak berniaga ini adalah hasrat untuk mereka daftar supaya dapat dibawa selidik ataupun kajian daripada SSM. Maka, saya minta kementerian boleh bincang dengan LHDN, contohnya Kementerian Kewangan ataupun Lembaga Hasil untuk mempermudah kan contohnya apabila untuk bayaran *tax* cukai perniagaan ini dipermudahkan, memperbanyakkan jenis-jenis *relief* daripada *tax* supaya mereka ini daftarkan perniagaan lebih senang daripada bayaran *tax* untuk *personal* individu, maka akan wujudlah ramai mereka yang berniaga dan secara individu ini ada inisiatif untuk daftar syarikat. Maka, lebih senang untuk selenggara oleh SSM pada waktu masa akan datang. Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Setakat ini sejumlah 14 orang Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Syarikat 2016. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab masa 30 minit.

**4.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada ramai Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Akta Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2019. Saya ingin mulakan penggulungan saya dengan menjelaskan sekali lagi tentang tujuan kementerian membentangkan rang undang-undang ini. Pindaan ini yang dicadangkan dan rang undang-undang ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa peruntukan di dalam Akta Syarikat 2016 yang tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan teratur.

Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini tidak mengubah atau menjejaskan polisi asal yang telah dipersetujui oleh Parlimen ketika Akta Syarikat 2016 diluluskan. Sebaliknya rang undang-undang ini bertujuan untuk menjelaskan peruntukan-peruntukan yang dikenal pasti bagi membolehkan polisi yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat dan pengarah. Secara amnya, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk menambah baik dan menjelaskan prosedur dalaman sesuatu syarikat ke arah tadbir urus yang lebih teratur dan efektif. Di samping itu, pindaan terhadap seksyen 433 juga bertujuan memberikan prosedur lebih jelas berhubung pembaharuan lesen penyelesai. Itu adalah secara umumnya tujuan kami membentangkan rang undang-undang pindaan ini dan ia memang selaras dengan apa polisi kerajaan supaya untuk memudahkan *business.*

Ada juga ramai Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan menimbulkan satu kerisauan tentang sekiranya kita memudahkan prosedur penubuhan syarikat atau memudahkan ekosistem peniagaan, ada sesetengah pihak yang akan mengambil kesempatan untuk menjalankan kegiatan jenayah dan penipuan terhadap orang ramai. Ya, betul kesalahan tetapi saya hendak menjelaskan bahawa kerangka Akta Syarikat adalah untuk *regulate* takbir urus syarikat.

Manakala untuk menangani kegiatan-kegiatan jenayah atau penipuan itu adalah di bawah kerangka undang-undang yang berlainan. Kesalahan yang disebutkan dan

diperuntukkan di bawah Akta Syarikat adalah tentang *administration* di bawah Akta Syarikat itu iaitu tadbir urus dalaman syarikat lebih tertumpu kepada perkara tersebut.

Kesalahan penipuan ditadbirkan di bawah pelbagai badan penguatkuasaan dan di bawah pelbagai perundangan yang berbeza. Sebagai contoh di bawah KPDNHEP ada Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 bagi aktiviti Skim Piramid dan Jualan Langsung di bawah Bank Negara Malaysia iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di bawah PDRM iaitu Kanun Keseksaan. Bagi SSM, kesalahan penipuan ditadbir di bawah Akta Syarikat 2016 adalah berkaitan dengan seksyen 594 iaitu mendorong orang untuk melabur wang secara *fraud* serta juga kesalahan tanggungjawab *fiduciary* dan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016 apabila skim tidak berdaftar.

Oleh itu, ia agak ketara ada perbezaan di antara penguatkuasaan untuk di bawah Akta Syarikat dan juga penguatkuasaan terhadap kegiatan-kegiatan jenayah yang lain. Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada SSM kerana selepas Akta Syarikat 2016 dikuatkuasakan dalam tahun 2017 memang ia telah memudahkan perniagaan di Malaysia. Sehinggakan pada tahun ini, *The Ease of Doing Business Report* 2019 yang diterbit oleh *World Bank* telah mengesahkan bahawa *the ease of doing business* in Malaysia *has moved up from 24th* iaitu 24 *position* kepada 15 *position*.

**■1630**

*So*, ia memang dengan kerja baik SSM mengikuti Akta Syarikat yang baru itu dengan kerjasama juga beberapa agensi di negara kita, kita memang memudahkan ekosistem perniagaan negara ini. Mengenai pertanyaan sama ada senarai hitam pengarah-pengarah atau syarikat-syarikat pemilik saham yang telah melakukan penipuan terhadap orang ramai atau kegiatan-kegiatan jenayah atau *black market*. Saya rasa jawapannya boleh didapati dalam seksyen 198. Di mana kita ada "*a person disqualified from being a director"* yang diperuntukkan di bawah seksyen 198. "*A person shall not hold office as a director of a company or whether directly or indirectly be concerned with or takes part in the management of a company, if the person:-*

(i) *is an undischarged bankrupt*;
(ii) *has been convicted of an offence relating to the promotion, formation or management of a corporation*; *and*
(iii) *has been convicted of an offence involving bribery, fraud or dishonesty."*

Oleh itu, walaupun kita tidak ada satu senarai hitam yang diterbitkan oleh SSM tetapi ada klasifikasi yang di mana kalau orang itu jatuh dalam ketiga-tiga subseksyen, mereka tidak layak menjadi pengarah sesebuah syarikat. Tahun ini juga kita pun telah melancarkan, membolehkan satu sistem carian atas sesiapa yang menjadi pemegang saham atau pengarah sesebuah syarikat. Iaitu kalau awak masukkan nama dan nombor IC seseorang, ia akan keluar di laman web, beliau ada pemegang saham di mana-mana syarikat atau beliau adalah seorang pengarah di mana-mana syarikat. Ini untuk juga supaya kita adalah lebih *transparent* atas sesiapa yang dicarikan *history*nya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin fasal yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi adalah fasal 198. Cumanya dalam fasal ini telah menunjukkan itu untuk Lembaga Pengarah tapi bagaimana pula- sebab ia begini Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan mukadimah Yang Berhormat Menteri tadi, ekosistem. Ekosistem perniagaan ini ada dua.

Satu, Lembaga Pengarah dan satu lagi *management.* Akan tetapi yang menguruskan syarikat ini bukan Lembaga Pengarah seperti mana disebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi merupakan mereka yang telah alibabakan. Ahli Lembaga Pengarah itu okey kerana terdapat perkara-perkara yang telah termaktub dalam Akta Syarikat 2016.

Akan tetapi persoalannya bagaimana kita hendak mengenal pasti supaya pengoperasian itu bukan diuruskan oleh mereka yang mempunyai kesalahan. Oleh kerana kadang-kadang apa yang diwujudkan dalam fasal 66, penyempurnaan dokumen itu juga telah dimanipulasikan supaya mereka mendapat projek-projek. Akhirnya, projek tidak dapat dilaksanakan kerana orang yang mengawal dan menyelia syarikat itu adalah orang yang telah melakukan kesalahan sebelum-sebelum ini.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Apa yang di-*suggest,* yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang mungkin satu *practice* dalam *business world* tetapi apa yang kita boleh buat adalah dari segi undang-undang. Dari segi undang-undang, lembaga pengarah yang mentadbir satu syarikat, kalau seseorang itu sudi *kasi* namanya digunakan orang lain, itu saya rasa itu *beyond our control. It's beyond our control to say, 'your name cannot be used for other people to conduct business'*. Ia terpulang kepada saya rasa pendidikan dan seterusnya kesedaran yang harus dijalankan sepanjang masa.

Akan tetapi dari segi undang-undang, memang lembaga pengarah yang mentadbir sesuatu syarikat. Sekiranya syarikat itu ada melanggar apa-apa undang-undang atau melibatkan dalam kegiatan jenayah, saya rasa pengarah-pengarah haruslah dipertanggungjawabkan. Seterusnya, saya akan mengulas sikit tentang dasar-dasar di belakang beberapa fasal yang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ada sebut iaitu fasal 3 mengenai *execution of document.*

Apa sebab kita membuat pindaan terhadap seksyen 66(6) adalah kerana tanpa pindaan ini, takrif dokumen yang diperuntukkan di bawah seksyen 2, Akta Syarikat 2016, memberikan takrifan yang sangat luas yang meliputi pelbagai jenis dokumen. Subseksyen 66(6) dimasukkan bagi membolehkan syarikat melaksanakan penyempurnaan dokumen mengikut peruntukan seksyen 66 terhadap dokumen tertentu sahaja dan bukannya terhadap dokumen-dokumen syarikat secara keseluruhannya.

Pindaan ini membolehkan syarikat menjalankan urusan harian secara lebih efektif. Untuk seksyen 66, ia memperuntukkan bahawa segala dokumen perlu ditandatangani oleh orang yang *authorised person* iaitu salah seorang pengarah. Akan tetapi pada hakikatnya bukan semua dokumen sesebuah syarikat perlu ditandatangani oleh *authorised person.* Oleh itu, kita dapati *feedback* daripada *business sector* bahawa seksyen 66 itu adalah terlalu luas. Umpamanya, satu invois, satu *delivery note,* ia boleh ditandatangani oleh seseorang *employee* dan bukan seseorang *authorised person.*

Oleh itu, kita hendak memperjelaskan bahawa *requirements for an authorised person to sign* ia merujuk kepada sesetengah dokumen yang penting untuk sesebuah syarikat. Itu adalah dasar di sebalik belakang kita membuat pindaan fasal 3.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak merujuk Tuan Yang di-Pertua, berkaitan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi seksyen 66, penyempurnaan dokumen. Saya yakin kemasukan subseksyen (5) ini untuk mewujudkan satu had supaya tidak terlampau besar. Cumanya, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sekarang ini berada dalam keadaan teknologi, kita lagi sekarang ini sudah ada digital *signature*. Maknanya, dia orang boleh *scan* kita punya tandatangan dan kemudian boleh *paste* dekat mana-mana sahaja. Bagaimana kementerian melihat, Suruhanjaya Syarikat melihat bagaimana hendak mewujudkan dokumen ini? Oleh kerana tafsiran kita merujuk kepada dokumen ini ditakrifkan mengikut Akta Keterangan 1950 dan saya merujuk pada Akta Keterangan 1950 agak longgar.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga bersetuju sekiranya Akta Keterangan 1950 ini dipinda supaya ia selaras dengan keadaan. Oleh sebab memandangkan kita punya Ahli Lembaga Pengarah berada di luar negara, macam mana hendak dapat tandatangan, kita gunakan *digital signature.*

**■1640**

Walaupun nampak macam betul tetapi ia adalah imej yang diletakkan di atas dokumen tersebut. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah di bawah Akta Keterangan dan di bawah Akta Syarikat ini, kita juga ada beberapa seksyen yang memperuntukkan tentang *digital document, digital signature* itu dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat di bawah Akta Keterangan iaitu *Evidence Act* itu, saya rasa ini nak kena tanya menteri lain untuk jawablah.

Untuk fasal 4 yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Pendang dan juga Segamat iaitu mengenai *reduction of capital. [Menyemak kertas jawapan beliau]* Ya, *redemption of shares.* Fasal ini adalah dimasukkan kepada rang undang-undang pindaan ini adalah untuk memastikan bahawa sekiranya ada *redemption of share capital,* ia tidak akan mengurangkan *capital* sesebuah syarikat. Tujuannya adalah untuk memberi perlindungan kepada *creditors* dan juga orang awam yang ada *transaction* dengan syarikat itu.

Fasal 7 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian berkenaan yang tidak kurang daripada 30 hari itu haruslah dikurangkan kepada 14 hari atau dikurangkan kepada dua minggu. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Pontian tidak sedar tentang apa yang diperuntukkan dalam seksyen 247(3) itu kerana untuk seksyen 247 itu, ia mewajibkan semua syarikat atau semua *holding company* supaya *financial year*nya harus diselaraskan dengan *financial year* subsidiari *company*nya kecuali ada alasan-alasan yang boleh diterima oleh *registrar of company* dan sebelum kita membuat pindaan itu, bila-bila masa *holding company* boleh membuat permohonan supaya dikecualikan.

Akan tetapi kita rasa supaya untuk kita memberi lebih masa kepada *holding company* itu membuat *adjustment* dalam akaunnya. Oleh itu, tempoh 30 hari diberikan atau diperuntukkan di bawah fasal ini. Sekiranya *registrar of company* tolak permohonan *holding company* itu, *holding company* itu boleh membuat *adjustment* kepada *statement account* mereka. Oleh itu, saya rasa untuk satu tempoh yang 30 hari untuk membuat *adjustment financial account* adalah memadai dan bukannya terlalu panjang masanya.

Seterusnya adalah mengenai fasal, saya rasa saya akan pergi terus kepada fasal 14 di mana mengenai *security for costs* yang telah disebut oleh beberapa orang termasuklah Yang Berhormat Paya Besar. Penetapan *security for costs* adalah di bawah bidang kuasa mahkamah di mana mahkamah boleh mengarahkan supaya kos bagi apa-apa tindakan atau prosiding hendaklah ditanggung oleh pihak kepada tindakan atau prosiding tersebut.

Penetapan *security for costs* juga adalah untuk memastikan tuntutan yang difailkan adalah *genuine* dan tidak bermaksud untuk membebankan plaintif dan untuk memastikan pihak-pihak tidak menyalahgunakan prosiding mahkamah sewenang-wenangnya. Tujuan fasal ini adalah jelas, untuk mengelakkan apa-apa *frivolous claim, frivolous or pre-emptive strike by the plaintiff* dan juga saya rasa ia terpulang kepada budi bicara hakim untuk menetapkan amaun *security for costs* yang harus diberi atau sama ada seseorang plaintif harus memberikan *security for costs* kerana kita dapati ada sesetengah syarikat yang buat *pre-emptive strike* dan juga melibatkan memfailkan *previous action* supaya defendan yang seharusnya ada tuntutan terhadap plaintif itu sebelum mereka failkan kes itu, plaintif itu masukkan kes.

Ini adalah untuk mengelakkan salah guna ... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Proses mahkamah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** …*abuse of process of the court* dan untuk fasal... *[Disampuk]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh sikit? Saya masih– betul, ia juga– hendak ke mana itu Yang Berhormat Jelebu? Apa yang pentingnya adalah seksyen 580A yang baharu dan dimasukkan di bawah seksyen 580 ini, saya nak kementerian bagi penjelasan. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab seolah-olahnya tidak mahu ada salah guna dalam kaedah plaintif untuk kenakan defendan tetapi bagaimana pula kementerian mengimbangi? Adakah terlampau banyak dan saya minta Yang Berhormat bagi statistik, berapa banyakkah kes yang dituduh dan didakwa semata-mata hanya dalam proses nak mengenakan syarikat tersebut? Itu yang pertama.

Yang kedua, bagaimana pula kementerian mengimbangi supaya mereka-mereka yang tidak mempunyai kewangan yang kuat kena letakkan pula jaminan kos dalam proses mahkamah yang mengambil masa begitu lama dan akhirnya ia merencatkan pembelaan keadilan kepada syarikat-syarikat yang telah dianiaya. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam dua perkara yang saya sebutkan tadi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara ini sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Paya Besar, seolah-olah kalau kita tengok akta ini apabila dilaksanakan, syarikat nak bawa ke mahkamah, akan dikenakan kos dahulu dan ia sudah pastilah kurang keadilan kepada syarikat tersebut dan sekiranya kalah pula, syarikat ini tidak boleh membayar, ia akan menyebabkan kebankrapan.

Maka di sinilah kena meneliti bahawa rang undang-undang itu yang kita hendak gubalkan yang sedikit yang saya sebutkan tadi, pastikan bahawa *win-win situation.* Maknanya tidak ada melihatkan kesannya kepada plaintif dan juga kepada di sebaliknya. Jadi, saya berharap supaya pihak Yang Berhormat Menteri boleh melihat kerana apabila kita laksanakan akta ini, ia akan menjadi tidak ada kuasa kepada mahkamah. Adakah benar?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Memang ada kuasa kepada mahkamah. Ini saya telah jelaskan bahawa sama ada seseorang plaintif akan diputuskan oleh mahkamah mesti berikan jaminan kos atau tak dan juga amaun yang harus ditetapkan. Itu adalah terpulang kepada budi bicara seseorang hakim dan saya rasa itu di bawah *Rules of Court 2012* pun ada *security for costs* yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi dan prinsip-prinsip di mana mahkamah memutuskan sama ada amaun *or whether they have to pay the security for costs,* itu ada prinsip undang-undang yang *established.* Oleh itu, ia akan juga terpakai untuk kes di bawah fasal 14 selepas ia diluluskan.

*So,* saya rasa itu hanya satu seksyen, fasal yang mewujudkan hak kepada seorang defendan supaya tidak di*abuse* oleh seseorang plaintif. Sama ada itu akan menjadi satu *undue pressure* terhadap seseorang plaintif, ia akhirnya terpulang kepada budi bicara seseorang hakim.

Ya, sila.

**■1650**

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Timbalan Menteri, saya sedikit saja. Dalam *point* ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bekalkan saya secara bertulis apakah *evidence* yang menyebabkan sehingga Akta Syarikat ini perlu masukkan fasal ini? Ini kerana ia mesti meyakinkan kami sebagai penggubal rang undang-undang supaya ia tidak berlaku. Kalau betul seperti mana yang kita bahaskan semalam, Akta Perikanan banyak sangat perkara yang berlaku dan kalau ini betul yang berlaku, kita harus membuat *advocacy* kefahaman mereka di peringkat sekolah dan universiti tentang perkara apa yang disebutkan menganiayai orang yang tidak sepatutnya dianiayai. Saya minta secara bertulis, Timbalan Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Okey, terima kasih. Tetapi saya rasa kalau nak statistik di mana *court of proceeding* kena di*abuse*, susah nak memberikan statistik sebegitu. Kalau segala kes tuntutan itu kalah boleh dikategorikan sebagai *case an abuse*, banyak kes plaintif yang tidak berjaya di dalam *court. So, I don't know what statistic you are looking for but anyway, I think* di bawah perbicaraan...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Timbalan Menteri, mencelah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** ...Banyak kes plaintif yang akhirnya tidak berjaya, gagal. Adakah Yang Berhormat nak statistik mengenai aspek itu di mana plaintif itu gagal dalam tuntutan mereka?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ia sebab begini, Timbalan Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kalau itu, memang banyak.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tak. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut ada lima agensi awal semasa mukadimah bacaan kali kedua tadi.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Labis minta celah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bacaan kali kedua tadi, di awal tadi sebelum kita berbahas, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut pindaan ini atas asas lima pihak berkepentingan yang saya sebutkan dalam hujah saya tadi. Jadi, kemukakan bukti

supaya kita dapat rasa ini dilaksanakan dengan memasukkan subseksyen ini adil kepada rakyat. Itu sahaja.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pengalaman saya di mahkamah pun, saya dapat banyak *cases* di mana plaintif yang membuka syarikat mempunyai RM2 *paid-up capital* sahaja. Kalau tiada *security cost* diberikan, kita jangan pandang daripada plaintif saja. Kita juga pandang daripada defendan di mana defendan yang menang kes itu tidak ada jalan untuk mendapat kos oleh kerana syarikat plaintif mempunyai RM2 sahaja *paid-up capital*. Jadi, macam mana? Saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya harap Yang Berhormat Paya Besar boleh mengimbangkan kepentingan kedua-dua pihak. Oleh itu, saya rasa saya nak cakap, ini hanya untuk mewujudkan hak kepada pihak defendan tetapi akhirnya ia terpulang kepada budi bicara seseorang hakim sama ada menentukan, nak menetapkan amaun atau keperluannya untuk memberikan jaminan kos.

Perkara akhir yang saya ingin ulas adalah tentang fasal 13. Fasal 13 ini adalah berkaitan ya, untuk Yang Berhormat Paya Besar. Fasal 14 ini adalah dipohon oleh pihak Majlis Peguam. Fasal 13 ini adalah mengenai *appointment of liquidator* iaitu pelantikan penyelesai. Setakat ini, sebelum kita membuat pindaan itu, memang kuasa untuk melantik penyelesai adalah di bawah Menteri Kewangan.

Akan tetapi oleh kerana kita dapati bahawa seksyen 433 ini adalah tidak mencukupi, oleh itu kita tambah lagi beberapa fasal supaya ia menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk melantik dan menetapkan syarat-syarat dalam pelesenan seseorang penyelesai. Kita juga memperuntukkan bahawa Menteri Kewangan juga ada kuasa untuk membatalkan lesen penyelesai tersebut.

Oleh itu, saya rasa saya sudah jawab segala isu yang dibangkitkan berkenaan dengan rang undang-undang pindaan ini. Isu-isu yang dibangkitkan yang terkeluar daripada rang undang-undang pindaan ini, saya tidak akan jawab. Sekiranya ia adalah berkenaan dengan urusan SSM, saya rasa pegawai-pegawai SSM di belakang ini pun ada mencatatkan apa-apa cadangan dan isu *concern* yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian, pertimbangan tentang cadangan Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab dengan tenang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)* ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[****Fasal-fasal 1 hingga 10*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 11 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Silakan Yang Berhormat.

**4.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 11 rang undang-undang dipinda dengan:

(a) memotong perenggan (a); dan

(b) dengan menomborkan semula perenggan (b), (c) dan (d) sebagai perenggan (a), (b) dan (c).

Pindaan ini adalah bertujuan untuk memotong pindaan yang dicadangkan dalam perenggan (a) bagi mengekalkan peruntukan sedia ada dalam Akta Syarikat 2016 yang membolehkan mana-mana penerima atau penerima dan pengurus melaksanakan fungsi-fungsi yang dinyatakan dalam seksyen 386 ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam kertas pindaan hendak disetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[**Fasal 11** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[**Fasal-fasal 12 hingga 15** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan kepada pukul 10 pagi, 11 Julai 2019.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.01 petang]***